

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 29**

**Selasa**

**7 Oktober 2014**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 28)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 (Halaman 30)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Selasa, 7 Oktober 2014**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2014) 2014;
2. Akta Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014;
3. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013;
4. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014;
5. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014; dan
6. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

"1 Julai 2014

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014;
2. Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014;
3. Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013;
4. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2014;
5. Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014; dan
6. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA"

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kadar pergerakan gaji atau pendapatan rakyat seiring dengan pergerakan kos hidup secara purata tahunan memandangkan Model Baru Ekonomi (MBE) menumpukan peningkatan pendapatan per kapita rakyat menjelang 2020 dan mempertingkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah serta sederhana rendah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan juga salam Aidil Adha kepada semua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Selangor dalam tiga bahagian. Pertama sekali tentang Model Baru Ekonomi. Model Baru Ekonomi ini menyasarkan negara kita menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan tiga komponen ataupun ciri-ciri utama iaitu:

- (i) Berpendapatan tinggi;
- (ii) Keterangkuman (*inclusive*); dan juga
- (iii) Kemapanan (*sustainable*).

Sasaran pendapatan tinggi kita adalah merujuk kepada pendapatan negara kasar per kapita sebanyak USD15,000 ataupun RM49,000 mengikut kadar tukaran wang semasa. Komponen *inclusive* bermakna, kita mahu pastikan bahawa semua lapisan masyarakat mendapat manfaat hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara. Di peringkat mikro, antara lain, kita mengukur jumlah gaji pekerja berbanding dengan saiz ekonomi ataupun Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP).

Dalam tempoh lima tahun di antara tahun 2008 hingga tahun 2013, ekonomi kita telah pun berkembang pada kadar purata 5.1% setahun manakala jumlah gaji telah meningkat pada kadar purata 8% setahun. Ini telah membolehkan nisbah ataupun peratusan gaji kepada KDNK meningkat daripada 29.3% pada tahun 2008 kepada 33.6% pada tahun 2013.

Ini bermakna pembahagian hasil peningkatan ekonomi kepada pekerja-pekerja beransur lebih adil ataupun lebih baik berbanding dengan pulangan kepada pemberi modal.

Keduanya, di peringkat isi rumah pula, kita menjalankan kajian pendapatan isi rumah dua kali dalam masa lima tahun mengikut piawaian statistik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kali terakhir kita adakan kajian pendapatan ini adalah pada tahun 2012 dan sebelum itu pada tahun 2009.

Jabatan Statistik Malaysia kini sedang menjalankan kajian pendapatan dan perbelanjaan isi rumah pada tahun 2014 ini. Berdasarkan pada kajian tersebut, purata pendapatan isi rumah telah meningkat daripada RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM5,000 pada tahun 2012 dan seterusnya kepada RM5,919 pada tahun 2014 berdasarkan kepada data awalan kajian tersebut.

#### ■1010

Manakala pendapatan penengah ataupun median telah meningkat dari RM2,830 pada tahun 2009 kepada RM3,626 pada tahun 2012 dan seterusnya meningkat kepada RM4,258 pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak 8% setahun dari tahun 2009 hingga ke tahun 2014.

Pada waktu yang sama, indeks harga pengguna telah meningkat daripada paras 98.3% kepada 110% iaitu peningkatan sebanyak 2.3% setahun. Ini bermakna pendapatan isi rumah meningkat lebih tinggi berbanding dengan peningkatan kadar inflasi dalam jangka masa lima tahun terakhir ini. Di samping itu pendapatan 40% isi rumah terendah juga telah meningkat daripada RM1,440 sebulan pada tahun 2009 kepada RM1,847 pada tahun 2012 dan kepada RM2,312 pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan 10% setahun dalam tempoh jangka masa yang sama. Ini berikutan langkah-langkah kerajaan yang memfokuskan kepada golongan pendapatan 40% isi rumah terendah termasuklah pengenalan gaji minimum, Bantuan Rakyat 1Malaysia dan lain-lain usaha mempertingkatkan kemahiran golongan tersebut supaya mendapat pekerjaan dan peluang perniagaan dengan pendapatan yang lebih baik.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita percaya kita berada pada landasan yang betul, kita masih belum lagi selesa. Ini kerana walaupun pendapatan telah meningkat, masih ramai lagi keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Sebagai contohnya pada tahun 2012, 61.3% daripada jumlah isi rumah mempunyai pendapatan RM3,000 ke atas sebulan dan peratusan ini telah pun meningkat kepada 71.3% berdasarkan data awalan tahun 2014. Walaupun ini satu peningkatan yang baik, kita masih belum selesa kerana masih terdapat 28.7% dari sejumlah tujuh juta isi rumah di Malaysia ini ataupun dua juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Untuk itu kerajaan akan terus melaksanakan agenda transformasi ekonomi untuk merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi kita supaya dapat mewujudkan

peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan peluang perniagaan kepada rakyat. Untuk itu dasar dan program kerajaan termasuklah Pembangunan Modal Insan, peningkatan dalam produktiviti serta kreativiti dan inovasi akan terus diberikan tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan terus memberikan tumpuan kepada aspek pembangunan sosial dan mengambil langkah yang bersesuaian dalam usaha membantu rakyat menangani beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Ini termasuklah pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukannya dan kerajaan juga akan menyediakan lebih banyak lagi rumah mampu milik serta kemudahan Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan dan mampu dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

Ini adalah bagi memastikan bahawa rakyat akan dapat terus menikmati tahap kualiti hidup yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak nafikan Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014 yang telah dijalankan oleh kerajaan menunjukkan taraf hidup hari ini meningkat dengan purata pendapatan isi rumah melepasi RM5,900 sebulan. Yang Berhormat Menteri juga telah mengumumkan bahawa Kajian Pendapatan Isi Rumah 2014 yang meningkat sebanyak RM900 berbanding tahun 2012. Saya sememangnya telah mendapat maklum balas yang kurang memuaskan terutama sekali bagi orang ramai, bagi golongan kelas pertengahan dan juga kelas bawahan.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya ada terbaca tulisan daripada Prof. Dr. Lee Poh Aun, daripada Universiti Malaya yang menyatakan bahawa kerajaan tidak pernah melakukan analisis yang membezakan tahap kekayaan pendapatan bukan makan gaji ataupun pendapatan individu sebelum cukai dan selepas cukai. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kajian itu berlandaskan fakta dan sejauh manakah kerajaan khususnya Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah meneliti secara terperinci pendapatan isi rumah terutamanya di kawasan luar bandar. Jika purata pendapatan isi rumah meningkat, adakah ini bermakna gaji juga akan naik dan sejauh manakah pertumbuhan purata pendapatan isi rumah berbanding dengan purata pertumbuhan gaji pada masa kini? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memang menjalankan kajian yang terperinci dalam statistik kita. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita punya kaedah itu kita mengikut kaedah *Standard National Account* yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan sebenarnya kajian ini adalah amat terperinci. Sebagai contohnya dalam kajian pendapatan dan perbelanjaan isi rumah untuk tahun 2014 ini, kita menyasarkan lebih 80,000 isi rumah yang akan dikaji dan setiap bulan pekerja-pekerja kita di Jabatan Statistik menemu bual dan menjalankan penyiasatan ataupun kajian kepada 7,000 isi rumah. Soalan-soalan yang diajukan dan penilaiannya adalah amat *detail* sekali.

Jadi kita mempunyai banyak *details* ataupun analisa terperinci termasuklah bergantung kepada bukan saja dari segi umur, dari segi kelulusan mereka tetapi juga

daripada segi sumber-sumber pendapatan mereka yang lain dan juga berdasarkan kepada pekerjaan ketua isi rumah. Sebagai contohnya yang sebutkan tadi merupakan purata dan penengah keseluruhan dan juga golongan 40% ke bawah. Kita juga mendapati sebagai contohnya di mana pekerjaan ketua isi rumah itu merupakan pekebun kecil getah, sebagai contohnya telah meningkat dengan kadar yang lebih rendah berbanding dengan kumpulan-kumpulan lain.

Sebagai contoh untuk pekebun kecil getah, kalau masa tahun 2012 tersebut, purata pendapatan adalah RM2,322 sebulan pada tahun 2012 dan pada tahun 2014 meningkat secara kecil kepada RM2,421 sahaja. Maksudnya ini bukan pendapatan hanya 2.1% berbanding dengan pendapatan golongan pendapatan rendah yang tadi saya sebutkan yang lebih daripada 10% setahun. Jadi ini merupakan data-data yang banyak *detail* yang memberikan kita ruang untuk merumuskan polisi-polisi ataupun dasar-dasar yang sesuai dalam kita melaksanakan bukan saja dalam belanjawan tapi juga dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan tadi, beberapa langkah yang telah dan akan diambil untuk membantu golongan yang berpendapatan lebih rendah daripada purata yang telah pun diumumkan. Itu antaranya disebut BR1M. Tapi saya dok tengok kerajaan ini dia tak ada benda lain, *dok wirid* BR1M sahaja. Macam tak ada satu langkah-langkah yang lebih berkesan dalam hendak membantu masyarakat dan rakyat yang berpendapatan rendah.

Apa yang saya hendak tanya ialah dengan kenaikan harga minyak 20 sen ini, sudah tentulah bahawa kajian yang menunjukkan kadar pendapatan yang disebut itu tadi tidak akan memberikan kesan, akan menyebabkan kemerosotan kepada dari segi keupayaan perbelanjaan masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini. Jadi saya hendak minta satu lagi penjelasan ialah adakah Yang Berhormat bersetuju dengan kenyataan Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Perak Raja Nazrin baru-baru ini dalam ucapan perasmian sempena 47 tahun penubuhan SPRM, supaya meminta Putrajaya jangan lagi nafikan kewujudan kekayaan yang tidak sama rata. Malah beliau sangat mempersoalkan fakta-fakta, angka-angka yang telah pun ditunjukkan oleh pihak kerajaan kerana beliau menyatakan bahawa 78% daripada pencarum dalam KWSP adalah mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah dan ini sangat berbahaya kepada negara kita kerana sebahagian besarnya dalam sektor perkhidmatan awam yang boleh memabitkan penglibatan dalam amalan rasuah.

Jadi saya minta penjelasan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa saranan Ke Bawah Duli Tuanku Sultan bahawa Putrajaya tidak harus menafikan bahawa wujud agihan kekayaan yang tidak sama rata dalam negara kita.

■1020

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi banyak benda tetapi yang Yang Berhormat Pokok Sena 'dok' ingat BR1M sahaja. BR1M ini merupakan satu *income support*, dengan izin dan saya sebutkan tadi banyak juga langkah-langkah lain yang telah diambil kerajaan sebelum

ini termasuklah memperkenalkan gaji minima yang telah berjaya meningkatkan pendapatan isi rumah golongan 40% ke bawah ini yang telah meningkat sebanyak 10% setahun dalam jangka masa lima tahun yang saya sebutkan tadi. Jadi ini merupakan langkah-langkah yang spesifik.

Akan tetapi yang saya juga sebut tadi yang penting adalah supaya kita terus memperkembangkan ekonomi negara supaya dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi ini, peluang pekerjaan yang lebih baik, peluang perniagaan yang lebih baik dapat diwujudkan untuk rakyat semua. Inilah usaha kita supaya rakyat kita mendapat pendapatan yang lebih baik dan termasuk itu, kita adakan program-program pembangunan modal insan, program-program peningkatan produktiviti serta inovasi. Daripada segi konteks program keusahawanan, memang banyak yang kita perkenalkan.

Daripada segi peningkatan pendapatan yang saya sebutkan tadi, memang saya sudah sebutkan dalam jawapan saya yang tadi bahawa walaupun peningkatan ini yang lebih baik 8%, ada yang 9%, ada juga yang 10% golongan berpendapatan 40% ke bawah ini, kita masih belum selesai, masih banyak yang perlu dilaksanakan. Apa yang saya sebutkan tadi, pendapatan mereka yang isi rumah RM3,000 ke bawah ini, masih ada 28.7% ataupun dua juta isi rumah yang masih berpendapatan kurang daripada RM3,000 ke bawah. Jadi itu kita perlu meneruskan usaha-usaha kita ini untuk mempertingkatkan lagi.

Ini yang saya sebutkan akan dilaksanakan secara kita meningkatkan saiz ekonomi kita sebab apabila saiz ekonomi kita berkembang, maka kita boleh melaksanakan program-program yang membolehkan kita *distribute*, dengan izin, hasil peningkatan ekonomi tersebut kepada golongan-golongan yang memerlukan dengan lebih baik lagi. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan berpendapat dengan mendakwa sebilangan pemimpin Pakatan Rakyat termasuk beberapa orang Ahli Parlimen, aktivis dan cendekiawan dengan tuduhan menghasut (Akta Hasutan 1948) selaras dengan komitmen Perdana Menteri menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih demokratik.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Aidiladha kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang demokratik dan terkenal dengan keunikan kita hidup aman damai walaupun berlainan agama serta kaum. Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan budaya, kerajaan amat komited dalam mempertahankan semua agama yang membentuk negara bangsa Malaysia daripada perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh atas soalan ini.

Oleh yang demikian, sesiapa sahaja yang dengan sengaja membangkitkan isu-isu yang boleh menimbulkan kemarahan atau kebencian yang boleh memecahbelahkan perpaduan nasional dan menggugat ketenteraman awam akan dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya tanpa mengira status dan latar belakang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setiap undang-undang dan akta yang digubal adalah bagi memastikan keharmonian serta keamanan dapat terus terpelihara. Justeru, sesiapa sahaja yang didapati melanggar undang-undang atau cuba menimbulkan suasana tidak aman kepada negara akan didakwa berlandaskan undang-undang yang berkaitan. Tiada sesiapa yang mengatasi undang-undang ataupun dengan izin, *no one is above the law*. Keamanan, keharmonian, kesejahteraan serta kemakmuran rakyat dan negara merupakan perkara paling penting yang perlu kita pelihara dan pertahankan.

Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih penjelasan Yang Berhormat Menteri. Pertama, kita harus jelaskan bahawa Perdana Menteri sendiri telah memberi pengakuan, komitmen untuk memansuhkan akta ini, akta yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris atas alasan melawan penganas komunis. Tindakan Inggeris pada ketika itu tidak semuanya terhadap Inggeris tetapi terhadap pejuang-pejuang kebangsaan negara.

Saya tidak faham mengapa setelah pengakuan oleh Perdana Menteri begitu tegas memansuhkan, bukan untuk meminda, masih dilaksanakan dengan sewenang dan ia walaupun saya terima baik pengakuan Yang Berhormat Menteri bahawa tindakan itu tidak mengenal bulu dan siapa sahaja yang mengancam, menggugat ketenteraman awam, sama dengan kenyataan penjajah Inggeris dahulu, apakah kenyataan tokoh akademik tentang kritikan terhadap pelaksanaan pemerintahan itu menggugat ketenteraman awam atau tidak ada kenyataan-kenyataan lain yang dibuat oleh wakil-wakil di sebelah sana yang boleh ditafsirkan begitu?

Saya tidak setuju kalau ada orang yang katakan ambil tindakan terhadap pemimpin UMNO kah, MCA kah, saya tidak setuju menggunakan akta ini kerana saya menolak akta ini pada prinsip. Sudahlah. Negara kita sudah matang dan tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenang. Itu penjelasan pertama yang saya minta tetapi soalan ini ada kaitan soal perkara yang saya sebut dalam soalan tadi iaitu membantu Malaysia. Jaminan Perdana Menteri untuk membantu Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih demokratik.

Tindakan yang diambil menyalahgunakan undang-undang warisan penjajah yang *draconian* ini bukan sahaja menyalahi prinsip ini tetapi bertentangan dengan dua jaminan Perdana Menteri. Pertama, menghapuskan. Kedua, menjadikan negara ini menjadi lebih demokratik. Jadi saya mahu penjelasan dan pengakuan kerajaan bahawa akan menghentikan tindakan-tindakan mengganas terhadap suara mutlak rakyat menegur kerajaan. [Tepuk]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya merasa amat bertuah hari ini kerana mendengar Yang Berhormat Permatang Pauh memuji sendiri hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghapuskan. Memang sudah *dicommit* kan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, berkali-kali kita mendengar. Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, saya mengharap agar Yang Berhormat juga *appreciate*, dengan izin, keadaan yang kita hadapi masa ini.

Apa yang berlaku masa ini ialah proses untuk menghasilkan suatu undang-undang baru untuk mengganti, sama ada mengganti ataupun menjadi suatu undang-undang yang



seiring dengan Akta Hasutan itu sendiri kalau kita memperbaikinya. Itu akan menjadi suatu proses yang dalam masa ini memang dalam proses untuk dipinda dan juga digubal satu undang-undang baru.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menyentuh mengenai mengapa akta ini masih berkuat kuasa. Ini kerana kita tidak ada akta lain untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan yang mempunyai kecenderungan untuk menghasut. Jadi sebab itu kita hanya bergantung kepada akta ini.

Selain daripada itu juga, kita tidak mempunyai... Kita mengamalkan sistem *separation of powers*, dengan izin. Jadi kita tidak mengambil, *we don't step into the other's shoes*, dengan izin, di mana mereka yang bertanggungjawab ialah Jabatan Peguam Negara yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk mendakwa dan juga menarik balik. Jadi kita sebagai kerajaan, sebagai eksekutif, kita tidak akan masuk campur dalam hal ini. Jadi sekarang ini, akta yang ada yang berkuat kuasa hanya Akta Hasutan. Jadi sementara itu, itulah yang boleh kita lakukan sementara kita menghasilkan suatu undang-undang baru atau akta baru untuk digantikan sebagai undang-undang yang boleh mengambil alih kes-kes yang mempunyai kecenderungan untuk menghasut.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan soalan asal Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengenai komitmen Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih demokratik.

Demokrasi ini adalah buatan manusia. Justeru itu, ia tidak pernah sempurna. Ada parti buat pemilihan sampai sekarang pun belum umum, itu lebih demokratik. Ada juga kerajaan yang gantung Ahli Majlis tanpa prosedur yang telus. Itu juga lebih demokratik.

■1030

Soalan saya, janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Malaysia ini jadi lebih demokratik mestilah ada syarat-syaratnya. Jadi saya hendak tanya apakah syarat yang patut diletakkan kepada mana-mana pihak individu dan NGO agar tidak melangkaui batasan kaum, etnik, agama dan budaya, sambil mereka bercakap atas kebebasan serta hak bersuara. Apakah syarat-syarat yang kerajaan hendak tetapkan?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mersing di atas soalan yang begitu menggalakkan. Ada rakan-rakan kita tidak dapat tahan dengar ya?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen, hak kebebasan bercakap dan bersuara setiap warganegara di Malaysia dijamin di bawah perenggan (a) fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Namun kebebasan bercakap dan bersuara tidaklah diberikan secara mutlak dan hendaklah sentiasa diimbangi dengan tanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan awam sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (a) fasal (2) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Sekatan terhadap kebebasan bercakap dan bersuara melalui peruntukan undang-undang ini bukanlah suatu yang hanya diperuntukkan di Malaysia sahaja. Malah negara-negara pelopor prinsip demokrasi juga memperuntukkan undang-undang yang berupa

sekatan terhadap kebebasan bercakap dan bersuara demi memastikan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan awam di negara masing-masing.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua kebebasan bercakap dan bersuara di United Kingdom adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang diperuntukkan antara lain di bawah Race Relations Act 1976, dengan izin. Sementara di Australia pula perkara ini adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan yang diperuntukkan antara lain di bawah Racial Discrimination Act 1975, dengan izin.

Jadi di Malaysia pula salah satu undang-undang yang memperuntukkan sekatan sedemikian adalah Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*]. Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan yang berkecenderungan antara lain untuk mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia. Mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, rakyat kecewa sebab melihat kerajaan dan pihak AG gagal untuk menangkap mereka yang melakukan kesalahan. Kita ada akta. Nama pun Akta Hasutan. Bermakna dia harus digunakan kepada yang suka menghasut. Sama ada penghasut itu daripada wakil rakyat pembangkang, daripada mana-mana, asal dia menghasut menimbulkan niat jahat, menggemparkan rakyat, mengucar-ngacirkan negara perlu didakwa di bawah hasutan.

Soalan tambahan. Saya hairan kenapa kelompok ini beria-ia sangat mahu memansuhkan Akta Hasutan. Bermakna mereka ada niat jahat awal-awal. [*Dewan riuh*]

Jadi saya mahu pihak AG mengenal pasti mereka yang ada niat jahat ini. Kalau boleh tangkap satu-satu. Jangan biar, sebab mereka ini macam Yang Berhormat Pokok Sena inilah pencetus huru-hara.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tidak, dia kata niat jahat orang hendak hapuskan akta, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri hendak hapuskan akta.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tengok, kita baru mula dia sudah berdiri. Apa ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Maknanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada niat jahatkah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini menghasut ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ini hendak lawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tidak akan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada niat jahat hendak hapuskan akta.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini raja penghasut! Duduklah!

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Apalah!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini ketua penghasut ini. Ini kena diambil rekod. Jadi saya... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, soalan, soalan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kinabatangan bukan penghasut, ini makhluk perosak.

*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, soalan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia merosakkan imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah! Apa Yang Berhormat Pokok Sena ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Dia mengecap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai ada niat jahat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang beri jaminan akan menghapuskan akta.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Tuan Yang di-Pertua dia punya ketaatan sama Presiden dia pun dia longgarkan. Dia tidak setia dengan Presiden parti dia. Apa lagi ini? *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Itu jelas penghasut Tuan Yang di-Pertua, itu jelas penghasut. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Maknanya dia kata kepada presiden, dia kata kepada Presiden UMNO, dia kata kepada Presiden PAS.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk, duduk!

*[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tengok presiden pun...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Dia pun tidak setia kepada Presiden parti. Dia kata Presiden hendak mansuh Akta Hasutan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Kepada Presiden dia pun tidak setia bermakna memang adalah niat dia. Saya harap Ahli-ahli PAS awasi Naib Presiden ini bahaya. Dia ada niat yang lebih tinggi. *[Ketawa]* Jadi saya meminta kerajaan supaya...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Kinabatangan pun ada niat terhadap Presiden parti. Presiden parti yang mahu mansuhkan Akta Hasutan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Menguatkuasakan Akta Hasutan ini. Saya tidak mahu di Dewan Rakyat ini kita mengubah Akta Hasutan. Kalau boleh memperkuatkan Akta Hasutan ini untuk membanteras mereka yang suka menghasut sehingga negara kita kucar-kacir. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa soalan itu bercampur. Mungkin saya boleh khususkan kepada pemilihan dari segi pendakwaan. Itukah yang dimaksudkan?

Tuan Yang di-Pertua, keputusan sama ada untuk mengemukakan pertuduhan, mengambil kes mendakwa seseorang itu atau mengambil jenis pertuduhan terhadap mana-mana individu adalah berdasarkan kepada keterangan dan fakta kejadian dan bukanlah atas desakan oleh mana-mana pihak atau apa-apa faktor yang lain tanpa mengambil kira latar belakang agama, kaum ataupun kecenderungan politik individu berkenaan. Itulah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Kita bukan hanya kalau apa-apa berlaku kita tidak memilih sama ada dia daripada pembangkang ataupun daripada Barisan Nasional, asalkan ia menepati apa yang dinyatakan dalam undang-undang iaitu dalam apa yang boleh *to meet the elements of the offences*. Elemen dalam undang-undang ini dengan izin.

Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya. Tadi juga ditanya sama ada rasanya kita perlu mempertahankan Akta Hasutan ini. Ini seperti yang saya nyatakan masih dalam proses dipinda dan dikaji lagi sekali oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Ini kerana mereka mendapati ataupun kerajaan mendapati kita mempunyai banyak maklum balas dan buat masa ini masih berlangsung lagi proses *engagement* dengan izin, dengan pihak-pihak tertentu *stakeholders* dengan izin, yang mempunyai kepentingan dalam hal ini.

Jadi berbalik kepada kuasa pendakwaan adalah di bawah kuasa Peguam Negara seperti mana yang termaktub dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Jadi sejak dahulu lagi Malaysia telah mengamalkan sistem pembahagian kuasa iaitu satu doktrin dalam pemerintahan demokrasi yang membahagikan urusan dalam negara kepada tiga cabang iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Apa jua perkara yang diputuskan oleh mana-mana cabang ini adalah dibuat tanpa campur tangan oleh mana-mana pihak dari cabang yang lain. Itu sahaja, terima kasih.

**3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kementerian akan mendedahkan kepada umum bagaimana dua kertas peperiksaan UPSR 2014 boleh bocor; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang terlibat membocorkan kertas peperiksaan berkenaan.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili seluruh warga Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan seluruh rakyat Malaysia berhubung dengan insiden kebocoran Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014.

■1040

Sehubungan ini saya atas kesulitan yang dihadapi oleh semua pihak, Kementerian Pendidikan ingin memohon maaf terutamanya kepada murid Tahun 6, ibu bapa serta guru seluruh negara.

Untuk maklumat Dewan yang mulia terdapat sebanyak 12 pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung berkaitan isu berkenaan iaitu Yang Berhormat Kalabakan pada hari ini, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kuantan dan juga Yang Berhormat Kubang Pasu. Maka izinkan saya untuk menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah menerima aduan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri ada tarikh-tarikh yang telah dikemukakan oleh soalan Yang Berhormat yang berkenaan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Memang ada daripada 7 hari bulan, 8 hari bulan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pada 7 hari bulan daripada kawasan mana?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Pada 7 hari bulan Yang Berhormat Kalabakan dan juga Yang Berhormat Kepong. Pada 8 hari bulan Yang Berhormat Taiping dan juga Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Batu Pahat. Pada 9 hari bulan Yang Berhormat Rasah, pada 13 hari bulan Yang Berhormat Baling, pada 14 hari bulan Yang Berhormat Setiawangsa, pada 15 hari bulan Yang Berhormat Permatang Pauh dan Kuantan, pada 16 hari bulan Yang Berhormat Kubang Pasu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kementerian telah menerima aduan orang ramai yang menyatakan bahawa kertas soalan UPSR bagi Bahasa Inggeris bagi sekolah kebangsaan dan kertas Sains bagi kertas sekolah kebangsaan SJK(C) dan SJK(T). Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Dalaman Lembaga Peperiksaan telah melakukan siasatan menyeluruh serta mendapati bahawa dakwaan dan aduan itu adalah benar. Berikutan itu Kementerian Pendidikan pada 19 September 2014 telah mengesahkan laporan tersebut dan mengambil keputusan untuk mengadakan semua peperiksaan UPSR pada 30 September yang lalu.

Bagi 473,175 calon di 8,299 pusat peperiksaan dengan melibatkan 51,438 orang petugas di seluruh negara. Ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang yang sama rata dan keadilan kepada semua murid yang terlibat. Untuk memastikan murid dapat kesediaan yang terbaik dari segi emosi dan juga psikologi, pihak sekolah telah diarahkan untuk memberi khidmat kaunseling kepada murid-murid yang memerlukannya. Pada 21 September negara sekali lagi digemparkan dengan kebocoran kertas ujian Matematik bagi sekolah kebangsaan SJK(C) dan SJK(T) serta kertas Bahasa Tamil. Setelah siasatan dalaman dilakukan Kementerian Pendidikan sekali lagi mengesahkan berlakunya

kebocoran tersebut dan memutuskan supaya kertas-kertas tersebut perlu diduduki pada 9 Oktober iaitu dua hari yang akan datang.

Kejadian yang berlaku ini amat mendukacitakan semua pihak. Pihak kementerian telah membuat dua laporan polis supaya satu siasatan menyeluruh dapat dilakukan dengan serta-merta. Kementerian yakin pihak berkuasa akan dapat melangkaui bagaimana dan punca berlakunya kebocoran ke atas peperiksaan UPSR tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan yang sedia ada. Sehingga kini Kementerian Pendidikan difahamkan lebih 30 individu telah disoal siasat oleh PDRM bagi mendapat maklumat dan bantuan siasatan. Dalam hal ini, kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terlibat dan bertanggungjawab dalam perkara ini. Juga akan mengambil tindakan ke atas pegawai kementerian sendiri jika mereka terlibat dan disabitkan bersalah oleh pihak berkuasa mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah drastik dengan serta-merta melalui penubuhan satu jawatankuasa bebas. Untuk mengenal pasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dalam pengendalian kertas peperiksaan yang telah dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semua prosedur operasi standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Zaki Tun Azmi, mantan Ketua Hakim Negara dan dianggotai oleh 11 orang termasuk Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia dan Yang Berbahagia Dato' Mohamed Sharil bin Mohamed Tarmizi, Pengerusi Setiausaha Komunikasi dan Multimedia serta beberapa individu lain yang berprofil tinggi dalam bidang masing-masing, dalam bidang akademik, dalam bidang sekuriti, dalam bidang keselamatan yang mampu menasihati kementerian untuk memantapkan lagi SOP Peperiksaan Awam Negara.

Selain itu, kementerian juga telah melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Di samping itu, kementerian juga telah mengambil langkah mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani Surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 sebagaimana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga sedang melengkapkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambahbaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan. Di samping itu, taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP akan dilaksanakan secara berterusan. Bagi menjamin integriti

semua pihak yang terlibat di tahap yang terbaik. Kementerian juga sedang mengkaji beberapa langkah jangka pendek untuk memastikan keselamatan bahan peperiksaan lebih terjamin pada masa-masa yang akan datang. Ia termasuk memendekkan lagi tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi pengurusan krisis (*crisis management*) untuk bertindak serta-merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran serta peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun apa yang ingin ditegaskan ialah faktor kemanusiaan yang melibatkan integriti individu yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini daripada berulang. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengan teliti mendengar penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tetapi kita sebagai sebuah negara Islam, ini satu perbuatan memalukan negara. Saya percaya ini memang semua kita bersetuju, memalukan negara. Jadi kita nampak bahawa jika sekiranya anak-anak kita di seluruh negara ini mengatakan mereka ini ada ijazah, ada orang luar kata, "Ah! Malaysia punya boleh bocor." Jadi tadi Menteri tidak ada menyatakan polis akan menyiasat. Saya percaya bahawa perkara ini melibatkan wang ringgit juga. Saya percaya kalau boleh lepas polis menyiasat, kita mahu juga SPRM masuk kerana ini bukan sahaja memalukan bahawa mereka ini juga menerima wang.

#### ■1050

Saya percaya menerima wang. Kita harus serius kerana ini satu perbuatan yang kita tidak boleh lupakan. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku dahulu. Tindakan diambil juga tetapi sekarang kita belum tahu apa hasil siasatan. Tidak diumumkan, ini pun begini juga nanti. Jadi, kita minta Menteri yang bertanggungjawab soal pelajaran ini mengumumkan kepada seluruh rakyat apa tindakan yang diambil kepada mereka yang membocorkan soalan-soalan ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju 100% dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi kerana ia merupakan satu perkara yang memalukan kita semua. Kita tidak mahu membuat apa-apa tuduhan masa kini kerana ianya dalam proses penyiasatan tetapi saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa kalau kita melihat SOP yang ada, kalau kita lihat buku SOP, saya sengaja bawa pada hari ini untuk pengetahuan Yang Berhormat. Buku SOP memang sudah *updated* pada dua tahun lalu. Begini tebal sekali. [*Sambil menunjukkan buku yang dipegang*]

Bukan hanya buku SOP sahaja Yang Berhormat. Kalau kita lihat ini kertas soalan Yang Berhormat. [*Sambil menunjukkan contoh*] Dia dalam dua lapis. Kertas soalan diletakkan di dalam plastik yang pertama yang telah *diseal*, dengan izin dan yang kedua juga, ia tidak boleh dibuka tanpa memecahkan. [*Dewan riuh*] Tidak cukup lagi Yang Berhormat, ada karung guni lagi bagi memastikan kerana adanya. [*Menunjukkan contoh guni*] Oleh sebab itulah saya katakan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini macam *Mat Si Karung Guni*.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita akan mengambil apa juga langkah yang boleh kita ambil. Jawatankuasa yang dilantik merupakan jawatankuasa bebas dan *insya-Allah* kita akan memastikan semua hasil siasatan mereka akan diberitahu kepada rakyat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berjuta kena tempias. Adakah laporan jawatankuasa bebas akan dibentangkan di Parlimen dan dibahaskan? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan kalung plastik dan guni itu dan buku SOP yang begitu tebal, mungkin kita dapat selaraskan dan dikemaskinikan supaya ia jadi praktikal untuk menghalang daripada berlaku skandal seperti ini?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sememangnya kalau kita lihat SOP yang telah ada saya yakin ia tidak sepatutnya bocor. Akan tetapi oleh kerana bocor, mungkin ada ruang-ruang yang perlu diperbaiki. Oleh sebab itulah saya katakan tadi bahawa di peringkat... sekarang ini pun penambahbaikan telah dibuat. Apabila kita mengadakan peperiksaan ulangan, pertamanya karung yang dahulunya hanya digunakan untuk daripada bilik kebal utama kepada bilik kebal kedua telah digunakan sepenuhnya. Kita lihat bagaimana kombinasi kunci, kalau dahulunya pegawai yang menjaga itu memegang kunci dan juga pegang kombinasi, sekarang ini dua pegawai. Satu hanya pegang kunci, satu hanya pegang kombinasi. Yang pegang kunci tidak tahu kombinasi, yang tahu kombinasi tidak ada kunci, Yang Berhormat faham ya. Itu pun kunci itu tidak boleh dipegang oleh dua-dua pegawai, dipegang oleh PPD.

Dahulunya, di kawasan-kawasan pedalaman tidak ada polis yang mengiringi mereka, sekarang walaupun di kawasan pedalaman sekalipun kita pastikan mereka diiringi oleh polis. Semasa di sekolah kita pastikan juga supaya guru besar tidak memegang kunci kotak yang menyimpan kertas peperiksaan. Sekarang ini hanya dipegang oleh ketua peperiksaan. Kita melihat bagaimana kita boleh menggunakan *insya-Allah* teknologi RFID yang memastikan kebocoran ini. Memang kita mengaku bocor sekarang ini, tidak dinafikan. Memang ada kelemahan, itu mustahak kita fahami. Akan tetapi kita akan pastikan bahawa *insya-Allah* ia tidak akan berlaku lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kebocoran kertas UPSR berlaku, Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang masa itu di Vientiane untuk satu Mesyuarat Menteri Pendidikan ASEAN kata, ini adalah mungkin satu sabotaj. Sampai sekarang adakah apa-apa asas untuk menunjukkan bahawa ada konspirasi daripada dalaman UMNO yang diserahkan sebagai mengucap... [*Dewan riu*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mimpi kah, mimpi kah?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...*English* yang terlibat dalam... [*Dewan riu*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini mimpi apa?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kedua, kenapa dalam perkara ini bahawa Kementerian Pendidikan mengambil masa dua minggu untuk mengesan dan untuk mengumumkan mengenai kebocoran kertas UPSR, oleh kerana pada 11 September Kementerian Pendidikan sudah mengumumkan mereka akan menyiasat? Kenapa sampai sekarang ini tidak ada apa-apa pengumuman mengenai keputusan *task force* yang ditubuhkan di bulan November tahun lalu mengenai kebocoran UPSR, SPM dan kertas-



kertas yang lain? Oleh kerana berlaku kebocoran kertas peperiksaan semua *public examination*, bukankah sudah sampai masanya untuk mengadakan satu siasatan yang lebih meluas dan mendalam terhadap apa yang berlaku dalam 20 tahun yang lalu supaya boleh mendapat kepercayaan orang ramai terhadap *public examination* kerajaan ini?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya apabila ada laporan sebab itu kalau kita lihat SOP nya bertambah tebal memang diisi apa juga laporan-laporan siasatan dibuat sebab itu kita lihat Lembaga Peperiksaan memastikan agar SOPnya bertambah baik. Sememangnya pada tahun ini apabila diadakan Jawatankuasa Bebas, ianya bukan hanya melihat UPSR tetapi juga semua peperiksaan yang lain. Tentang isu sabotaj ini, boleh jadi UMNO, boleh jadi DAP, kita tidak tahu lagi. Dalam siasatan Yang Berhormat. Dia belum lagi, belum tahu lagi Yang Berhormat.

Oleh sebab itulah dia tidak boleh tahu, dia sabotaj tidak tahu, sebab itulah kita tidak buat apa-apa keputusan kerana dia masih lagi dalam penyiasatan. Oleh sebab itu kita tidak beri angka-angka kerana takut dia mengganggu penyiasatan. Kita tidak boleh membuat keputusan bahawa kertas itu bocor tanpa satu maklumat yang begitu lengkap kerana saya katakan tadi ia melibatkan begitu ramai orang. Melibatkan hingga lebih 500,000 pelajar. Seramai satu juta ibu bapa dan tempat-tempat peperiksaan yang begitu besar. Apa juga keputusan yang kita buat kena pastikan keputusan itu memang keputusan yang memang kita yakin. Kalau kita separuh yakin, tidak boleh buat keputusan tersebut. Itulah yang kadang-kadang makan masa kerana kita hendak pastikan apa juga keputusan yang dibuat oleh kementerian itu ialah satu keputusan yang memang tepat dan kita memang yakin, tidak separuh yakin.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, adakah...  
[Dewan riuh]

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Duduk dululah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya fikir tidak menjawab habis soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Adakah siasatan mengenai sabotaj itu dibuat oleh pihak berkuasa termasuk perlindungan...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, apa kena mengena dengan ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Yang diberikan oleh orang berkuasa kepada orang yang membocorkan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Ini tidak mengikut peraturan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu maksud sabotaj yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dalam Dewan ada peraturan. Ini yang PAS menjadi kelam-kabut, tidak ikut peraturan. Kita akan pastikan melalui jawatankuasa bebas yang saya katakan tadi Presiden Institut Integriti Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, Tan Sri Sharifah dari UKM, Shahril, Datuk Johari dari Unit Komunikasi, Pengarah Keselamatan Kerajaan iaitu Dr. Amiruddin, Cyberjaya Sekuriti, K. Kumaran, Mantan Timbalan Menteri dan juga

Setiausaha Agung Puan Lok Yim Peng. Setiausaha Agung Persatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Datuk Kee Mustafa, mantan SUK Sabah dan juga Chan Kim Kuay ataupun Christopher Tan, mantan Pengetua Cemerlang Sarawak.

■1100

Kita jangka, *insya-Allah* kita akan dapat membuat satu keputusan yang baik untuk kebaikan rakyat Malaysia keseluruhannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Soalan saya tadi belum jawab. Dia tak jawab apa yang saya tanya. Soalan saya, kenapa ambil dua minggu untuk mengesan bahawa *Maths paper* ada bocor, walhal untuk Sains, untuk *English*, satu hari boleh dapat. Kenapa 14 hari? Adakah ini menunjukkan bahawa ketidakcekapan dan *lack of profesionalisme* Kementerian Pendidikan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Dah jawab dah Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan tadi, setiap keputusan dibuat perlu ada satu bukti-bukti yang lengkap. Kalau bukti separuh lengkap, dia tak boleh buat keputusan kerana ini melibatkan ramai orang, Tuan Yang di-Pertua. Dah jawab dah Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Perdana Menteri menyatakan projek PR1MA yang diluluskan pada tahun 2014:

- (a) nyatakan lokaliti projek, bilangan unit rumah, jenis rumah dan harganya; dan
- (b) dalam projek yang diluluskan, anggaran tanggungan kewangan oleh PR1MA dan bagaimanakah dengan kerjasama kerajaan negeri, agensi kerajaan termasuk kerajaan tempatan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Kota Melaka dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai secara bersama memandangkan ianya adalah berkaitan perkara yang sama. Soalan Yang Berhormat Lembah Pantai adalah pada hari ini juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Untuk makluman Yang Berhormat, PR1MA sedang rancang melaksanakan mandat kerajaan ke arah memastikan 160,000 unit rumah yang disasarkan bagi tahun 2013 dan 2014 tercapai. *Alhamdulillah* anggota Perbadanan PR1MA setakat ini telah meluluskan sebanyak 90,461 unit perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti di seluruh negara khusus untuk golongan berpendapatan sederhana di kawasan strategik bandar-bandar utama serta pinggir bandar. Jumlah ini merangkumi 70 buah projek di mana sebanyak 15 buah projek telah memperoleh kelulusan kebenaran merancang. Pembinaan sebanyak 9,573 unit rumah telah dimulakan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan.

PR1MA menyasarkan sebanyak 37,000 unit rumah akan berada di fasa pembinaan menjelang akhir tahun ini. Secara amnya, proses pembinaan bagi kediaman jenis strata

mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan, manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun. PR1MA menawarkan pelbagai jenis kediaman termasuk pangsapuri studio khusus untuk golongan yang belum berkahwin dan baru memasuki alam pekerjaan. Pangsapuri jenis ini disediakan untuk mengatasi masalah golongan muda yang tidak mampu memiliki rumah besar tetapi memberi peluang kepada golongan ini untuk mampu memiliki rumah di bandar. Sekiranya pemilik rumah telah berkeluarga dan menginginkan rumah yang lebih besar, unit tersebut boleh dijual semula kepada mereka yang telah mendaftar dengan PR1MA dan belum memiliki rumah PR1MA.

Harga rumah yang ditawarkan pula adalah di antara RM100,000 ke RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Dalam erti kata yang lain, harga rumah PR1MA adalah secara puratanya 20% lebih rendah berbanding dengan harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut. Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM2.3 bilion di bawah geran pembangunan dan PFI bagi melaksanakan 160,000 unit rumah iaitu mandat 2013 dan 2014. Walau bagaimanapun, nilai ini merupakan lebih kurang 10% daripada jumlah kos keseluruhan projek. Seperti diketahui umum, pemilikan perumahan PR1MA adalah melalui proses pengundian terbuka yang diaudit sepenuhnya. Setakat ini PR1MA telah menjalankan proses pengundian sebanyak dua kali bagi projek perumahannya. Projek yang telah melalui proses pengundian adalah di Putrajaya di mana sebanyak 560 pemohon telah berjaya memiliki rumah PR1MA, manakala projek di Kulai, Johor, seramai 201 pemohon telah berjaya.

PR1MA akan menjalankan proses pengundian bagi semua projek yang diluluskan secara berperingkat daripada semasa ke semasa. Dalam merealisasikan pembangunannya, PR1MA menjalankan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawahnya serta pihak swasta. PR1MA juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri supaya proses pembangunan di seluruh negara berjalan dengan lancar. Namun begitu, PR1MA masih mengalu-alukan sebarang kerjasama dan cadangan bagi pihak kerajaan negeri serta pemaju swasta sekiranya mempunyai tanah-tanah di kawasan yang bersesuaian di seluruh Malaysia. Pada keseluruhannya, PR1MA bukan sahaja menyediakan perumahan untuk rakyat tetapi juga merupakan medium bagi pembangunan komuniti dan masyarakat.

PR1MA menyediakan persekitaran yang kondusif dengan kemudahan dan utiliti sedia ada seperti kemudahan pengangkutan dan infrastruktur yang lengkap seperti masjid, tempat beribadat, sekolah dan kawasan komersial berdekatan. Melalui pembangunan kemudahan ini, ia secara tidak langsung menggalakkan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, dalam jawapan Yang Berhormat, kita difahamkan bahawa *target* atau sasaran kita masih belum dapat kita capai terutama dalam tahun 2014. Saya difahamkan sungguhpun banyak projek PR1MA dikatakan telah

diluluskan tetapi tidak dapat dilaksanakan sehingga sekarang. Saya juga difahamkan bahawa halangan atau kita katakan punca utama yang tidak dapat kita laksanakan projek PR1MA ini kerana tidak dapat kerjasama yang begitu baik dengan agensi kerajaan dan selalu *one stop agency* jadi *stop* di sana sahaja. Sebab itu saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, memandangkan kelewatan kita laksanakan projek PR1MA ini dan juga memandangkan kos bahan pembinaan akan naik, lagi-lagi lagipun tahun depan kita akan menghadapi GST.

Adakah PRIMA akan kaji semula tentang harga jualannya dan juga saya minta apakah skim bantuan kepada pembeli projek PR1MA. Adakah ia juga akan dikaji semula memandangkan dengan keadaan sekarang. Itu yang kedua dan yang akhir, apakah projek PR1MA di Melaka setakat ini, kedudukan dan juga berapa projek telah diluluskan di Melaka. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Melaka, saya kena bagi jawapan bertulis. Sekejap lagi pun boleh dapat Yang Berhormat tapi Yang Berhormat kena bagi notis dan saya akan bagi jawapan bertulis ataupun jawapan *verbal* di luar sekejap lagi. Yang keduanya, projek PR1MA diluluskan sebanyak 80,000 pada tahun 2013. Itu pun dah akhir tahun, di akhir tahun. Kemudian 2014, 80,000 unit. Kita tahu bahawa untuk membina satu-satu rumah itu, kita kena ambil masa untuk rumah bertanah, dua tahun. Kemudian rumah strata, tiga tahun. Itu secara yang normallah tetapi ada kontraktor yang ingin siapkan lebih awal, sudah tentu ianya merupakan keuntungan kepada mereka. Jadi, di akhir tahun ini kita dah boleh membuat seperti yang saya sebutkan tadi, kita dah boleh membuat perancangan sebanyak 37,000 unit di akhir tahun ini.

Jadi, sekarang ini yang telah diluluskan ialah 90,000 unit lebih tetapi 37,000 unit ini boleh *take off* di akhir tahun ini. Kita telah sebutkan tadi bahawa di Putrajaya dan juga di Kulai telah pun kita buat pengundian dan ianya sedang berjalan. Kalau kita lihat cara perancangan PR1MA, kita tak boleh kata 2013 kita rancang, kita umum lepas itu kita buat. Tak boleh. Dia mesti mengambil masa perancangan, mesti mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, proses yang diambil oleh PRIMA agak cepat dan selepas tiga tahun, kita boleh berada di tahap yang seperti yang kita rancangkan. Sekarang ini kita terpaksa berunding bukan sahaja dengan pihak kerajaan tetapi pihak swasta untuk kita JV. Semua ini selepas katakan tiga tahun, kita berada di tahap yang seimbang.

#### ■1110

Kemudian, fasal kos naik. GST ini, Menteri Kewangan akan umumkan, ini bukan kos naik ya. Jadi kita cerita GST kos naik, jadi kita tidak tengok tentang GST yang sebenarnya. Sebenarnya orang main pukul rata sahaja kan. Jadi pada masa sekarang, PR1MA akan berada apa yang telah kita janjikan pada rakyat sebab kita janji ditepati. Seratus ribu yang berpendapatan RM2,500 sehingga RM7,000 kita beri rumah yang berharga di antara RM100,000 ke RM400,000 iaitu memberi peluang kepada golongan pertengahan berada di pinggir bandar kerana mereka tidak mampu berada di dalam bandar, jadi mereka berada di pinggir bandar. Di dalam bandar, kita tahu bahawa orang yang telah berharta dan kaya berada di bandar dan banyak menyokong DAP. Jadi kita lihat ramai

orang baru yang baru muncul, yang baru berkahwin ataupun yang tidak berkahwin lagi tidak dapat berada di bandar.

Malah kerani-kerani tidak mungkin boleh ada rumah di bandar tetapi melalui PR1MA, orang yang kerja kerani yang mempunyai gajinya yang sudah di tahap tertentu mampu untuk memiliki rumah di kawasan bandar. Ini ialah satu pendekatan kerajaan untuk rakyat memiliki rumah di kawasan bandar. Ini adalah satu peluang yang terbaik yang saya ingat sukar dibuat oleh mana-mana kerajaan. Pada bajet nanti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menerangkan tentang RTO iaitu *rent to own* iaitu sewa dan juga kita dikira beli. Yang ini bagi mereka yang tidak mendapat pinjaman bank dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan beri perincian bagaimana membolehkan mereka ini mempunyai rumah.

Jadi oleh kerana Yang Berhormat sebelum saya duduk ini, saya mendapat maklumat terkini. Di Melaka sekarang ini kita ada 3,184 buah yang dalam proses merancang, kebenaran merancang. Jadi saya ingat kalau tidak ada aral melintang, kita boleh mulakan dengan lebih awal pada tahun depan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat banyak kes di mana pembeli yang telah layak tetapi gagal dalam pinjaman pembiayaan. Mereka ini adalah terdiri daripada orang-orang yang bekerja sendiri seperti usahawan-usahawan muda, pemandu-pemandu teksi, petani-petani yang mana mereka ini mampu untuk memiliki ataupun menyewa beli rumah-rumah mampu milik. Persoalan saya ialah apakah langkah-langkah kerajaan untuk melayakkan mereka yang layak ini tetapi tidak layak dari sudut kewangan kerana dokumen kewangan yang tidak lengkap dan apakah kerana mereka ini mampu untuk memiliki ataupun menyewa beli rumah-rumah ini. Apakah langkah-langkah pragmatik oleh pihak kerajaan supaya membolehkan mereka ini memiliki rumah yang mereka diidamkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi dan Yang Berhormat yang bertanya, terima kasih. Rumah mampu milik, Yang Berhormat kawan saya akan menerangkan termasuk Yang Berhormat Menteri Luar Bandar. Akan tetapi saya ini ialah PR1MA, PR1MA ini khusus kepada golongan pertengahan, ini bukan golongan yang berpendapatan rendah, golongan pertengahan yang tidak mampu untuk memiliki harta di dalam kawasan bandar tetapi mereka bertugas di bandar. Jadi ini ialah prihatin kerajaan kepada golongan tersebut. Contohnya macam dia bekerja kerani ataupun mungkin pegawai di pangkat rendah, tidak mungkin dia mempunyai rumah. Bila pencen nanti dia berangan-angan untuk balik ke kampung tetapi bila balik ke kampung, suasana kehidupan sudah berubah dan dia mungkin tidak dapat meneruskan kehidupan yang lebih baik di kampung sebab dia sudah berada di bandar, bekerja di bandar cuma dia berpendapatan sederhana. Sekarang ini dia mampu untuk memiliki rumah melalui PR1MA. Yang Berhormat sebut tadi ialah tentang mampu milik. Mampu milik di bawah Kementerian Luar Bandar tetapi yang ini ialah...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh selit sedikit? Contoh macam pemandu teksi, mereka mampu untuk memiliki perumahan PR1MA contohnya, bukan perumahan mampu milik. Mereka ini mampu kerana

mereka ini gaji lebih daripada kerani contohnya tetapi kerana kekurangan dokumen kewangan, mereka gagal untuk mendapat rumah PR1MA. Mereka ini pemandu teksi di dalam bandar, contohnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey terima kasih. Secara *detail* nya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi akan bantangkan dalam belanjawan nanti. Akan tetapi secara umumnya saya sebutkan kepada Yang Berhormat, mereka yang tidak layak untuk mendapat pinjaman bank tetapi sebenarnya mereka mampu. Maka mereka itu akan dimasukkan di bawah program *rent to own*. Yang Berhormat Permatang Pauh ya, Yang Berhormat pun setuju itu, terima kasih di atas persetujuan dengan senyuman yang cukup manis tadi ya.

Jadi *rent to own* ini akan memberi peluang kepada mereka yang tidak layak mendapat pinjaman bank tetapi mereka mampu membayar sebagaimana yang sewajarnya dibayar kepada bank iaitu kita ada tahap-tahapnya. Contohnya macam dia pinjam RM100,000, berapa yang dia patut bayar kepada bank. Jadi PR1MA akan mengambil alih perkara tersebut dalam tempoh sepuluh tahun sebelum tawaran untuk memilikinya dibuat dalam masa sepuluh tahun. Yang ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umumkan di Seremban baru-baru ini tetapi *detail* nya tidak dimaklumkan dan *detail* ini Insya-Allah mungkin pada hari Jumaat ataupun pada minggu hadapan akan diumumkan. *Detail* di mana orang yang tidak layak untuk mendapat pinjaman bank akan diuruskan oleh PR1MA tetapi benda ini tidak boleh disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Kita takut nanti mereka tidak mencuba bank tetapi mereka terus bagi tumpuan kepada PR1MA, yang ini akan merupakan satu masalah. Jadi kita berhati-hati, kita hendak pastikan mereka yang boleh bayar tetapi tidak layak. Jadi itu akan dipertimbangkan.

Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat, *insya-Allah* kehadiran PR1MA, kita sudah ada rumah untuk orang-orang miskin. Sekarang ini kita ada rumah untuk orang sederhana. Orang kaya tidak payahlah, orang kaya memang biasa dah tetapi orang sederhana. Jadi bermakna Kerajaan Malaysia telah melengkapkan suatu perancangan kehidupan kepada rakyat daripada dia lahir sampai dia ke alam kubur, dia melalui proses kehidupan yang dilengkapi sekarang ini. Bukan kaya miskin tetapi miskin, sederhana, kaya dan sederhana sekarang ini diberi perhatian oleh kerajaan dan kita ucap terima kasih di atas pemikiran mengadakan PR1MA ini.

**5. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana penerimaan rakyat terhadap langkah mentransformasikan sistem percukaian negara, terutama menerusi pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Segambut pada hari ini dan Yang Berhormat Batu Sapi pada 9 Oktober kerana ketiga-tiga soalan ini mempunyai persamaan iaitu mengenai cukai barang dan perkhidmatan atau *goods and services tax* (GST).

Kerajaan komited akan melaksanakan GST pada 1 April 2015. Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan GST akan memberi faedah kepada rakyat dan negara umumnya. Antara faedah yang akan diperoleh daripada pelaksanaan GST adalah GST berupaya mengatasi kelemahan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) sedia ada yang mempunyai kelemahan dari segi cukai berganda atau elemen cukai atas cukai yang menyebabkan kenaikan harga barang, isu pindahan harga dan tiada pelepasan cukai ke atas eksport. Pelaksanaan GST mampu menjadikan kutipan cukai secara lebih berkesan kerana bentuk cukai kepenggunaannya adalah lebih efektif, efisien, telus, mesra perniagaan serta berupaya menjana hasil yang lebih stabil. GST dapat mengurangkan kerenah birokrasi serta dapat meningkatkan pematuhan cukai, mengurangkan ekonomi terlindung atau *shadow economy* dengan izin dan menggalakkan simpanan dan pelaburan.

Secara umumnya berdasarkan maklum balas yang diterima dari pelbagai platform, majoriti rakyat telah mula bertambah kefahaman tentang keperluan kerajaan melaksanakan GST dan sebahagian mereka sedar GST adalah perlu bagi mengukuhkan ekonomi dan pembangunan negara. Isu utama yang membebankan rakyat ialah berkenaan harga barang keperluan. Kerajaan maklum akan kerisauan ini dan telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan impak GST terhadap harga barangan dan kos sara hidup. Pelaksanaan GST pada 1 April 2015 tidak akan ditunda kerana persiapan untuk melaksanakan GST telah dibuat bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh peniaga. Persiapan yang dimaksudkan adalah dari segi latihan kepada kakitangan, sistem pengkomputeran dan penambahbaikan proses perniagaan.

#### ■1120

Untuk makluman, sehingga semalam, 6 Oktober 2014, sebanyak 76,315 buah syarikat telah berdaftar dalam sistem GST. Kementerian berpendapat bahawa pelaksanaan GST pada 1 April 2015 adalah masa yang paling sesuai memandangkan ekonomi negara yang stabil dan kadar inflasi yang terkawal pada paras 3.3%.

Subsidi bagi pembelian perisian perakaunan sebanyak RM1,000 telah disediakan pada SME yang layak dengan jumlah peruntukan sebanyak RM150 juta. Di samping itu, kerajaan juga telah menyediakan galakan cukai dalam bentuk elaun modal dipercepatkan bagi menampung kos pembelian peralatan dan perisian ICT. Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan potongan cukai tambahan ke atas perbelanjaan perisian perakaunan dan ICT.

GST yang dicadangkan bukanlah merupakan cukai baru tetapi ianya adalah cukai yang menggantikan cukai sedia ada iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan, SST. Kerajaan yakin dengan transformasi sistem percukaian negara ini akan membantu mengurangkan ketirisan dan seterusnya dapat meningkatkan kecekapan dalam pengutipan hasil cukai negara.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga sudah bersedia untuk menguatkuasakan pelaksanaan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April nanti. Kastam telah mengeluarkan panduan GST iaitu 45 panduan industri, 16 panduan spesifik sebagai panduan pihak industri. Di samping itu, tiga buah buku panduan GST pada rakyat dan peniaga telah disediakan.

Selain itu, bagi melancarkan pelaksanaan GST, Kastam sedang dalam proses menambah seramai 677 kakitangan baru di samping 1,227 kakitangan sedia ada yang khusus bagi GST.

Sistem teknologi maklumat terkini iaitu sistem pengkomputeran MyGST telah siap dibangunkan bagi melicinkan proses pelaksanaan GST kelak. Sistem pengkomputeran GST ini sedang diuji dalam tempoh setahun dan proses pendaftaran awal telah dilaksanakan bermula Jun tahun ini iaitu sembilan bulan sebelum tarikh pelaksanaan GST. Ini bagi memastikan tiada masalah yang akan timbul apabila GST dilaksanakan kelak.

Kerajaan juga telah menyusun program kesedaran dan pendidikan GST yang mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat. Program kesedaran ini telah dilaksanakan di seluruh pelosok tanah air melalui penglibatan semua agensi kerajaan yang berkaitan. Sehingga kini, lebih 5,421 program tentang GST telah dilaksanakan.

Terima kasih.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri menjawab soalan nombor lima daripada saya.

Berdasarkan pengalaman rakan-rakan negara ASEAN yang terdekat khususnya yang telah melaksanakan sistem GST ini seperti Indonesia, Filipina dan yang drastik sekali ialah Singapura, apakah cabaran utama sebenarnya dan apakah mampu dengan jaminan harga barangan tertentu akan turun? Berdasarkan sistem percukaian hari ini, tidak menampakkan peratus 10% hingga 15% yang nyata. Akan tetapi ini nyata apabila pelaksanaan ini, 6%, yang akan dilaksanakan.

Sekali gus kalau kita melihat kempen yang digerakkan terbahagi kepada dua. Pertama, untuk memahami secara menyeluruh tentang GST. Kedua ialah untuk kempen memastikan pendaftaran kepada syarikat-syarikat melalui Jabatan Kastam Diraja seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah sebanyak 71,915 setakat ini dan sasaran Jabatan Kastam Diraja ialah 123,000.

Apakah kempen drastik yang akan dilakukan untuk memastikan pelaksanaan yang begitu hampir sekali, di samping kempen menyeluruh termasuklah golongan orang muda? Adakah kerajaan telahewartakan asas yang kukuh untuk melaksanakan kempen ini kepada golongan orang muda yang mana mereka ini mudah digodam daripada segi persepsi yang negatif terhadap hasrat kerajaan untuk melaksanakan sistem percukaian baru ini?

Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya jawab tentang pendaftaran terlebih dahulu. Sebanyak 76,315 syarikat yang telah mendaftar iaitu angka yang diberi oleh Kastam setakat semalam. Saya juga ada purata pendaftaran sehari GST ini. Dalam bulan Julai, sehari purata 141 buah syarikat. Pada bulan Ogos, 542 buah syarikat mendaftar sehari termasuk cuti umum dan hari hujung minggu yang kita puratakan. Akan tetapi ia melonjak daripada 542 kepada 1,520 buah syarikat setiap hari secara purata untuk bulan September. Sehingga 6 Oktober, purata nya ialah 1,406 buah syarikat.

Jika kita ambil 1,500 sebagai purata sehari, bagi baki-baki 83 hari dalam tahun ini sehingga 31 Disember, kita darabkan dengan 1,500, maka jumlahnya ialah 124,500 syarikat



dijangka akan mendaftar, melebihi daripada sasaran 123,000 syarikat. Kita tahu di Malaysia ini biasanya suka membuat kerja saat akhir dan kita jangkakan pada bulan November dan Disember mungkin puratanya melebihi daripada 1,500 buah syarikat sehari. Jadi pada pandangan kita, sasaran ini akan kita peroleh.

Kempen kepada keseluruhan rakyat akan terus dilaksanakan dengan pelbagai kaedah termasuklah kempen untuk anak-anak muda.

Cabaran utama. Kita melihat daripada 160 buah negara yang melaksanakan GST ini ada dua. Satu, komunikasi tentang GST dan yang kedua ialah pelaksanaannya supaya tidak ada berlaku apa-apa *hiccup*s ataupun masalah pada 1 April 2015 nanti. Daripada dua cabaran itu, kita sedang memastikan ianya akan dilaksanakan dengan lancar.

Satu lagi ialah tentang kenaikan inflasi mengikut kadaran yang tertentu. Saya jangka akan diumumkan oleh Perdana Menteri pada hari Jumaat ini. Apakah agaknya peningkatan inflasi apabila GST dilaksanakan. Namun, melihat kepada trend di 160 buah negara yang telah melaksanakan, peningkatan kadar inflasi itu hanya untuk sementara, *one-off* dengan izin. Selepas itu, harga akan menjadi stabil dan perkara itu boleh kita atasi.

Terima kasih.

**6. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian rasmi kerajaan terhadap pembentukan wilayah pemerintah baru di bawah kawalan *Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL)* sebagaimana yang diisytiharkan pada 29 Jun 2014 yang lalu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk memberikan jawapan secara serentak kepada tiga pertanyaan yang menyentuh mengenai isu yang sama daripada Yang Berhormat Tanjong bertarikh 7 Oktober, Yang Berhormat Wangsa Maju bertarikh 28 Oktober dan Yang Berhormat Tuaran bertarikh 18 November, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Kumpulan yang bernama dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Islamic State* atau IS dipercayai wujud pada tahun 2013 dan ia merupakan pecahan daripada kumpulan Al-Qaeda. Kumpulan ini bergerak secara agresif serta dikecam kerana aktiviti-aktiviti keganasan yang dilakukan. Kerajaan telah melabelkan kumpulan militan IS ini sebagai sebuah pertubuhan pengganas.

Sebagai sebuah negara yang sentiasa mahukan keamanan dan kesejahteraan sejagat, Malaysia sama sekali tidak menyokong, malah secara jelas menolak dan mengutuk sekeras-kerasnya sebarang tindakan keganasan selama ini oleh mana-mana pihak termasuklah IS yang memaksa dan menyerang pihak-pihak yang lain untuk membentuk wilayah mereka.

Tindakan IS tidak sesekali mencerminkan ajaran Islam. Malah, Malaysia sama sekali tidak menyokong mahupun mengiktiraf pembentukan IS. Selaras pendirian itu, Malaysia menyokong penuh Resolusi 2170 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menentang sebarang bentuk sokongan dan bantuan ke atas kumpulan militan tersebut. Ini diperkukuhkan lagi dengan Resolusi 2178 yang menekankan usaha untuk mengukuhkan

dan menggembelng tindakan antarabangsa untuk memerangi keganasan secara amnya dan khususnya memerangi para pengganas antarabangsa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *foreign terrorist fighters*.

■1130

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga yakin dan percaya bahawa isu keganasan ini perlu ditangani secara komprehensif dan tidak semestinya memerlukan kekuatan ketenteraan semata-mata.

Malaysia juga berpendapat bahawa mekanisme penyelesaian boleh diambil oleh badan-badan bertindak antarabangsa melalui kerangka yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menangani ancaman pengganas. Dalam menangani ancaman keganasan IS, kerajaan berpandangan bahawa tindakan ketenteraan ke atas pengganas IS seboleh-bolehnya tidak mengakibatkan nyawa orang awam yang terkorban.

Pendirian Malaysia ini telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Ibu Pejabat PBB pada 27 September 2014, di mana Perdana Menteri telah menegaskan lagi pendirian kerajaan yang mengecam tindakan kekejaman IS serta menolak perjuangan kumpulan tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menggariskan bahawa pendekatan kesederhanaan merupakan kaedah penting, relevan dan sesuai dalam menangani fahaman *extremism* pada waktu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri soalan tambahan, saya mengalu-alukan pendirian Malaysia. Saya ingin tahu apakah peranan kita melalui pertubuhan antarabangsa itu sehingga kini seolah-olahnya satu penyelesaian ialah ketenteraan. Tidak ada penyelesaian yang lain. Ini yang berlaku hari ini dan menunjukkan tanda-tanda kegagalan operasi ketenteraan sehingga mereka boleh meluaskan lagi wilayah dan ancaman yang lebih besar.

Kedua, sejauh mana ketelitian kita supaya tidak diheret oleh kuasa-kuasa besar yang ingin mengheret seberapa banyak negara kecil supaya terlibat dengan langkah-langkah mereka untuk kepentingan mereka dan bukan kepentingan antarabangsa seluruhnya. Dengan mengambil kira bahawa kumpulan itu tidak mungkin mendapat kemudahan senjata daripada negara-negara kecil. Kemungkinan kebocoran berlaku di kalangan negara besar sendiri sama ada kumpulan ini mendapat bantuan secara langsung ataupun tidak langsung untuk mencetuskan masalah kepada antarabangsa seluruhnya. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa kedudukan kita dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kita jelas kita mempunyai satu kaedah yang mana kita tekankan dalam PBB bahawa kita mahukan apa sahaja penyelesaian melalui kesederhanaan. Kita mahu melihat supaya bukan hanya pihak dunia mengiktiraf kaedah yang kita bawa sekarang ini dan kita juga mahu melihat dalam negara kita sendiri sebagai contoh, supaya tidak timbul perkara-perkara yang boleh mengakibatkan perpecahan di kalangan rakyat yang ada. Kalaupun ada perkara-perkara yang boleh mengakibatkan perpecahan, biarlah bukan sehingga terlibatnya *extremism* yang berlaku seperti yang dibawa oleh pihak keganasan IS ini.

Maka sebab itu kerajaan hari ini mahukan supaya dalam negara, kita sentiasa berwaspada. Kita nasihatkan kepada rakyat supaya tidak terlibat dan tidak terpengaruh dengan sebarang bentuk keganasan dan ajaran yang dibawa oleh mana-mana pihak ataupun mana-mana parti yang ada dalam negara kita hari ini.

Kita mahu melihat bahawa kaedah yang saya maksudkan sebagai kesederhanaan itu boleh diterima dalam negara dan luar negara supaya ia menjadikan negara dan dunia dalam keadaan sentiasa aman dan sejahtera.

Oleh sebab itu saya sudah tekankan tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun telah tegaskan dalam Mesyuarat Agung PBB bahawa Malaysia tidak mahu melihat adanya amalan *extremism* atau keganasan, semuanya berlaku di mana-mana di dunia hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jangkitan denggi meningkat dan kian mengancam kehidupan rakyat, berapakah jumlah mangsa dan kes kematian terkini berbanding dengan tahun 2013 dan apakah langkah-langkah drastik yang diambil Kementerian untuk mengatasinya.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama dengan tujuh soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan denggi iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang 13 Oktober, Yang Berhormat Kubang Kerian pada 6 November, Yang Berhormat Puchong pada 11 November, Yang Berhormat Rantau Panjang pada 11 November dan Yang Berhormat Pasir Puteh pada 24 November.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2012 adalah sebanyak 21,900 kes dengan 35 kematian manakala bagi tahun 2013 sebanyak 43,346 kes dengan 92 kematian. Bagi tempoh Januari sehingga 20 September 2014 sebanyak 74,335 kes dengan 143 kematian. Ia merupakan jumlah kes dan kematian denggi yang paling tinggi pernah dilaporkan dan telah melebihi jumlah kes keseluruhan tahun-tahun yang sebelumnya.

Bagi menangani kes denggi di negara pada masa ini, kementerian telah melaksanakan pelan tindakan khas untuk pencegahan dan kawalan denggi iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014. Pelan tindakan ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan mula dilaksanakan bermula Julai 2014 di tiga buah negeri yang menyumbang kes yang paling banyak iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Ia telah diperluaskan ke Kelantan bermula 17 Oktober tahun ini.

Pelan tindakan ini merupakan tindakan bersepadu, pencegahan dan kawalan denggi melibatkan Kementerian Kesihatan dan enam kementerian yang lain iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Dalam Negeri dan semua Setiausaha Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan yang lain.

Berikut adalah secara ringkas tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

- (i) meningkatkan pengesanan dan notifikasi kes denggi dengan menggunakan apa yang dipanggil *Dengue Clerking Sheet* serta *Dengue Rapid Test Kit* di fasiliti kerajaan dan di fasiliti swasta;
- (ii) meningkatkan kualiti pengurusan kes denggi dengan perkhidmatan klinik luar waktu operasi iaitu *Extended Hours* dan menggunakan Rekod Pemantauan Kes Denggi atau *Home Based Card* di hospital, klinik swasta dan klinik kerajaan;
- (iii) mobilisasi pasukan kawalan denggi dari negeri yang lain ke daerah di Selangor bagi mempertingkatkan keberkesanan aktiviti kawalan terhadap Aedes dan kawasan wabak denggi yang dilaporkan. Ia melibatkan 151 pasukan dengan 420 orang anggota. Di samping itu kementerian telah meluluskan sebanyak 450 jawatan pekerja sambilan harian untuk 11 buah negeri termasuk Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kelantan untuk aktiviti pencegahan dan kawalan denggi;
- (iv) kerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Polis Diraja Malaysia bagi membantu dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di negeri Selangor dan seramai 226 orang anggota daripada agensi-agensi telah mengambil bahagian;
- (v) menyediakan perkhidmatan *outsourcing* semburan kabus di Daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Kota Bharu bagi bantuan tambahan kawalan denggi dan *outsource* kutipan sampah di Lembah Klang terutama Selangor sebagai tambahan perkhidmatan kutipan sampah yang sedia ada;
- (vi) mengadakan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) melaksanakan pemeriksaan Aedes di tapak pembinaan di keempat-empat buah negeri terutama di kawasan wabak denggi; dan
- (vii) menubuhkan Pasukan Khas Pendidikan Kesihatan di Selangor bagi memobilisasikan komuniti dalam usaha membanteras denggi.

#### ■1140

Seramai 59 orang Pegawai Pendidikan Kesihatan telah terlibat dalam program ini untuk memobilisasi masyarakat di peringkat akar umbi.

Meningkatkan aktiviti pendidikan dan advokasi kesihatan mengenai denggi melalui program dan rancangan di televisyen, radio dan akhbar perdana negara dengan menambah peruntukkan sebanyak RM5 juta untuk aktiviti ini.

Mempertingkatkan dan mengaktifkan penubuhan *Project Communication for Behavioral Impact* (COMBI) di komuniti bagi meningkatkan penglibatan masyarakat di

dalam aktiviti penjagaan dan kawalan denggi terutama di kawasan *hot spot* dan melaksanakan Ops Gempar Aedes iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit yang dijalankan setiap bulan sejak daripada Julai 2013.

Selain itu, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan juga perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha menangani demam denggi ini dan terdapat beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- (i) memastikan pengurusan sisa pepejal termasuk sisa domestik pukal dan industri ..... dilaksanakan dengan cekap di mana perkhidmatan pungutan mesti dibuat secara berjadual dan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Ini bagi mengelakkan berlakunya longgokan sampah yang banyak dan mencemarkan persekitaran serta boleh menjadi tempat pembiakan aedes;
- (ii) kawasan-kawasan lapang dan rekreasi perlu dipantau dan diselia secara berkala serta memastikan ia sentiasa bersih dan bebas daripada tempat pembiakan aedes terutama yang berhampiran dengan kediaman penduduk.
- (iii) tempat-tempat pembuangan sampah haram perlu dihapuskan dan menyediakan tempat pembuangan sampah yang mencukupi dan sempurna; dan
- (iv) kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan juga perlu menyediakan sumber yang mencukupi sama ada dari segi peruntukan kewangan dan anggota pekerja untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dan penyakit berjangkit yang lain seperti leptospirosis.

Hanya dengan sumber yang mencukupi, maka aktiviti ini dapat dipastikan secara berkala dan sempurna. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat sekalian, selesai sudah sesi pertanyaan bagi jawab-jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 10 Oktober 2014, jam 4.00 petang.

**RANG UNDANG-UNDANG TATACARA KEWANGAN (PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tatacara Kewangan 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan .Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan .Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG TAK DITUNTUT (PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Wang Tidak Dituntut 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan .Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (NO. 2) (PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penjara 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan Mesyuarat 23. Saya ada bangkitkan satu soalan meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberi pendirian Kerajaan Persekutuan tentang tuntutan Kerajaan Negeri Sarawak atas meningkatkan royalti minyak dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan mesyuarat?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan Mesyuarat 23.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan Mesyuarat 23 berapa?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Soalan saya telah ditolak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan Mesyuarat 23 berapa?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan Mesyuarat 23(1)(q). Soalan saya mengenai *oil and gas royalty of Sarawak* itu telah ditolak atas sebab Peraturan Mesyuarat 23(1)(q) di mana ada disebut perkara berkenaan adalah di dalam timbangan mahkamah iaitu subjudis. Sebaik saya tahu, Kerajaan Negeri Sarawak tidak ada failkan apa-apa kes mengenai *oil and gas royalty* dibayar kepada Sarawak. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua memberi penjelasan atas apakah kes yang telah difailkan, nombor kes dan pihak siapa yang berkenaan dalam kes itu yang menyebabkan bahawa soalan saya telah ditolak atas alasan subjudis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat sekalian, kita sedar bahawa mengenai isu royalti ini juga terlibat dengan negeri-negeri yang lain dan ada kes yang melibatkan Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Malaysia. Isu-isu lebih kurang yang sama iaitu isu royalti dan nombor kesnya 01(1) – 25 – 10 – 2012. Ada tiga kes sebenarnya dan saya percaya Yang Berhormat Bandar Kuching faham terhadap isu yang sama. Sila.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2014**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga**

**11.48 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014. Pindaan adalah untuk meminda peruntukan-peruntukan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (Pindaan)

1995, *Akta 533*. Pindaan ini bertujuan untuk memperkukuh tadbir urus Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia selaras dengan keputusan kerajaan untuk memberikan autonomi dalam tadbir urus kewangan dan sumber manusia yang akan menjadikan Lembaga Hasil sebuah badan berkanun yang diasingkan saraan dan dibebaskan sepenuhnya. Perubahan berkenaan akan mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kutipan cukai langsung negara.

Pindaan dibuat bagi memasukkan beberapa peruntukan baru dan meminda beberapa peruntukan sedia ada dalam Akta LHDNM Akta 533. Pindaan perlu dilakukan bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk memberikan autonomi di samping memastikan keberkesanan penyeliaan dan pengawalan aktiviti pelaburan yang akan dilaksanakan bagi membolehkan LHDNM kekal sebagai suatu entiti yang kukuh, mantap dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 memperuntukkan pindaan seperti berikut:

■1150

Fasal 1 bertujuan untuk memperuntukkan tajuk ringkas bagi akta.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 6(1) berhubung keanggotaan Lembaga Pengarah. Pindaan bertujuan untuk memasukkan ketua pegawai eksekutif (CEO) sebagai salah seorang anggota Lembaga Pengarah di samping menambah bilangan anggota yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 6(1)(e) kepada tidak lebih tiga orang. Ini membolehkan pelantikan seramai sembilan orang Lembaga pada sesuatu masa.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 23 bagi memperluas skop penggunaan Kumpulan Wang Lembaga untuk menampung seluruh perbelanjaan mengurus, pembangunan dan pelaburan oleh Lembaga.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 24 yang menetapkan ketua pegawai eksekutif menyediakan dan membentangkan di hadapan Lembaga anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi Lembaga tidak lewat dari satu bulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan.

Fasal 5 bertujuan memasukkan peruntukan baru seksyen 27A bagi penubuhan suatu Panel Pelaburan yang meliputi keanggotaan, kepatuhan kepada arahan dikeluarkan Lembaga dan menetapkan peruntukan Jadual Keempat adalah terpakai bagi anggota Panel Pelaburan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 28 bagi memperluaskan skop pelaburan Kumpulan Wang yang boleh dibuat oleh Panel Pelaburan tertakluk kepada arahan dikeluarkan oleh Lembaga. Sebarang pelaburan lain perlu diluluskan oleh Menteri.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru seksyen 28A bagi memberi kuasa kepada Lembaga menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 bagi melaksanakan apa-apa projek, skim atau perusahaan dalam melaksanakan fungsinya. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan oleh Menteri.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan jadual baru iaitu Jadual Keempat yang mewujudkan garis panduan pelaksanaan mesyuarat, pendedahan kepentingan anggota dan perkara yang menyebabkan pengosongan jawatan anggota Panel Pelaburan.



Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat salah tanggapan berhubung penubuhan Panel Pelaburan yang didakwa menggunakan hasil kutipan cukai untuk membeli bon atau saham dan mendakwa Kementerian Kewangan merancang untuk melaburkan hasil kutipan cukai melalui pembentukan Panel Pelaburan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kenyataan ini telah disiarkan dalam beberapa akhbar. Contohnya bertarikh 13 Jun 2014, 14 Jun 2014 dan 16 Jun 2014.

Dakwaan ini tidak berasas sama sekali kerana seluruh kutipan cukai harian oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia terus dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan (*Consolidated Account*) dengan izin, Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebagai agensi kutipan cukai langsung kerajaan tidak mempunyai kuasa ke atas seluruh hasil kutipan cukai langsung yang mana akan diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan melalui Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Kementerian Kewangan memutuskan untuk mengeluarkan peruntukan berkaitan Panel Pelaburan seperti di Fasal 3, Fasal 5, Fasal 6 dan Fasal 8 daripada Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah dijadikan Badan Berkanun Persekutuan pada 1 Mac 1996 dan dikenali sebagai LHDNM. Hasrat kerajaan ketika itu untuk menjadikan LHDNM supaya ia menjadi sebuah agensi yang lebih cekap dan efisien dalam sistem penyampaiannya dan pentadbiran kutipan cukai langsung bagi pihak kerajaan. Namun demikian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia masih belum memperoleh autonomi pengurusan kewangan dan sumber manusia sepenuhnya sehingga menyebabkan beberapa kekangan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk mencapai objektif dan hasrat penubuhannya.

Pada masa kini, LHDNM menghadapi beberapa kekangan dalam tadbir urus kewangan dan tadbir urus sumber manusia. Seluruh keperluan belanjawan mengurus dan pembangunan adalah diperuntukkan menerusi proses belanjawan biasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana kementerian dan jabatan kerajaan lain.

Melalui Bajet 2006, kerajaan telah mengumumkan supaya badan berkanun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Urusan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) diberi fleksibiliti dalam menguruskan sumber kewangan dan menentukan skim perkhidmatan mereka sendiri. Dengan pemberian fleksibiliti ini, didapati sistem penyampaian perkhidmatan agensi yang disebutkan tadi telah meningkat dan menjadi lebih cekap dan efisien.

Sehubungan itu, cadangan pindaan pada hari ini bertujuan supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia seiring dengan enam badan berkanun tersebut yang telah diberi fleksibiliti oleh kerajaan dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian kepada pembayar cukai. Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

**11.56 pg.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi pertamanya penghargaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana menyempurnakan tugas mereka yang relatif dan cukup membanggakan, meningkatkan hasil dan terkenal dalam banyak perkara sebagai satu lembaga yang lebih profesional dan mentadbir urus dengan memuaskan.

Kebimbangan kita sebagaimana disebut oleh Timbalan Menteri adalah cadangan awal tentang Panel Pelaburan. Oleh sebab ini telah ditarik balik, kita sambut baik. Kebimbangan ini adalah berdasarkan pengalaman yang lalu terutama dalam pengurusan Khazanah dan juga dalam 1MDB. Saya tidak akan sentuh kerana perkara ini telah pun ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Lembaga Hasil Dalam Negeri ini diperbadankan dan maksudnya itu adalah untuk mempertingkatkan tadbir urusnya, tahap profesionalismenya dan autonomi. Sementara kita akui hasil peningkatan cukai tahun demi tahun itu cukup tinggi dan memuaskan, ada kebimbangan tentang skim perkhidmatan dan juga pengurusan. Maka oleh yang demikian, cadangan untuk memberikan autonomi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita sambut baik.

Namun demikian, ada beberapa perkara kita harus berikan pertimbangan. Rakan-rakan dalam Lembaga yang sebelumnya dalam jabatan sedia maklum, sementara mereka berusaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan bertindak bebas, tekanan juga ada. Saya masih ingat di kala membuat kunjungan dan mendapat laporan daripada Lembaga pada masa itu betapa kutipan cukai itu mudah untuk diambil terhadap rakyat. Akan tetapi pada ketika itu, golongan terkaya, *top ten billionaires* paling sukar membayar dan memberikan pelbagai alasan untuk menangguhkan.

Oleh yang demikian, ada penjelasan yang saya pohon daripada Menteri. Bagaimana pengalaman mereka dalam usaha mengutip cukai yang cukup efisien, berkesan terhadap rakyat yang kadang-kadang menerima tekanan yang cukup dahsyat tetapi bagaimana dengan kalangan terkaya di negara kita? Walaupun tidak semua urusan perniagaan dan catatan keuntungan di dalam negara tetapi peningkatan tahun 2009 sehingga tahun 2014 umpamanya, Robert Kuok Group umpamanya dari RM42 bilion hampir ke RM55 bilion. Berapa cukai yang dia bayar dalam negara? Ananda Krishnan, dari RM27 bilion ke RM33 bilion.

Ini, bila disebut Titah Tuanku Sultan Perak dan ucapan belanjawan kita yang lalu tentang *inequality* yang dihebahkan oleh pakar ekonomi Piketty, kesenjangan pendapatan

melebar yang menjurus kepada kebimbangan. Kita melihat umpamanya golongan maha kaya ini peningkatannya itu melonjak tinggi berbanding dengan pendapatan rakyat. Hubungannya ialah dengan cukai yang diselenggarakan oleh Lembaga.

#### ■1200

Tan Sri T. Ananda Krishnan RM27 bilion ke RM33.19 bilion. Teh Hong Piao dari RM10.8 bilion kepada RM18 bilion. Lapan bilion peningkatan dalam tempoh beberapa tahun. Tan Sri Quek Leng Chan, Hong Leong Group RM7 bilion hingga RM14.11 bilion. Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng, IOI Group dari RM11.9 bilion ke RM13.12 bilion. Tan Sri Syed Mokhtar Shah bin Syed Nor Al-Bukhary dari RM6 bilion ke RM11.1 bilion. Tan Sri Lim Kok Thay, Genting Group RM10 bilion, itu ada penurunan sedikit ke RM9.4 bilion. Tan Sri Li Kim Hwa juga Genting Group, dari RM4 bilion hingga RM7.4 bilion. Tan Sri Datuk Mokhzani bin Tun Dr. Mahathir dari RM1 bilion ke RM4.2 bilion dalam masa yang cukup singkat. Tan Sri Dato' Azman Hashim, Erat Malaysia Group Corporation, RM2.8 bilion hingga RM4.11 bilion dan Tan Sri Datuk Tiong Hiew King, Rimbunan Hijau dari RM3.5 bilion hingga RM3.8 bilion.

Kita bukan mempersoalkan peningkatan yang melonjak cukup tinggi. Kita hendak tanya, apakah benar ada keberanian tanpa gangguan, kesungguhan dan tak profesionalisme dan autonomi diberikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang saya sokong dapat bertindak. Ini kerana berdasarkan laporan mereka kepada saya dulu, saya masih ingat betapa kuat tekanan daripada kumpulan ini yang enggan membayar yang memerlukan pada ketika itu sokongan menteri untuk memastikan ia dijalankan dengan lancar dan profesional.

Keadaan sekarang berubah kerana cadangan yang kita sokong untuk meningkatkan mutu khidmat dan memberikan autonomi dan saya rasa wajar kerana rekod dan prestasi lembaga ini di antara lembaga atau jabatan yang kita banggakan. Walaupun ada kita sentuh beberapa kelemahan dari semasa ke semasa. Jadi, saya ingin maklumat jelas, apakah benar BMS ini dapat menyempurnakan tanggungjawab mereka membayar cukai mengikut tempoh, tidak diberikan kelonggaran seperti mana yang pernah kita dapat laporan, tidak mudah bagi orang biasa dapat kelonggaran tetapi ada maklumat di mana lembaga ditekan ataupun apa keadaannya. Di mana orang-orang yang kaya boleh diberi-billionair boleh diberikan kelonggaran bayaran ansuran 18 bulan seumpamanya.

Kalau ini secara konsisten diberikan kepada semua yang berhak, saya tidak ada masalah ataupun teguran. Akan tetapi tentunya tidak boleh diberikan pengecualian kerana perkara ini dari segi fakta pernah berlaku. Saya harap dengan perubahan ini, kita dapat jamin lebih efisien, profesional dan autonomi. Bermakna ada tekad untuk melaksanakan tanpa memilih pengaruh, kedudukan atau kekayaan seseorang itu. Ada kaitan yang harus diberi perhatian khusus oleh lembaga setelah mendapat autonomi. Ini termasuk apa yang berulang kali bertahun-tahun kita ucapkan mengenai *Global Financial Integrity Report*.

*Report* ini patut diteliti oleh profesional di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bagaimana ratusan bilion ringgit dikeluarkan. Ya, Menteri jawab tidak sampai ratus bilion, mungkin puluh bilion. Saya tidak mahu hujah bab itu. Pokoknya, ada *illicit funds*, wang atau dana haram dikeluarkan tanpa dikesan oleh sistem perbankan negara Malaysia dan Lembaga

Hasil Dalam Negeri. Wang dari sumber yang tidak sah, dibawa lari keluar. Mengikut GFI *Report*, Malaysia itu di antara yang tertinggi. Bagaimana boleh kita bebaskan rakyat untuk membayar, padahal golongan maha kaya boleh bawa lari puluhan bilion.

Maka, kita minta Lembaga Hasil Dalam Negeri ada *technical expertise, professional team* untuk mengkaji dan meneliti laporan ini dan dapat mengesan supaya mereka juga dipaksa dituntut membayar cukai kepada negara ini. Kedua yang ada laporan mengenai wang haram dalam bentuk rasuah. Kita tahu Laporan Kajian Penipuan Asia Pasifik 2013, *Asia-Pacific Fraud Survey Report Series 2013* yang disertai 681 eksekutif di China, Singapura, Australia, New Zealand, Indonesia, Vietnam, Malaysia dan Korea Selatan.

Malaysia dan China berada di paras teratas dalam skala rasuah. Apa kaitannya di sini? Maksudnya, apabila jumlah besar puluh bilion ini dikesan dalam laporan, ia tidak dikesan dalam jadual pendapatan dan mereka terlepas daripada membayar cukai. Sebanyak 39% hasil dari kajian ini mendapati rasuah diamalkan secara meluas di Malaysia, dua kali ganda daripada purata Asia Pasifik yang puratanya 21%. Malah 29% responden mendapati rasuah yang diamalkan di sini meningkat berikutan keadaan ekonomi yang semakin mendesak dan peningkatan dalam persaingan yang merupakan negara ketiga tertinggi dalam kajian ini.

Kalau difikirkan kajian ini kurang tepat, saya minta dijelaskan tetapi tidak salah kerana saya bersama pengalaman saya, saya masih akui kita boleh meletakkan harapan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan pindaan yang diberikan autonomi, juga amanah yang bertanggungjawab dalam keadaan persepsi kepada jenis pengurusan kerajaan yang lemah haruslah dipertahankan badan-badan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri atau Bank Negara di mana persepsi itu masih belum rosak akibat daripada penyelewengan dan rasuah.

Jadi, saya dalam menyokong pindaan ini dan terutamanya memberikan autonomi, saya ingin menggesa rakan-rakan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk mengambil kira hasrat melembagakan sejak tahun 1995 dan pindaan yang memberikan kuasa yang lebih tetapi haruslah tindakannya itu adil dan saksama. Ini kerana masih lagi dari semasa ke semasa kita dapati rayuan di kalangan orang yang berpendapatan sederhana kadang-kadang dapat tekanan lembaga itu yang agak kurang memberikan pertimbangan kemanusiaan. Jadi, saya juga harap dalam ketegasan kita dalam mengumpulkan dana, jangan kita ketepikan faktor kemanusiaan dan bagaimana beri ruang kepada rakyat membayar cukai itu memberikan penjelasan yang munasabah untuk kita berikan kelonggaran jika perlu.

Akhirnya, saya ulangi persoalan saya. Saya mahu tahu di kalangan 20 bilionair kalangan terkaya di dalam negara ini, berapa jumlah cukai yang kita kumpulkan. Ini kerana kita tidak mahu orang yang maha kaya diberikan terlalu banyak ruang dan kelonggaran malah melarikan dengan melalui beberapa langkah untuk mengelak daripada membayar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Bagan.

**12.09 tgh.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya juga ingin menyokong apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Mengalukan keputusan pihak kerajaan untuk menarik balik fasal-fasal berkaitan dengan penubuhan panel pelaburan. Ini kerana ia jauh lari dan terpesong daripada tujuan dan maklumat utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia perbadanan ditubuhkan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan hendak menarik balik semua fasal-fasal berkaitan dengan panel pelaburan, mengapa pula mengekalkan fasal 7 iaitu kuasa untuk menubuhkan syarikat. Ini kerana ia suatu fasal *consequential*, dengan izin. Ini adalah *consequential clause* ekoran daripada penubuhan panel pelaburan.

**■1210**

Ini kerana ia jauh lari dan terpesong daripada tujuan dan matlamat utama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia perbadanan ditubuhkan. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan hendak menarik balik semua fasal berkaitan dengan panel pelaburan, mengapa pula mengekalkan Fasal 7 iaitu Kuasa Untuk Menubuhkan Syarikat. Ini kerana adalah satu fasal *consequential* dengan izin. Ini adalah *consequential clause* ekoran daripada penubuhan panel pelaburan. Ini kerana tanpa panel pelaburan, saya rasa ia tidak bermakna langsung. Mengapa perlu ada kuasa untuk menubuhkan syarikat.

Saya ingin membaca fasal yang dicadangkan lembaga boleh dengan kelulusan Menteri menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat untuk menjalankan dan bertanggungjawab pada atau terlibat dalam apa-apa projek skim atau perusahaan yang telah dirancang atau dijalankan oleh lembaga dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada panel pelaburan memang Fasal 7 ini adalah sesuai untuk melaksanakan dan memenuhi keperluan menjalankan tugas-tugas panel pelaburan. Akan tetapi apabila panel pelaburan telah pun digugurkan seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya rasa fasal ini tidak relevan langsung. Oleh itu saya ingin mencadangkan bahawa ia juga harus digugurkan, kalau tidak ia hanya menjadi satu hiasan sahaja dan tidak akan diguna pakai oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri kecuali mungkin hendak membuat apa-apa menerusi *back door* atau pintu belakang. Ini yang kita hendak elakkan supaya panel pelaburan telah pun digugurkan, jangan pula ada penubuhan syarikat yang boleh memenuhi hasrat sendiri secara pintu belakang.

Saya rasa itu tidak sesuai kerana kalau kita lihat fungsi dan juga tugas-tugas yang telah dipertanggungjawabkan di bawah akta ini yang sedia ada, sudah memadai dan sudah mencukupi untuk membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri menjalankan tugas mereka iaitu mengutip cukai, memastikan tidak ada *evasion*, bukan *avoidance*. *Avoidance* itu tentulah sah dari segi perundangan tetapi *evasion* untuk memantau dan memastikan tidak

ada sebarang *tax evasion*. Akan tetapi apakah hasrat dan matlamat untuk menubuhkan syarikat menjalankan projek, skim dan perusahaan. Apabila kita bercakap tentang projek, saya rasa ada pelbagai bayangan yang akan terlintas dalam fikiran kita. Wah! sekarang Lembaga Hasil Dalam Negeri menjalankan projek, skim dan perusahaan. Ini bajet lagi besar. Saya rasa itu harus juga digugurkan supaya kita dapat mengekalkan kemurnian tugas Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu semata-mata mengutip dan juga memastikan tidak ada sebarang *evasion*. Jadi saya berharap perkara ini dapatlah dipertimbangkan.

Di sini pihak parti DAP menentang keras sebarang usaha untuk menubuhkan panel pelaburan. Sungguhpun kita tahu seperti yang dijelaskan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tidak akan atau panel pelaburan tidak akan menggunakan cukai yang dikutip untuk usaha tersebut tetapi akan menggunakan dana yang diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi saya rasa kita sudah ada terlalu banyak panel pelaburan. Di sini ada, di situ ada, di mana-mana pun ada. Bukan sahaja apa yang tadi disebut EPF, KWAP yang sedia ada sampai 1MDB pun ada. Bermaharajalela dengan membuat pelaburan menerusi bon-bon yang mereka terbit ataupun mereka dapat daripada pasaran antarabangsa. Seinggakan Mantan Perdana Menteri pun telah menyatakan adalah tidak kena pada tempatnya untuk menjalankan perniagaan menerusi pinjaman. Kalau hendak menjalankan perniagaan mestilah menerusi lebihan bukan menerusi defisit mahupun pinjaman.

Saya rasa sepanjang kerjaya politik saya banyak yang kita tidak bersetuju dengan Mantan Perdana Menteri tetapi kali ini mungkin kita bersetuju dengan pandangan Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyatakan itu tidak betul, tidak akan kita hendak menjalankan perniagaan semata-mata bergantung dengan bon sahaja dan sekarang jumlah yang dipinjam mencecah RM38 bilion. Itu bukan satu jumlah yang kecil Tuan Yang di-Pertua. RM38 bilion. Kalau kita lihat dari segi pulangannya. Pulangannya pun tidak mencukupi untuk kos operasi, kos pengurusannya dan akhirnya bagaimana hendak bayar. Saya rasa itulah yang ditimbulkan oleh pihak kita dan Mantan Perdana Menteri pun bersetuju bahawa itu sesuatu yang beliau tidak jalankan. Semua daripada pinjaman sehingga Malaysia akhirnya berhutang keliling pinggang. Saya rasa itu bukanlah satu model, nilai yang kita mahu anak-anak kita serasi, bukanlah yang kita hendak terapkan mereka dengan nilai hutang. Bahawa hendak membuat apa-apa hutang tidak apa, seakan-akan tidak perlu bayar.

Itulah sebabnya Kerajaan Persekutuan, kita lihat daripada segi hutang Kerajaan Persekutuan meningkat 100% dalam tujuh tahun ini. 2007 hingga sekarang, RM266 bilion pada akhir 2007 sampai RM542 bilion sekarang, mungkin lebih. Lebih 100%. Ini membimbangkan. Akan tetapi apa yang lebih membimbangkan ialah *household debt* iaitu hutang isi rumah secara peribadi. Yang naik sampai 86.8% GDP iaitu kedua tertinggi di benua Asia. Saya rasa itu yang amat membimbangkan kerana akhirnya beban hutang ini terletak di bahu rakyat biasa. Jadi apakah usaha untuk meringankan beban mereka ditambah lagi dengan minyak naik, GST pun akan dikenakan. Nampaknya tambah beban, tidak nampak macam mana ia dikurangkan.

Itulah sebabnya saya rasa di sini kita berharap pencerahan boleh diberikan oleh pihak kerajaan dan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana sehingga sekarang kita lihat hanya bahawa harga minyak petrol tentulah disebutkan rendah tetapi kita tidak faham mengapa harga minyak sedunia turun tetapi di Malaysia pula naik. Di India turun empat sen. Di United Kingdom turun 27 sen tetapi di Malaysia pula naik 20 sen. Kita berharap boleh dapat pencerahan kerana ini bercanggah dengan apa yang berlaku di dunia sekarang. Kalau harga sedunia naik baru ikut naik. Takkan harga sedunia turun, kita pula terbalik, kita pula yang naik. Saya rasa ini yang tidak difahami oleh rakyat yang sentiasa tertanya-tanya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tentunya ini mempunyai kesan besar kerana kutipan cukai yang boleh diperoleh dan kita berasa memang kalau kita lihat dari segi petrol dan cukai petroleum pihak kerajaan banyak bergantung kepada sumber pendapatan tersebut dan kita boleh lihat bahawa pihak Kerajaan Persekutuan cuba memperluaskan asas kutipan cukai dengan mengenakan GST. Di sinilah yang kita selalu bertanyakan, adakah kita mempunyai kapasiti tersebut untuk menampung GST tersebut. Ini kerana saya rasa dari segi impaknya yang disebut-sebutkan jumlah yang akan dikutip ialah sebanyak RM33 bilion. Kalau kita tolak dengan apa yang dikutip sekarang daripada *sale tax* iaitu cukai jualan kira-kira RM14 bilion, akhirnya mungkin pihak Kerajaan Persekutuan akan kutip tambahan RM40 bilion dan ini akan dikenakan ke atas beban rakyat biasa.

#### ■1220

Jumlah angka yang kita terima Tuan Yang di-Pertua, amat berbeza-beza. Ada yang cakap RM27 bilion, ada yang cakap RM33 bilion. So, saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan pencerahan, apakah jumlah sebenarnya yang dianggarkan boleh dikutip ekoran daripada pelaksanaan GST pada tahun depan? Adakah apabila ia dilaksanakan secara komprehensif dan secara keseluruhan, jumlah yang dikutip ialah RM33 bilion? *Net effect*. Apakah *net effectnya*? Saya rasa itu yang kita hendak tahu supaya kita boleh berbahas berdasarkan fakta dan kita tidak berbahas berdasarkan emosi. Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan bahawa, "*Ini tidak akan menyebabkan inflasi, ini akan membantu ekonomi*", saya rasa kita hendak lihat di mana datang daripada alasan tersebut.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, kita pun berharap bahawa mekanisme pelaksanaannya, kita harap ia boleh dijelaskan dengan pelbagai bahasa supaya dapat diketahui dengan lebih mendalam oleh pihak-pihak bukan sahaja syarikat-syarikat tetapi juga orang-orang biasa. Selagi perkara sedemikian tidak dilaksanakan, saya bimbang apabila ia dilaksanakan pada tahun depan, ini akan menghadapi banyak masalah. Oleh sebab itu, saya harap perkara ini dapatlah diperkasakan, *intensify*. Kalau tidak, saya rasa bukan sahaja kekeliruan tetapi akan menimbulkan banyak kelam-kabut apabila dilaksanakan. Tentulah daripada segi dasar, pihak kami ini menentang tetapi daripada segi pelaksanaan mekanismenya, kita harap juga pencerahan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tentang kutipan cukai ini, saya ingin membangkitkan suatu perkara yang berkaitan dengan negeri Pulau Pinang. Mengikut satu jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, di antara tahun 2000 hingga tahun 2008, daripada segi aspek *custom* dan cukai yang dibayar oleh negeri Pulau Pinang iaitu baik daripada syarikat mahupun daripada individu, jumlah kutipan untuk lapan tahun ini, tahun 2000 hingga 2008 adalah sebanyak RM25,670 juta. Akan tetapi yang diberikan balik kepada kerajaan negeri adalah hanya RM794 juta iaitu 3% sahaja.

Kalau kita lihat daripada aspek wang yang diberikan balik kepada Pulau Pinang, daripada segi peratusan, Pulau Pinang mendapat bayaran balik yang kedua rendah di seluruh negara. Di seluruh negara, peratusan bayaran balik adalah kedua rendah iaitu Pulau Pinang. Negeri lain dapat lebih. Inilah antara tahun 2000 hingga 2008. Saya hendak tahu apakah jumlah itu dari tahun 2009 sehingga sekarang? Adakah ada penambahbaikan ataupun keadaan jadi lebih buruk ataupun masihlah status yang sama?

Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak kerajaan untuk menimbang, kalau hanya dapat balik 3% daripada cukai yang dibayar kepada pihak Kementerian Kewangan atau LHDN, saya rasa adalah terlalu kecil. Inilah aspek-aspek yang kita rasa yang mana sumbangan yang diberikan oleh rakyat dan juga syarikat Pulau Pinang tidaklah dibalas balik dengan pulangan yang sewajarnya. Kita bukan minta sampai 100% balik, tidak ada. Akan tetapi kita minta satu jumlah yang lebih munasabah. Disebut di sini, daripada segi peratusan, bayaran yang diberikan hanya dapat 3% balik sahaja kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Adakah perlunya ada sekurang-kurangnya satu *benchmark*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Kita tahu tentunya ada negeri yang lain perlukan yang lebih tetapi sekurang-kurangnya ada satu kadar minimum yang akan dibayar kepada negeri. Kalau ada keperluan yang lebih daripada negeri yang lain, mereka boleh dapat lebih tetapi sekurang-kurangnya ada kadar minimum. Ini kerana kalau kita hanya sekadar 3%, saya rasa itu memang tidak betul dan itu adalah suatu tindakan diskriminasi ke atas rakyat Pulau Pinang.

Saya difahamkan bahawa daripada segi duti kastam, jumlah yang dikutip telah meningkat. Saya hendak dapat kepastian kerana ini ada satu laporan yang saya baca dan saya hendak dapat kepastian sama ada ini benar atau tidak, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana mengikut maklumat yang dilaporkan daripada pihak Kastam, dari Pulau Pinang telah kutip sebanyak RM30,379 juta pada tahun 2011 iaitu satu peningkatan RM2 bilion berbanding dengan RM28.32 bilion pada tahun 2010. Saya rasa itulah jumlah yang begitu besar yang mana kita boleh lihat sumbangan sungguhpun negeri yang kedua kecil tetapi daripada segi sumbangan ekonominya, bukanlah satu jumlah yang kecil. Kita harap dapat perhatian dan juga dapat pulangan yang lebih adil dan lebih saksama untuk negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara terakhir yang saya hendak bangkitkan ialah perlunya pihak LHDN menjalankan tugasnya dengan telus supaya tidak ada sebarang syak wasangka yang akan digunakan oleh pihak kerajaan untuk motif-motif politik kerana apabila siasatan dijalankan, kita selalu bertanya, "*Mengapa siasatan ke atas individu-individu atau syarikat-syarikat tertentu yang memang diakui adalah kroni kepada Barisan*



*Nasional, mengapa mereka tidak menghadapi siasatan serupa?'*. Saya rasa ini akan menjejaskan malah mencemarkan kewibawaan dan profesionalisme LHDN.

So kita harap ada satu *Standard Operating Procedures* (SOP) yang telus sekali supaya semua boleh lihat macam mana, apakah mekanisme yang diterima pakai atau diguna pakai untuk menjalankan siasatan. Ini kerana sungguhpun mungkin selepas siasatan ini tidak ada apa-apa yang kena tetapi tolong bayangkan, kena minta enam tahun punya penyata kewangan bukanlah satu perkara yang mudah. Lebih-lebih lagi apabila dokumen ini semua dirampas iaitu dokumen-dokumen asal dan ini amat menyusahkan, malah boleh memudaratkan status kewangan ataupun *viability* syarikat tersebut.

Oleh itu, saya harap bahawa kita ada suatu mekanisme yang telus supaya tidak timbul syak wasangka. Kalau timbul syak wasangka sedemikian, saya rasa apabila kewibawaan dipersoalkan, ini akan sedikit sebanyak menjejaskan usaha bahawa memang pengutipan cukai dijalankan secara adil dan saksama. Itulah saya harap bahawa biarlah pihak pegawai-pegawai menjalankan tugas mereka tanpa campur tangan dan dengan adanya satu mekanisme yang telus ini, mereka boleh menunaikan tanggungjawab, saya rasa mengikut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah akta ini.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Lenggong.

**12.28 tgh.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillah Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995.

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana terus berperanan menjadi ejen mengutip dana terunggul dalam negara ini. Kalau kita lihat pada tahun 1998 misalnya, kutipan yang diperoleh melalui tanggungjawab yang diberikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri hanya sekitar RM29.97 bilion sahaja. Ukurannya, kalau kita lihat pada tahun 2012 misalnya, lonjakannya begitu tinggi kita dapat lihat apabila ia mencecah kepada RM109.6 bilion. Ini peningkatan kutipan yang begitu baik sekali dan sesungguhnya, ia membolehkan negara kita berdiri pada tahap yang cukup baik kerana pungutan cukainya yang begitu baik. Jika ukurannya kita ambil daripada kutipan tahun 1998 yang begitu rendah melonjak begitu tinggi, ini memberi petanda bahawa kecekapan, pengurusan baik, efisiennya, terkehadapannya.

■1230

Ini sebenarnya suatu yang memang perlu kita banggakan sebagai rakyat Malaysia. Ini kerana ada sebuah agensi yang begitu hebat sekali dan berkeupayaan melakukan yang terbaik untuk bukan hanya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri tetapi juga kepada negara. Oleh sebab itu, kita harus menolak apa juga ungkapan, diayah dan umpat keji yang

disampaikan oleh pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa Lembaga Hasil ini ingin melakukan sesuatu yang tidak baik untuk negara. Ini kerana pindaan yang hendak dibuat sebenarnya suatu yang saya fikir lebih jauh daripada itu untuk meningkatkan lagi. Ini kerana niat sebenar, peranan sebenar Lembaga Hasil ini untuk meningkatkan kutipan. Maknanya apa yang dipinda ini pada saya hanya bertujuan untuk meningkatkan hasil negara. Apabila hasil negara meningkat, maka ia sudah tentu akan memakmurkan negara dan rakyat negara ini.

Oleh sebab itu kita juga dapat lihat apabila ia menjadi satu badan yang begitu baik imejnya. Kalau dahulu kita dapat lihat bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri ini merupakan satu badan yang cukup digeruni oleh terutama sekali pembayar cukai, Yang Berhormat Sibuti. Orang takut kerana kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri cari ini banyaklah duit hendak kena keluar, hendak bayar cukai dan sebagainya. Akan tetapi imej itu sebenarnya telah berjaya diubah oleh Lembaga Hasil. Dengan program mesra pelanggannya, melihat pelanggan satu yang penting kepada negara. Akhirnya, kita lihat imej itu telah dapat diubah, kita lihat ia menjadi rakan terbaik kepada rakyat negara ini dan menjadi agen terbaik kepada usaha untuk melonjakkan negara dan meletakkan negara sebagai sebuah negara maju.

Oleh sebab itu dalam Dewan yang mulia ini saya menyokong sepenuhnya apabila Lembaga Hasil ingin mengadakan satu- apa yang dipanggil pengurusan kewangannya sendiri dan juga skim perkhidmatannya sendiri. Ini penting sebenarnya. Kerana apa, kalau kita lihat Lembaga Hasil Dalam Negeri ini sebenarnya berperanan sebagai ejen kerajaan dalam mentadbir undang-undang cukai langsung.

Di Malaysia seperti dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, juga Akta Setem 1949. Jadi dalam melaksanakan tanggungjawab ini, untuk membolehkan peranannya lebih baik, saya percaya satu cara ialah kita letakkan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini mempunyai satu sistem pengurusan kewangannya sendiri, itu pertamanya. Penting supaya ia mampu untuk merangka peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih baik. Akan tetapi saya percaya walaupun kerajaan, akta ini memberikan Lembaga Hasil Dalam Negeri peranan tersebut tetapi ia tentunya tidak boleh melakukan sesuatu di luar daripada lingkungan undang-undang yang sedia ada.

Maknanya walaupun kuasa diberi tetapi masih lagi tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ada. Ini yang kita hendak bincangkan bersama. Maknanya ia tidak boleh buat sesuka hati, ada lembaga pengarahnya, mesti kelulusan lembaga pengarahnya. Akan tetapi perkara-perkara tertentu saya percaya walaupun kuasa diberi tetapi masih tertakluk kepada perkara-perkara yang disebutkan ini.

Selain daripada itu, saya juga lihat bahawa apabila satu lagi perkara yang ialah berkaitan dengan skimnya, perkhidmatannya – skim perkhidmatan sendiri. Sudah tentulah selain dari Lembaga Hasil mempunyai autonomi mengurus kewangan, kalau dibenarkan juga untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai skim perkhidmatan sendiri, saya percaya tentu Lembaga Hasil mempunyai hasrat untuk menambah kepakaran. Barangkali ada bidang-bidang tertentu Yang Berhormat Menteri, mungkin boleh Lembaga Hasil

membawa masuk kepakaran luar, profesional yang difikirkan perlu. Itu hanya pandangan saya.

Saya percaya dengan adanya langkah-langkah sedemikian rupa menambahkan bilangan kepakaran, meningkatkan keupayaan melalui peningkatan perjawatan ini, saya percaya ia akan meletakkan lebih kukuh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan satu entiti perkhidmatan yang baik kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai badan penting. Ia mesti mempunyai keupayaan pentadbiran yang lebih daripada orang lain. Betul tidak Yang Berhormat Lanang? Yang Berhormat Lanang pun setuju, tengok dia mengganggu. Yang Berhormat Mersing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Mersing.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tuan Yang di-Pertua, saya amati tadi ucapan dan hujah Yang Berhormat Bagan. Saya hendak tanyalah Yang Berhormat Lenggong, menubuhkan panel pelaburan dalam lembaga ini ia bukan *rocket science*. Lembaga Zakat pun ada lembaga panel di mana-mana negeri. Adakah Yang Berhormat Lenggong bersetuju bahawa apa yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat Bagan adalah semata-mata kerana apabila lembaga mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang pelaburan yang strategik, maka ia boleh mengambil alih peranan sektor-sektor tertentu yang dikuasai oleh mereka yang tertentu.

Sehingga tanggapan bahawa Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa tidak boleh buat pelaburan, takut rugi, *double* pelaburan bertindih dengan peranan dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh panel-panel pelaburan dalam KWSP, dalam SOCSO dan pelbagai lagi. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa gambaran ini memberi satu tanggapan yang amat buruk kepada panel pelaburan yang profesional? Adakah Yang Berhormat setuju?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih. Saya pun merasakan... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Beberapa Ahli:** Buka *mike, mike, mike*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Mersing saya pun rasa sebagaimana yang Yang Berhormat Mersing rasa tentang apa yang ada dalam pemikiran Yang Berhormat Bagan tadi.

Sebenarnya, kalau saya mungkin salah Yang Berhormat Menteri boleh betulkan. Saya fikir walaupun Lembaga Hasil Dalam Negeri ini ia sebuah badan, sebenarnya tentu ada jawatankuasanya. Jawatankuasa pelaburankah, atau jawatankuasa yang bukan hanya melibatkan— pandangan saya Yang Berhormat Menteri, nanti Yang Berhormat Menteri jawablah. Untuk hendak membuat keputusan-keputusan besar, yang bukan hanya melibatkan Lembaga Hasil tetapi keputusannya akan memberi kesan kepada negara. Tentu mempunyai jawatankuasa yang pastinya akan diwakili oleh beberapa pihak yang tertentu.

Misalnya daripada Kementerian Kewangan sendiri, mungkin daripada Jabatan Peguam Negara, barangkali daripada Jabatan Perkhidmatan Awam atau pihak-pihak lain yang memang menjadi amalan biasa mana-mana badan dalam negara ini. Maksudnya keputusan yang hendak dibuat itu tentu akan mengambil kira pandangan-pandangan ini.

Saya percaya ini menolak sama sekali kekusaran tersebut kerana walaupun pada pandangan saya autonomi diberikan tetapi masih lagi tertakluk kepada peraturan dan undang-undang tertentu yang menjaga kepentingan, bukan Lembaga Hasil tetapi kepentingan negara. Ini kerana badan penting kalau Lembaga Hasil gagal melaksanakan peranan, ia akan menjejaskan ekonomi negara, menjejaskan masa depan negara. Oleh sebab itu saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Mersing tadi. Selebih daripada pertanyaan Yang Berhormat Mersing itu Yang Berhormat Menteri akan jawab nanti. Jadi mana-mana yang patut itu masuk dalam ucapan saya, Yang Berhormat Mersing. Jadi panjang sikit ucapan saya ini.

Yang Berhormat Menteri dalam usaha Lembaga Hasil ini untuk terus bertanggungjawab dan berkemampuan untuk urus tadbir kewangan yang lebih cekap, lebih berhemah sebagaimana yang dihasratkan dalam pindaan akta ini, saya bersetuju dan supaya dimampatkan dan dibenarkan Lembaga Hasil ini untuk mewujudkan skim perkhidmatan baru ini, saya bersetuju benar. Oleh sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apa sebenarnya hasrat Lembaga Hasil? Pegawai yang bagaimana yang dikehendaki, yang diinginkan untuk dia masuk? Sekarang ini saya percaya pegawai-pegawai kita di Lembaga Hasil memang sudah baik. Mungkin ini sebagai usaha untuk penambahbaikan. Jadi yang saya hendak tahu ini untuk urus tadbir yang lebih baik ini pegawai-pegawai bagaimana yang dimaksudkan. Adakah mempunyai hasrat untuk membawa tenaga profesional luar masuk? Atau pegawai-pegawai lain yang barangkali sudah ada dalam perancangan Lembaga Hasil.

■1240

Jadi saya harap ia dapat dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Lenggong, saya Yang Berhormat Sibuti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya, sila Yang Berhormat Sibuti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar apa yang dikatakan oleh saudara Yang Berhormat Lenggong bahawa penambahan baik untuk lembaga ini adalah dengan kita membawa *expertise-expertise* dari luar dan juga untuk meningkat naik yang sudah berpengalaman dalam lembaga itu sendiri. Daripada hasil yang dikutip, sekarang kita mendapat seratus lebih bilion. Jadi mengapakah tidak Yang Berhormat Lenggong bercadang kita mempraktikkan seperti apa yang dibuat oleh pihak polis dan juga pihak kastam. Kita memberi insentif kepada pegawai-pegawai yang bekerja kuat ini yang membuat kerja yang begitu baik, dengan tulus dan ikhlas sehingga kita mendapat pendapatan yang lebih banyak lagi daripada setahun ke setahun hasil pendapatan lembaga ini. Apakah Yang Berhormat Lenggong setuju? Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibuti, saya bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sibuti tadi sebagai sebahagian daripada insentif dan saya percaya pun barangkali ini telah pun

dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk meningkatkan lagi kecekapan, keupayaan, menambahkan keberkesanan motivasi di kalangan pegawai-pegawai, insentif-insentif tertentu sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Sibuti itu memang perlu ada dan kalau sudah dibuat barangkali boleh ditingkatkan lagi berasaskan kepada pencapaian.

Saya sebut tadi tahun 1998 baru sebanyak RM29.97 bilion meningkat hampir lima kali ganda pada tahun 2012. Saya percaya, saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri hasil kutipan yang terkini, berapakah sebenarnya? Ini peningkatan yang begitu baik dan wajarlah sebagaimana yang Yang Berhormat Sibuti sebut memang perlu diberi insentif kerana mereka memang memberikan perkhidmatan terbaik. Kalau dengan ada cukai yang banyak maka 10 hari bulan nanti Menteri Kewangan boleh bantangkan kewangan yang begitu baik kerana cukai yang begitu banyak.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri hari ini Lembaga Hasil Dalam Negeri, ia tentu menghadapi masalah dalam pentadbiran dan mengurus kewangan kerana segala-galanya yang dilakukan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri ini sama macam kebanyakan jabatan-jabatan lain kecuali beberapa agensi dalam enam agensi tadi yang sudah ada autonominya sendiri. Ini agensi penting. Sepatutnya ia mesti berada di atas daripada jabatan-jabatan lain kerana ia kutip cukai dan ia bantu agensi-agensi lain, itu maksudnya. Oleh kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri ini sebuah agensi penting, ia yang bantu kepada jabatan agensi lain, ia mesti duduk dalam keadaan yang lebih baik daripada orang lain.

Kalau ia sama saja gaji ia pun sama juga macam agensi jabatan lain, sama macam jabatan-jabatan kerajaan lain. Eh! Tidak adil saya rasa. Ia kena ada insentif sendiri. Ini penting supaya mereka boleh bergerak sendiri. Barulah nampak ada gah sedikit sebagai satu agensi yang penting kepada negara. Yang Berhormat Batu Gajah hendak bercakap kah? Sebab lali dari tadi tengok saya. Hendak bercakap? Tidak. Jadi ya... Sebab saya tengok dia hendak bercakap, itu saya tanya.

Jadi Yang Berhormat Menteri, dalam urus tadbir ini, maka dalam urus tadbir sumber manusia ini, jadi sudah tentu saya percaya Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan adanya insentif sendiri ia boleh membuat perwujudan jawatan-jawatan baru, penghapusan jawatan-jawatan sedia ada, maka pengubahsuaian-pengubahsuaian boleh dibuat dengan sendirinya supaya ia sesuai dengan badannya. Kalau tidak ia rasa ia hanya sama macam badan-badan yang lain. Jadi sebab itu saya sokong berkaitan dengan perkara ini kerana saya juga lihat kalau ia tidak dibuat ia banyak bergantung kepada keputusan-keputusan orang lain. Misalnya JPA, ia bergantung kepada JPA sedangkan saya percaya Lembaga Hasil Dalam Negeri juga berperanan untuk membantu JPA dari segi pungutan cukai, dapat wang, pegawai-pegawai JPA juga mendapat gaji hasil daripada peranan yang dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Oleh sebab itu dalam urus tadbir kewangan ia dan urus tadbir sumber manusia, saya percaya Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu diberi fleksibiliti, kuasanya sendiri supaya ia boleh memutuskan sendiri peranan dan tanggungjawabnya supaya ia terus menjadi agensi pungutan cukai yang berkesan, yang efisien, yang mampu untuk menjayakan segala bentuk program transformasi yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan khususnya. Oleh kerana ia penting kepada negara, saya harap kita semua

dalam Dewan yang mulia ini menyokong usul untuk membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri membuat pindaan ini kerana ia sebenarnya amat penting kepada rakyat dalam negara ini. Terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** [Bangun]

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan pendirian saya untuk menyokong cadangan pindaan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri pada minggu ini. Akan tetapi saya ingin menyatakan pandangan saya tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan tadi apabila beliau tidak bersetuju supaya LHDN diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat. Sebenarnya kita kena bersikap rasional sebab Lembaga Hasil Dalam Negeri ini adalah sebuah lembaga dan lembaga biasanya mempunyai bidang kuasa dan autonomi yang tersendiri. Lembaga kebiasaannya hendaklah mempunyai sumber kewangan untuk mengoperasikan lembaga itu atau kita katakan dengan izin *self-financing*.

Jadi apa yang kita perlu lihat secara logiknya, kalau sebelum ini pengurusan Lembaga Hasil Dalam Negeri hanya bergantung kepada peruntukan daripada Kementerian Kewangan semata-mata, memang kita akan dapat lihat beberapa perkara yang penting untuk dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan. Kita pun tidak boleh salahkan Kementerian Kewangan kerana Kementerian Kewangan juga mempunyai dasar-dasar tertentu dalam memberikan peruntukan.

Jadi dalam dua masalah ini menyebabkan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengalami satu tekanan supaya memberikan servis yang terbaik. Akan tetapi dalam masa yang sama, mereka juga mengalami tekanan dari segi sumber kewangan pengurusan yang tidak mencukupi. Jadi maka dengan sebab itulah kalau kita melihat dalam akta ini cadangan dalam seksyen 7, 28A ini memberi kuasa kepada penubuhan syarikat untuk melaksanakan apa-apa jua aktiviti yang boleh mendatangkan hasil kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini adalah satu perkara, satu inisiatif yang amat-amat wajar dan wajib kita sokong kerana dalam hal ini ia akan membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk *perform* lebih baik dan lebih cemerlang.

Saya juga berpengalaman menguruskan sebuah lembaga. Jadi saya juga berfikir memang apabila di lembaga kita ada anak syarikat. Saya menguruskan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Kami juga ada anak syarikat. Anak syarikat ini telah dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh membawa kepada keuntungan dan perolehan dan daripada perolehan itulah kami telah gunakan untuk mengadakan program-program yang lebih besar dan mengurangkan kebergantungan kepada Kementerian Kewangan. Jadi saya rasa modul yang sama juga memang patut dan wajar ada kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

#### ■1250

Jadi dalam hal ini, apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai sumber kewangannya sendiri, maka boleh dia merancang perancangan termasuk pengurusan

sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi. Pengurusan yang terbaik, penambahan kakitangan, terutama sekali kalau kita lihat dalam waktu-waktu kemuncak kutipan cukai di antara bulan tiga, bulan empat, sampai bulan lima. Di situ, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengajikan kakitangan-kakitangan sementara, kontrak dan sebagainya. Jadi, sudah pasti akan menghadapi masalah dari segi kewangan untuk membayar gaji, penyediaan emolumen dan sebagainya.

Kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai peruntukan ataupun pendapatannya sendiri, dia mungkin akan lebih berkeupayaan untuk membentuk satu rangkaian petugas yang begitu baik dan berkesan sama ada di peringkat *expert* ataupun di peringkat petugas-petugas yang diambil secara berkala, secara kontrak dan sebagainya. Saya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong bangun. Yang Berhormat Lenggong.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sedikit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pandangan tadi. Kalau kita ambil *Inland Revenue Authority of Singapore (IRAS)*, suatu agensi yang lebih kurang sama sebagaimana Lembaga Hasil Dalam Negeri yang juga sebenarnya, dia juga menubuhkan syarikat. Antara lainnya bertujuan untuk mewujudkan syarikat latihan misalnya. Jadi, saya fikir kegusaran Yang Berhormat Bagan tadi sebenarnya tidak patut dan saya sokong apa yang disebut tadi.

Sebenarnya pada pandangan saya, kita kena benarkan juga kalau ini tujuannyalah. Lembaga Hasil untuk tubuh syarikat misalnya yang berperanan untuk membuat latihan-latihan percukaian. Benarkan Lembaga Hasil tubuh syarikat khusus untuk bagi latihan kepada macam mana kakitangan hendak buat sistem percukaian yang baik, *training, team building* misalnya ataupun syarikat-syarikat yang membolehkan urus bangunan misalnya. Perkara-perkara ini saya ingat mungkin boleh. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Lenggong tadi dan ini sudah pasti akan meningkatkan lagi sistem penyampaian Lembaga Hasil Dalam Negeri itu sendiri.

Jadi, saya Tuan Yang di-Pertua, ingin memberikan beberapa pandangan untuk mengukuhkan lagi Lembaga Hasil Dalam Negeri selain daripada kita bersetuju cadangan pindaan rang undang-undang ini. Saya juga ingin memberikan sedikit pandangan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya selain daripada Lembaga Hasil mewujudkan sistem pembayaran cukai secara *online*. Saya rasa kita juga perlu mengadakan *mobile service* yang diwujudkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri lebih banyak lagi ke institusi-institusi sama ada di bawah pentadbiran kerajaan ataupun swasta bagi memudahkan pembayar-pembayar cukai mendapat khidmat nasihat dan sebagainya.

Memang pembayaran cukai secara *online* itu mudah tetapi kadang-kadang ada persoalan-persoalan yang ingin dibincangkan tetapi kita tidak ada pegawai di hadapan kita. Jadi, penyampaian ataupun kaedah pengutipan cukai secara *face to face* juga tidak boleh

kita ketepikan. Lebih banyak pegawai yang boleh memberi nasihat, pandangan dan tunjuk ajar, kita kena bawa ke institusi-institusi seperti pejabat-pejabat kerajaan, seperti kilang-kilang, institusi swasta dan juga individu-individu, peniaga-peniaga dan sebagainya.

Dengan pendekatan secara *face to face* ini akan memberikan lebih kemesraan dan rakyat akan rasa lebih dekat dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Akan tetapi ini sudah pasti akan melibatkan kos. Oleh sebab itulah kita amat-amat bersetuju supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri dibenarkan untuk menubuhkan syarikat bagi mendapatkan pendapatan bagi menjalankan tugas-tugas seperti mana yang kita maksudkan tadi. Begitu juga kalau kita melihat dalam portal Lembaga Hasil Dalam Negeri, cuma yang ada di dalam itu mungkin saya tak jumpa tetapi yang saya melihatnya ia lebih kepada perkhidmatan teknikal pembayaran cukai.

Saya harapkan kalau boleh di dalam portal LHDN ini, ada satu ruang yang memberikan pendidikan kepada masyarakat memahami tentang sejarah percukaian negara, tentang kepentingan percukaian kepada negara, tentang kesedaran dan keinsafan rakyat untuk membayar negara bukan secara dipaksa. Jadi maknanya kena ada ruangan-ruangan yang lebih kepada *educate* rakyat supaya membayar cukai dengan lebih berkesan. Jadi, kesemuanya ini akan dapat dibuat dengan lebih efisien lagi oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri kalau kita semua bersetuju kepada cadangan pindaan rang undang-undang ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat-amat bersetuju dan minta supaya rang undang-undang ini untuk kita sama-sama luluskan nanti, *insya-Allah*. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullah*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**12.55 tgh.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya keliru dengan pindaan ini, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh bagi tahu apakah sebabnya kita perlu seksyen baru 28A? Adakah ia untuk menjana pendapatan untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri? Adakah itu sebab dia? Adakah ia untuk menambahkan Kumpulan Wang Disatukan (*Consolidated Fund*) untuk melabur, untuk membesarkan *fund* itu?

Yang kedua, apakah kaedah yang dipakai sekarang untuk kendalikan surplus, lebihan kita dalam *fund* itu? Adakah ia tidak mencukupi sekarang? Adakah ia mempunyai kekurangan? Oleh itu kita perlukan satu lagi badan untuk membesarkan *fund* itu. Ya, so yang dikatakan oleh kawan-kawan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan semua, ini perlu untuk menambahkan kecekapan dalam kutipan hasil. Akan tetapi saya tak tengok *connection* dia.

Bagaimanakah kita bagi kuasa untuk tubuhkan *company* untuk buat *business*? Bagaimana ini akan tambahkan kecekapan? Adakah kemungkinannya ini akan menyebabkan Lembaga Hasil hilang fokus dia? Fokus dia, tanggungjawab utama ia adalah untuk kutip hasil, bukan untuk buat kerja-kerja *investment*. Bila kita bagi macam ini, satu



kuasa yang baru, satu kerja yang baru, adakah ini akan *dilute* dia punya tugas utama? So, saya harap dua perkara ini Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**12.57 tgh.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Salam sejahtera dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berucap dan berbahas dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula dengan menyentuh dua perkara dasar secara am mengenai cukai. Selepas itu saya akan fokus kepada isu-isu berkenaan dengan rang undang-undang ini. Yang pertama, saya ingin bahas sedikit mengenai *Capital Gain Tax*. Enam bulan lalu, sebuah buku yang bertajuk *Capital in the Twenty-First Century* oleh Thomas Piketty telah menjadi topik perbincangan yang rancak sekali di antara pakar-pakar akademik dan ekonomi dunia. Penyelidikan yang telah dijalankan oleh Piketty dan rakan-rakannya tentang aset dan kekayaan adalah dengan izin *ground breaking*. Buku itu telah mengkritik sistem cukai di bawah model ekonomi *hyper-capitalist neoliberal* yang pada masa kini adalah penyebab utama jurang pendapatan di antara yang maha kaya dan yang miskin.

Jika kita tidak mula memikirkan semula sistem cukai kita dan beralih daripada fikiran '*neoliberalisme*' ini, sistem *hyper-capitalist* ini akan menyebabkan ketidakstabilan sedunia yang ketara. Isu ketidakadilan akan menjadi-jadi dan dengan itu kita bakal mengalami dengan izin, satu kelas *welfare* yang baru. Hakikatnya pada jangka masa pertengahan panjang mungkin dalam lingkungan 10 tahun ini, ketidakstabilan ini akan menyebabkan kerugian besar kepada masyarakat sejagat. Sekiranya perbelanjaan pengguna (*consumer spending*) menjunam turun, perniagaan, ekonomi dan pekerjaan pada keseluruhannya akan roboh bersama.

Oleh yang demikian, saya ingin tahu berdasarkan buku Thomas Piketty, sama ada Yang Berhormat Menteri sedia membuat kajian semula yang lebih lengkap terhadap dasar cukai Malaysia terutamanya memberi pertimbangan mengenai isu dengan izin, *capital accumulation* dan khasnya *Capital Gain Tax*.

Saya meminta Kementerian Kewangan untuk mewujudkan satu forum berhubung dengan isu ini dan mempertimbangkan apa yang sedang berlaku di pentadbiran Obama yang mengambil kira isu ini dengan serius sekali. Kajian akademik terhadap buku Thomas Piketty dan cuba menghasilkan dasar cukai yang baru untuk Amerika.

Kita memerlukan penglibatan pakar-pakar fiskal dan ekonomi tempatan untuk memberi input terhadap perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, perkara dasar kedua yang saya ingin timbulkan ialah mengenai cukai waris ataupun *inheritance tax*. Saya memerhatikan bahawa Malaysia tidak mempunyai cukai waris atau *inheritance tax*. Di negara-negara yang mempunyai ekonomi yang lebih maju yang menggambarkan sistem

demokrasi yang lebih elok daripada kita, kebanyakannya mempunyai cukai waris ataupun cukai warisan. Apakah kepentingan cukai ini? Apakah matlamatnya?

Cukai waris adalah satu dasar yang boleh memastikan *mobility social*. *Mobility social* bermakna sistem politik dan ekonomi kita membenarkan seseorang walaupun berasal daripada latar belakang miskin untuk berjaya menaikkan taraf hidup beliau sekiranya beliau pandai dan rajin bekerja. Di dalam Dewan pada hari ini saya rasa memang ramai Ahli-ahli Dewan adalah daripada golongan latar belakang yang miskin, sekarang sudah berjaya menjadi Ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Kita sambung jam 2.30 petang ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Baik, terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

**2.31 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung daripada *point* saya tadi tentang mobiliti sosial ya. Tuan Yang di-Pertua, konsep mobiliti sosial ini seperti saya kata tadi, Dewan ini kebanyakannya, saya rasa Ahli-ahli Parlimen daripada latar belakang kurang kayalah ya. Daripada tengah hari ini kita tengok tidak banyak daripada *Backbenchers* pun tapi konsep ini penting ya. Konsep ini penting sebab ia bermaksud bahawa sekiranya seorang itu anak orang kaya, dia tidak bekerja, dia suka joli, dia malas, dia buat yang tidak baik. Maknanya, sekiranya ada sosial mobiliti, dia boleh menjadi miskin. Dalam kata lain, cukai waris adalah alat untuk mewujudkan satu sistem ekonomi yang lebih meritokratik.

Kebelakangan ini saya terbaca akhbar mengenai ketua keluarga Samsung, *handphone maker* Samsung itu yang sakit tenat. Beliau mempunyai harta sebanyak lebih kurang USD12 bilion. Korea Selatan mengamalkan sistem cukai waris. Anak-anak ketua keluarga Samsung sekarang menghadapi kemungkinan cukai waris sebanyak 50% iaitu lebih kurang USD6 bilion yang perlu dibayar sekiranya ketua Samsung itu meninggal. Cukai ini tidak dipandang rendah oleh masyarakat Korea Selatan. Sebaliknya, ia disokong

oleh orang ramai termasuk yang kaya sebagai sistem yang adil demi matlamat memberi sosial mobiliti kepada masyarakat.

Oleh itu, saya juga menyeru Yang Berhormat Menteri memberi pandangan serius kepada isu cukai waris kerana negara ini banyak juga mempunyai orang maha kaya. Sebahagian daripada golongan maha kaya ini merupakan usahawan yang sejati. *The real genuine entrepreneurs*. Akan tetapi malangnya di Malaysia, lebih banyak lagi merupakan kroni-kroni. Pada persidangan Parlimen yang lalu, kita semua dengar Yang Berhormat Kinabatangan berani memarahi YTL di dalam Dewan ini. Dia kata kroni ini, "*Bagaikan kacang yang melupakan kulit*".

Tuan Yang di-Pertua, isunya sekarang, ramai golongan maha kaya, *billionaire* di Malaysia ini seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, sudah mencapai usia yang cukup tua, sudah bersara dan mungkin akan meninggal dunia tidak lama lagi sebab dia sudah tua. Golongan maha kaya ini mencapai kekayaan mereka pada tahun 1980-an dan 1990-an. Sekarang mula berada dalam lingkungan usia 70-an tahun ke atas. Adakah kerajaan akan membenarkan mereka untuk memberi kesemua kekayaan mereka kepada anak-anak mereka tanpa apa-apa bentuk cukai? Ini adalah satu persoalan moral yang mesti dibahaskan dan diberi perhatian oleh orang ramai.

Sekiranya cukai waris kita tetapkan pada tahap 10% ke 30% dikenakan terhadap golongan maha kaya ini, pendapatan kerajaan boleh meningkat berbilion-bilion setahun. Oleh itu saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi pendirian kerajaan mengenai perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sampai kepada, dengan izin, *the main event*. Akan tetapi dengan adanya pindaan dalam jawatankuasa pagi ini, nampaknya isu kontroversi tentang panel pelaburan telah selesai sudah. Memang rakyat bersyukur pada pindaan tarik balik ini, panel pelaburan ini, pada *last* minit. Akan tetapi selama empat bulan sejak bulan Jun, rakyat diseksa oleh pindaan ini. Kita tidak tahu pindaan ini akan berterusan atau tidak. Akan tetapi kita tahu panel pelaburan ini membawa keburukan yang teruk sekali.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil kesempatan ini memberi sedikit nasihat baik kepada YAB Menteri Kewangan. Kalau hendak tarik balik panel pelaburan, dengan izin, *do it like a man*. Tarik balik secara terbuka. Beritahu media secara terbuka. Jangan lindungi di bawah Jawatankuasa Parlimen untuk buat penarikan balik secara senyap-senyap. Akan tetapi isunya di depan kita, memang sudah tarik balik tapi isunya ialah satu percubaan telah dilakukan. Percubaan untuk membuat satu panel pelaburan dan percubaan ini sebenarnya menunjukkan bahawa YAB Menteri Kewangan cuba membolot kuasa Wang Kumpulan LHDN melalui panel pelaburan.

Percubaan ini perlu didedahkan dan perlu dibincangkan di dalam Dewan ini kerana supaya rakyat akan memastikan ia tidak akan berlaku lagi. Dengan izin, *we need to expose and discuss this devious attempt to defer, to make sure that any future attempts by the Finance Minister is defeated in this House*. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat percubaan pindaan ini dan saya Tuan Yang di-Pertua, adalah seorang peguam korporat dengan *experience* 24 tahun, saya lihat cara dia dibuat itu pandai sekali *draftingnya*, cara *drafting* dibuat. Sesiapa yang merancang percubaan ini nampaknya terlalu pandai kerana

matlamatnya ialah untuk menubuhkan satu badan pelaburan baru secara senyap atau melalui pintu belakang. Dengan izin, *this is a devious attempt to create a sovereign fund on the quiet via the back door.*

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang LHDN yang sedia ada sekarang. Bukan pindaan ya. Yang sedia ada sekarang, seksyen 23 membenarkan pembentukan satu Kumpulan Wang Lembaga. Dalam fasal '23(2)(b)', Kumpulan Wang Lembaga ini boleh menerima wang melalui pemberian wang ataupun dalam bahasa Inggeris, *the fund of the Board can receive all moneys by way of grants.* Grants atau pemberian Tuan Yang di-Pertua, adalah wang yang diberi tetapi tidak perlu dibayar balik. Pemberian ini sekarang di dalam kuasa Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini adalah situasi undang-undang sekarang sebelum percubaan pindaan ini. Kuasa untuk membesarkan dana kumpulan wang ini adalah kuasa mutlak Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang. Percubaan ini bila kita kaji semula, kalau kita gabungkan tiga perkara, yang pertama fasal 23 - kuasa mutlak Menteri Kewangan memberi pemberian, *grants*. Kedua, fasal 27A yang ditarik balik tadi untuk melantik enam daripada tujuh panel pelaburan terdiri daripada *appointment* daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

Ketiga, fasal 28 - kuasa mutlak Menteri Kewangan melabur apa-apa yang dia suka di bawah langit.

#### ■1440

Ketiga-tiga ini menimbulkan satu situasi yang kita katakan tadi *creation of investment fund* secara *backdoor*. Apa yang sangat merunsingkan adalah *investment fund* ini kononnya milik LHDN tetapi apabila kita baca teliti percubaan ini kita tengok semua kuasa mutlak ini akan dimasukkan ke tangan Menteri Kewangan.

Inilah perkara yang semua surat khabar menulis *The Edge, The Sun, The Financial Daily, New Straits Times of Singapore*, antarabangsa *Reuters* kebimbangan salah guna kuasa, "*The Fear of Massive Abuse of Power*". Ini bukan cerita kecil sebab menjadi *headline* di surat-surat khabar tersebut. Pindaan ini juga dibantah oleh pakar-pakar ekonomi tempatan terkenal termasuk *ex-CIMB Chief Economist*, Lee Heng Guie dan Dr. Yeah Kim Leng, *Business School Malaysia University of Science and Technology*, 'Profesor Mukucha' - pakar kewangan fiskal terkemuka di rantau ini juga melahirkan kebimbangan yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua, percubaan ini sangat merunsingkan rakyat. Ini bukan soal *personal attack* terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tetapi kalau kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini ingin memberi kuasa mutlak kepada seseorang pun, kita kena mengenal pasti seseorang itu mempunyai *track record* yang baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks isu pelaburan, dalam konteks lain kita tidak boleh *challenge track record* Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tetapi dalam konteks isu pelaburan *track record* Yang Amat Berhormat Pekan selaku Menteri Kewangan sebagai Ketua *Advisory Board* 1MDB adalah sangat tidak memuaskan. Ini saya rasa semua di Dewan ini tidak mempertikaikan.

1MDB kononnya duit rakyat tetapi akaun kewangan 1MDB penuh dengan misteri. Tiap-tiap berapa bulan mesti ada isu skandal besar yang memalukan negara kita. Tuan

Yang di-Pertua, *financial newspapers from around the world, Financial Times, Bloomberg, Reuters, Wall Street* semua memberi pandangan yang sangat negatif terhadap isu *governance* 1MDB. Malah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir pun sering kecam pengurusan 1MDB. Apakah isu-isunya di dalam 1MDB ini? Banyak sekali.

Bayaran keterlaluan kepada Goldman Sachs sebanyak USD500 juta seperti yang dilaporkan di dalam *Bloomberg* dan *Reuters* itu satu isu, penjualan berbilion-bilion *sovereign back bon* secara rahsia melalui *private placement* itu isu besar, berbilion-bilion disimpan di Cayman Island untuk apa itu kita tidak tahu sekarang. 1MDB tukar *auditor* macam tukar bajulah. Kalau tidak baik itu kita kata macam tukar seluar dalam, betul? Akaun kewangan lewat satu setengah tahun, bayar berbilion-bilion kepada Petrol Saudi tetapi sehingga sekarang kita tidak tahu apa perniagaan sebenarnya Petrol Saudi. Cerita sensasi juga ada, siapa itu Jho Low yang katanya ada kaitan dengan 1MDB? Berkawan rapat dengan keluarga Yang Amat Berhormat Pekan.

Perniagaan 1MDB juga banyak dapat kontroversi. Beli aset IPP ataupun penjana kuasa yang lama yang sudah dekat hendak rosak, teknologinya ketinggalan zaman, dengan izin hendak *condemn* dengan harga yang sangat mahal daripada Genting dan Ananda Krishnan. Dapat projek IPP baru tidak payah tender, *negotiated*. Dapat tanah di TUDM, curi daripada tentera kita secara percuma kemudian buat *revaluation*.

Tuan Yang di-Pertua, pesanan saya bukan hendak hentam Yang Amat Berhormat Pekan tetapi pesanan saya cukuplah dengan kuasa-kuasa mutlak di dalam isu pelaburan dengan *track record* buruk seperti di 1MDB, Yang Amat Berhormat Pekan dinasihati supaya kurangkan campur tangan dalam perkara pelaburan, okey. Cara yang lebih baik dan efektif bagi sahaja pada EPF ataupun Khazanah, pakar-pakar pelaburan lain yang lebih bijak untuk kendalikan Kumpulan Wang LHDN.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]* Minta celah Yang Berhormat Kelana Jaya. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya dan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya kerana bangkitkan isu tentang 1MDB dan kebetulan hari ini saya tanya satu soalan tentang 1MDB dan jawapan yang diberikan oleh Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan sangat tidak memuaskan. Saya minta kerajaan senaraikan semua pengurus-pengurus dana, *fund managers* yang menguruskan dana-dana 1MDB di Cayman Island.

Akan tetapi yang dijawab; "*Pengurusan dana 1MDB adalah sesuatu transaksi persendirian. Institusi kewangan tempatan dan luar negara menganggap transaksi yang dijalankan adalah suatu rahsia perdagangan yang hanya boleh didedahkan kepada pihak ketiga dengan kebenaran*". Inilah yang kita pertikaikan kerana 1MDB ditubuhkan dengan duit rakyat, oleh *tax payers* di mana Parlimen adalah tempat yang tertinggi di negara kita untuk *check and balance, transparency* yang di laung-laungkan oleh Perdana Menteri tetapi apabila dari segi pengurusan 1MDB *shrouded with secrecy*, macam *personal fund* dia tidak boleh biar orang tahu hanya mereka sendiri, hanya Perdana Menteri yang tahu.

Kalau kita tengok di *The Edge* dan sebagainya memang berbilion-bilion ringgit duit rakyat Malaysia disalurkan ke Cayman Island satu tempat *tax heaven* yang cukup, nama

yang cukup buruk di mana apabila duit diberi di Cayman Island dia akan *involve* dengan *many tax evasion*, dengan izin dan juga ada yang *what you called*, wang haram yang pergi ke Cayman Island.

Jadi ini atas nama tersebut nama buruk Cayman Island, kita di sini Parlimen kita minta penjelasan minta supaya lebih *information* diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen kerana kita tahu bahawa ketulusan itu penting kerana duit itu duit rakyat yang *diguarantee* oleh Kerajaan Malaysia.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi kita mahu kalau boleh - Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Kelana Jaya minta komenlah kerana saya cukup tidak berpuas hati dengan apa jawapan daripada Menteri Kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat sekalian kita ada peraturan. Kita tidak boleh lari daripada tajuk perbahasan kita pindaan kepada rang undang-undang yang berkaitan. Sila kepada tajuk yang asal. Boleh rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(1) ya.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Kelana Jaya. Berkenaan juga bagaimana kita menguruskan kewangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya belum panggil lagi.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya minta sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya minta Yang Berhormat Kelana Jaya kembali kepada tajuk yang asal.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memberi laluan kepada rakan saya.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tadi Yang Berhormat Kelana Jaya telah sebut tentang 1MDB jadi saya juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi saya sudah minta Yang Berhormat Kelana Jaya kembali kepada tajuk yang asal.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya juga terima satu balasan yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu saya tidak panggil, saya tidak panggil lagi Yang Berhormat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Menteri Kewangan sebab ada persoalan yang ditanya tetapi tidak terjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya belum panggil lagi, Yang Berhormat. Saya sudah minta nasihatkan Yang Berhormat Kelana Jaya balik kepada tajuk yang asal.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang isu LHDN ini ada kaitannya dengan 1MDB sebab 1MDB itu ada panel dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak ada dalam pindaan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Memang tetapi bila kita hendak bagi kuasa mutlak kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau berdegil-degil saya minta Yang Berhormat lain yang sambung perbahasan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Baik saya akan gulung tidak lama lagi kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan yang penting itu saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Yang Berhormat Bayan Baru soalan tentang 1MDB tadi kalau boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat saya sudah nasihatkan balik kepada tajuk asal.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, tetapi menjadi suatu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu pertanyaan kepada Timbalan Menteri.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, baik. Jadi pesanan saya kepada Dewan ini terutamanya kepada *backbencher* Barisan Nasional supaya terus mengamalkan dengan izin, satu prinsip *pathless*. Maksudnya saya faham bahawa banyak *backbencher* sayang pada Yang Amat Berhormat Pekan tetapi apabila dia buat salah, *backbencher* perlu menghantar mesej *pathless* pada Yang Amat Berhormat Pekan. Kalau betul-betul sayang kepada Yang Amat Berhormat Pekan, beri dorongan betul kepadanya, jangan manjakan dia berlebih-lebihan. Jangan beri Yang Amat Berhormat Pekan kuasa mutlak lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita semua bersyukur percubaan pindaan ini telah ditarik balik. Adalah menjadi harapan saya kalau adanya rang undang-undang lain yang ingin dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Dewan ini akan terus memberi perhatian yang kritikal sekali. Tuan Yang di-Pertua, dengan penarikan pelaburan yang ditarik balik...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Minta celahan Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya minta pandangan Yang Berhormat Kelana Jaya.

#### ■1450

Apakah kedudukan semasa mengikut undang-undang kalau sesuatu pertubuhan syarikat perniagaan itu di *incorporated*, ditubuhkan di Malaysia tetapi meletakkan begitu banyak dana di *Cayman Island* seperti sebagai satu contoh, bagaimana mereka mencarumkan atau membayar cukai pendapatan kalau peletakan dana itu terletak di *Cayman Island* seperti 1MDB?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Kalau dibenarkan, saya jawab, Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sama sahaja tapi cara mencelah. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Akan tetapi kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Jelutong bijaksana.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Jadi saya boleh jawablah. Okey, baik. *[Disampuk]* Hebat betul Yang Berhormat Jelutong. Memang.

Isu tentang pembayaran cukai sama ada kalau kita simpan duit di *Cayman Island* itu mungkin menjadi isu sekiranya katakan kita caj cukai RM10 juta dan *bank account* dia di

Malaysia hanya ada RM3 juta, maknanya RM7 juta itu hendak cari mana. Kalau dia simpan di *Cayman Island*, susah hendak dapat RM7 juta itu. Maknanya bukan daripada segi dia kena bayar cukai berapa itu, *that's not the issue*. Isunya ialah *enforcement* cukai, boleh dapat atau tidak. Kalau kita hendak tarik balik RM7 juta daripada *Cayman Island* memang susah. Jadi apa yang dilakukan oleh syarikat seperti ini, bukan kita hendak katakan 1MDB sebagai contoh, syarikat yang pandai pakai *Cayman Island* ini mereka cuba cari jalan *tax evasion* tapi yang lebih penting dia hendak simpan duit di luar *jurisdiction* daripada Kerajaan Malaysia dari segi cukai.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya akan...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya hendak tanya kalaulah mengikut hujah daripada Yang Berhormat Kelana Jaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jelutong, peraturan mesyuarat mana? Saya belum jemput lagi.

**Seorang Ahli:** Bijaksana.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tergopoh-gapah hendak tanya sebab kesempatan ini tidak hendak dilepaskan. Saya hendak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila. Yang Berhormat Kelana Jaya duduk dahulu.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah berdasarkan kepada hujah saudara saya Yang Berhormat Kelana Jaya, kalaulah begitu formulanya sesuatu yang telah dipergunakan sebagai modal dan kalau ada pendapatan dan juga *profit*, maka dia harus mencarumkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kalaulah peletakan dana itu sebanyak RM2.318 bilion di *Cayman Island*, berapakah anggarannya yang harus dibayar kepada LHDN?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan, saya akan cakap sedikit tentang 1MDB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah, tidak perlu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak apa sebab contoh dia tanya spesifik tentang 1MDB. Dalam 1MDB, isu untungnya tidak timbul langsung sebab sampai sekarang hutangnya sudah dekat RM38 bilion hingga RM40 bilion. Semua hutang pada bulan Jun lalu dia tidak boleh bayar *interest cost* pun. *So I don't think there is any issue about this 1MDB making profit or any big profit.*

Isunya sekarang duit *Cayman Island* itu disimpan di situ untuk apa? Kita semua di Parlimen tidak tahu. Jadi memang soalan yang tepatlah. Memang *out of context* of LHDN. Itu saya minta maaf daripada Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya gulung Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta celah. Ini isu lain, Tuan Yang di-Pertua, isu lain.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ada lagi? Hendak gulung selesai ini.



**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Isu lain, isu lain. Kalau kita tengok daripada rang undang-undang, LHDN diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat-syarikat. Kita tahu bahawa kalau LHDN boleh menguruskan syarikat, dia mungkin akan ada *conflict of interest* kerana LHDN mempunyai kuasa untuk mengambil semua maklumat daripada syarikat lain kerana mereka kena *file tax* kepada LHDN dan mereka ada *privilege, privy to document* daripada syarikat-syarikat.

Katakan seorang dalam LHDN satu hari dia nampak satu syarikat, dia nampak. Oh! Ini memang canggih dia punya *profit*, margin tinggi dan dia pun rasa katakan LHDN kena masuk ke *business* ini untuk buat keuntungan kerana LHDN mempunyai kuasa untuk tubuhkan syarikat untuk mendapatkan keuntungan untuk bonus dan sebagainya untuk kakitangan LHDN. Maka timbullah satu konflik kerana pada asalnya syarikat itu yang *file tax* kepada LHDN adalah syarikat yang keuntungan besar, tiba-tiba dia masuk satu *competitor* iaitu daripada LHDN. Jadi saya rasa mungkin ada *conflict of interest*. Akan tetapi pada hemat saya, *business of government is to get out of business*. Jangan kita masuk campur tangan kepada *corporate world*. Kerajaan haruslah *regulate, create a competitive environment* untuk syarikat-syarikat, bukannya syarikat kerajaan masuk untuk buat *business* dalam pasaran.

Minta komen. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Ya, memang saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Bayan Baru tadi. Memang terdapat satu *conflict of interest*. Kalau kita kaji seksyen baru 28A itu yang tidak ditarik balik yang masih kekal dalam pindaan ini, kita tengok bahawa memang LHDN mempunyai kuasa untuk membuat satu perniagaan baru ataupun syarikat baru untuk membuat program-programnya dan ini akan menimbulkan satu situasi *conflict of interest* seperti apa Yang Berhormat Bayan Baru katakan itu dan juga apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan tadi. Jadi oleh itu, saya terima pendapat dia dan saya setuju dan kalau dibenarkan, saya hendak gulung sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan panel pelaburan yang telah ditarik balik, saya juga menyokong pindaan ini dengan syarat seksyen 28A itu dibuang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**2.56 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tampil untuk turut sama-sama membahaskan rang undang-undang meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana telah berjaya menguruskan dengan baik, telah menjalankan kerja dengan baik untuk memungut cukai.

Seperti yang kita bicarakan dahulu juga, persepsi tentang cukai ini adalah satu perkara yang sangat penting. Ramai orang bila dengar cerita Lembaga Hasil Dalam Negeri jadi kecut dan ada orang fikir-fikir macam mana hendak lari daripada *tax*. Sebenarnya

perkara asasnya ialah tentang cukai itu sendiri. Apa pandangan kita tentang cukai yang dikenakan kepada kita.

Jadi hari ini kalau kita lihat pada cukai kemudahan-kemudahan awam dan peribadi yang ada hari ini memerlukan pengorbanan dari dua pihak. Contoh yang saya hendak berikan di sini pendidikan. Kalau kita dapat sistem pendidikan yang baik, maka kita akan jadi orang yang terpelajar dan kita akan ada satu pekerjaan yang baik dengan pendapatan yang baik dengan kehidupan yang baik. Jadi kalau ramai orang yang dapat begini, maka kesan kepada awam ialah, contohnya kurang jenayah dan lebih semangat kompetitif dan memberikan kebaikan kepada semua orang. Jadi keperluan dan perbelanjaan ini haruslah ditanggung bersama.

Jadi di situlah sebabnya cukai menjadi satu tanggungjawab bagi kita sebenarnya, bukan satu bebanan bagi kita. Jadi kita bertolak daripada sini untuk melihat cukai itu satu tanggungjawab sebagai rakyat untuk kita bersama-sama membangunkan keperluan awam dan keperluan peribadi kita hari ini.

Jadi kita lihat Pengerusi Lembaga yang mana untuk bertindak sebagai ejen kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, pentaksiran, pemungutan, penguatkuasaan, pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara kerajaan dengan lembaga. Juga, untuk menasihati kerajaan mengenai perkara yang berhubung dengan percukaian dan menghubungi kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya berkaitan tersebut. Ketiganya, untuk turut serta di dalam atau di luar negara berkenaan dengan perkara yang berhubung dengan percukaian. Keempatnya, untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang yang bertulis.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Peluang, peluang untuk penambahbaikan. Bagilah peluang.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cakap elok-eloklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai, bersetujukah dengan saya untuk penambahbaikan pengecualian cukai kepada pendapatan perseorangan yang sekarang ini dikenakan RM6,000 pada tubuh pada penggajian, isteri atau keluarga pertama RM3,000, anak-anak RM1000, RM1000, RM1000 kalau tiga anaklah, apakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju untuk penambahbaikan dan untuk menyerikan pendapatan mereka yang di atas par untuk mereka menikmati penghidupan yang lebih selesa, pengecualian cukai itu boleh ditingkatkan untuk memastikan pekerja-pekerja ini dicukai dengan lebihan untuk dilebar-luaskan tekanan dan bebanan mereka ini?

Bersetujukah Yang Berhormat Bagan Serai dengan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh RM6,000 itu dinaikkan. Berkali-kali saya minta kepada Kementerian Kewangan untuk mengkaji semula percukaian perseorangan itu ditingkatkan supaya pengecualian itu tidak memberi beban lebih. Seperti mana GST yang akan diperkenalkan pada April ini dan kos sara hidup yang meningkat, yang membolehkan dan juga minyak naik 20 sen satu liter ini memberikan sedikit keselesaan kepada pembayar cukai dalam segi pendapatan individu. Apakah pandangan Yang Berhormat Bagan Serai, bersetuju dengan saya untuk dikaji semula dalam soal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Dahsyat betul!

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih dan kerajaan mempunyai pakar-pakar untuk melihat perkara ini dengan lebih *detail*. Sudah tentu pengecualian *tax* untuk orang-orang yang dikenakan adalah penting. Akan tetapi kita tidak boleh meletakkan satu angka begitu tanpa membuat perkiraan yang *detail*. GST yang akan diamalkan tidak lama lagi di negara kita ini bukan perkara yang baru. GST ini di gembargemburkan oleh orang-orang tertentu yang fikirannya pendek sebenarnya. GST ini telah dibincangkan sudah lama lebih 30 tahun di negara ini. Juga telah dibentangkan dan diceritakan dalam Dewan ini...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai, saya tanya setujukah dengan saya?...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Sudah tiga kali Menteri Kewangan menceritakan...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya tidak mahu cerita GST itu lebaran kita, kemudian kita boleh bahas.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** GST ini untuk... Apa yang geleng-geleng kepala itu? [*Ketawa*] Cukai kepenggunaan yang lebih efektif, yang efisien untuk membantu dan jangka panjang dapat menarik lebih banyak pulangan kewangan kepada negara.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minum teh tarik lagi baiklah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Untuk kebaikan rakyat. Jadi saya harap tidak ada golongan-golongan yang pergi ke luar dan menakut-nakutkan orang lain tentang GST yang boleh menyusahkan rakyat dan sebagainya. Sebenarnya GST inilah yang akan membantu rakyat di masa depan, kita kena lihat jauh. [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap seksyen 24 akta ini rasional kerana seksyen 24 yang terdahulu tidak menetapkan sesuatu tarikh untuk pembentangan laporan sesuatu anggaran perbelanjaan bagi tahun berikutnya. Dengan meminda seksyen ini ternyata peruntukan masa yang diberikan cukup bagi pegawai eksekutif tidak lewat dari satu bulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan untuk dibentangkan di hadapan lembaga dalam mesyuarat. Pelan ini dengan memasukkan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Bagan Serai Yang Berhormat Putatan bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan bangun kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak ada hasrat apa-apa duduk. Dengan memasukkan subseksyen baharu iaitu 27A ke dalam akta di bawah seksyen 27 dilihat dapat membantu lembaga dalam menguruskan penggunaan hasil. Serta merangka semula perbelanjaan yakni digunakan, guna pakai menggunakan wang lembaga, bagi tujuan pembayaran pelepasan perbelanjaan obligasi dan liabiliti lembaga dan untuk membuat apa-apa pembayaran yang mana lembaga diberi kuasa atau dikehendaki membayar. Jadi ini satu inisiatif panel pelaburan ini oleh LHDN yang baik, yang patut dipuji dan disokong. Kerana ini memberikan mereka lebih semangat dan lebih keupayaan untuk memperbaiki pengurusan mereka.

Agensi Kutipan Hasil mengutip RM86.48 bilion pada tahun 2010, sebanyak RM109.68 bilion pada tahun 2011 dan RM124.87 bilion pada tahun 2012. Kestabilan politik negara dan pertumbuhan kukuh keluaran dalam negara kasar pada separa kedua tahun 2012 akan membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri mencapai sasaran kutipan sebanyak RM130 bilion pada tahun 2013. Statistik ini menunjukkan bahawa kutipan cukai semakin meningkat. Justeru dengan adanya penubuhan Panel Pelaburan di bawah subseksyen 27A ini tampak relevan kerana gerak kerja akan menjadi lebih efisien. Dalam memantapkan ekonomi, dengan memperluaskan skop pelaburan kumpulan wang secara tidak langsung dapat menjanakan ekonomi negara.

Sebab itulah hari ini Tuan Yang di-Pertua keputusan kerajaan yang dianggap tidak popular, rasionalisasi subsidi itu mengurangkan subsidi minyak contohnya. Adalah satu tindakan yang sebenarnya sangat baik kerana melihat pada jauhnya. Ini kerana subsidi ini adalah tidak adil, kerana subsidi pukal ini yang telah menyebabkan kerajaan rugi banyak duit dan orang-orang tidak sepatut dapat. Contohnya orang-orang yang kaya dapat juga subsidi minyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai subsidi pula ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Jadi maksud saya di sini kita sebagai rakyat...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Rakyat yang bertanggungjawab, seharusnya terima keputusan kerajaan ini dan sama-sama melaksanakannya dan bersedia untuk menghadapi masa depan yang lebih cemerlang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun. Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Tadi Yang Berhormat Bagan Serai ada sebut tentang pengurangan subsidi dalam kata lain kenaikan harga petrol. Adakah pengurangan subsidi...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Petrol tidak naik harga subsidi kurang.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Itu bahasa Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah sekejap. Oleh sebab itu saya tegur tadi balik kepada tajuk yang asal Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cukup tidak payah cukup.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah, sudah cukup. Saya sudah tegur tadi.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini berkaitan dengan cukai juga sebab Yang Berhormat ada sentuh tentang GST tadi. Saya hendak tahu Yang Berhormat Bagan Serai, kenaikan harga petrol ini bukannya boleh mewujudkan inflasi. Semua pakar ekonomi akan bersetuju bahawa inflasi ini adalah suatu yang tidak baik untuk ekonomi. Katakan apabila harga petrol dinaikkan sekarang, ini akan menyebabkan harga barang-barang lain dalam pasaran juga akan turut naik.

Kemudiannya apabila GST diperkenalkan pada 1 April nanti GST itu akan dikenalkan pada harga yang sudah pun naik terhadap harga barang-barang yang sudah pun dinaikkan. Ini akan memburukkan situasi di mana rakyat akan menghadapi masalah, mereka akan menghadapi kekurangan wang untuk perbelanjaan. Ini akan seterusnya menyebabkan kemelesetan dalam ekonomi. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai berkaitan perkara ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua ini sudah lari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai sekejap duduk, duduk sekejap. Oleh sebab itu saya tegur Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Bagan Serai pun saya tegur balik kepada tajuk yang asal pindaan rang undang-undang. GST dan juga kenaikan harga minyak kita ada peluang lagi dalam perbincangan bajet nanti. Sila Yang Berhormat Bagan Serai tajuk lain.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja hari ini. *[Ketawa]* Yang Berhormat Bagan Serai menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena sila.

### 3.07 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sedikit sahaja untuk turut terlibat dalam perbincangan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya cuma hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, sebab asal rang undang-undang pindaan ini yang dikemukakan pada sesi yang lepas telah memuatkan banyak perkara termasuk yang hari ini di bentang ditarik ataupun dibatalkan iaitu fasal 3, fasal 5, fasal 6 dan juga fasal 8.

Cuma saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, apa perkiraan kerajaan sewaktu mula-mula bentang bacaan kali pertama dahulu ini yang hendak tubuh Panel Pelaburan, kemudian banyak perkara lagilah yang berkaitan dengan isu-isu yang

berkaitan dengan pelaburan daripada LHDN ini. Apa perkiraan kerajaan pada waktu itu? Tidak ada angin, tidak ada ribut tahu-tahu kerajaan tarik balik. Jadi tolong jelas dekat kami 'kot-kot' rasional dia yang kita rasa 'kot-kot' boleh kita bertolak ansur dan sebagainya.

Akan tetapi saya pun hairan apa perkiraan kerajaan waktu mula buat dahulu ini. Idea siapa? Siapakah penasihat? Pihak luar yang nasihat kerajaan hendak cari tambah duit lagi, hendak memperbanyakkan duit daripada hasil cukai yang kita peroleh, kemudian hendak mendapatkan keuntungan yang lebih. Ataupun memang itu perkiraan yang dibuat oleh Menteri Kewangan sendiri dalam usaha untuk kononnya untuk hendak memperbanyakkan duit-duit untuk melahirkan duit.

Duit hendak beranakkan duit iaitu melalui pelaburan. Oleh sebab saya katakan ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah memberikan apa-apa penjelasan kepada kita kenapa asal rang undang-undang, cadangan pindaan rang undang-undang ini dibentangkan. Kerajaan juga tidak beri penjelasan. Mungkin saya tidak sempat hendak dengar tadi dalam pembentangan kenapa ditarik balik? Kenapa ditarik balik? Apa rasional ditarik balik? Apa rasional waktu kemukakan?

#### ■1510

Jadi kadang-kadang ini pun tidak sihat juga saya rasa. Ini menunjukkan kalau tidak ada satu alasan yang munasabah dan sebagainya, ini menunjukkan bahawa kementerian tidak efisien, buat benda ikut suka, ikut dan. Tiba-tiba ada orang bagi tahu, ini silap baru tarik balik. Baguslah itu tarik balik, kalau mengakui kesilapan. Akan tetapi menunjukkan kelemahan kerajaan itu buat cincai. Maknanya tulis-tulis atas kertas selepas itu tunjuk bagi kepada Jabatan Peguam Negara, okey. Okey, bentanglah, bagi kepada Parlimen. Kemudian apabila ada orang tegur sedikit, oh kita tarik balik. Jadi tanpa memberikan apa-apa penjelasan, saya minta satu penjelasan yang jelas, apa tujuan, apa niat hendak tubuh panel pelaburan kemudian perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan ini tadi.

Sebab ini sesuatu yang harus diperjelaskan oleh pihak kerajaan. Macam saya katakan tadi tidak ada angin tidak ada ribut, tahu-tahu tukar. Jadi saya tidak hendaklah hendak sentuh soal subsidi GST macam Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai pun tidak ada idea. Tuan Yang di-Pertua kata habis, putus modal. Putus modal itu maknanya macam kerajaan apabila tidak ada duit, putus modal, semua pakai duit rakyatlah. Itu pun putus modal juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena pun sama juga. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, itu selingan. Selingan hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Bagan Serai....

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Pokok Sena dia nampak buruk sahaja. Jadi macam mana pun dia nampak buruk sahaja. Mata dia rosak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebab kelemahan yang sangat ketara. Dari segi contoh jiwa besar untuk tarik balik, itu baik. Akan tetapi buat sesuatu yang cincai, tiba-tiba bentang. Kalau tidak ada teguran daripada mana-mana pihak mungkin kerajaan akan meneruskan perkara yang tidak baik. Jadi adakah kerajaan berpendapat bahawa pembentangan awal bacaan kali pertama dahulu itu satu

pembentangan yang cincai, yang dibuat secara cincai, yang tidak serius. Yang dibuat secara cincai. Betul tidak cincai Cina, *Chinese*? Cincai, cincau sama kan? Satu boleh makan, lagi satu tidak boleh makan.

Jadi adakah kerajaan menganggap bacaan kali pertama itu bacaan yang cincai? Yang Menteri tidak fikir panjang. Sepatutnya Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dengan segala bala jenteranya ada sepatutnya fikir secara panjang untuk hendak melihat apa kebaikan. Jadi sekali lagi saya hendak tanya adakah kerajaan berpendapat bahawa pembentangan yang dibentang itu satu yang cincai, tidak ada manfaat tidak ada kebaikan kepada rakyat dan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah lima kali soalan yang sama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hendak bagi dia faham betul. Kalau tidak, dia tidak faham sebab dia bentang pun cara cincai. Jadi takut dia jawab pun cara cincai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat obsesif. Sebab itu dia sebut banyak kali.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kenapa, tidak cukup bahas tadi ke lagi? Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan seksyen 28A kuasa untuk menubuhkan syarikat. Tadi sudah banyak disentuh oleh rakan-rakan. Saya agak hairan kenapa ini tidak dimasukkan. Sebab ini sudah tentu ada kaitan dengan pelaburan. Sama ada hendak melabur dalam syarikat-syarikat ataupun agensi-agensi yang boleh memberi keuntungan ataupun menubuhkan syarikat. Kuasa untuk menubuhkan syarikat. Jadi saya hendak minta penjelasan.

Adakah ini bermakna bahawa syarikat yang bakal ditubuhkan nanti ini akan pelaburan modal awalnya itu daripada dana LHDN? Sebab saya terlibat bahawa kalau ini daripada dana LHDN, maknanya dia tidak ada prosiding. Sebab prosiding panel pelaburan sudah pun dibatalkan. Akan tetapi prosiding untuk pengendalian syarikat dan prosiding untuk memastikan penggunaan wang untuk dana modal bagi satu-satu syarikat yang akan ditubuhkan itu, tidak ada satu prosiding. Ini saya katakan lebih bahaya daripada apa yang sudah pun ditarik balik sebab yang ditarik balik itu mengandungi panel pelaburan. Panel pelaburan ini akan menentukan.

Akan tetapi ini tidak dinyatakan siapa yang akan menentukan jumlah dana modal yang akan diberi kepada satu-satu syarikat yang diwujudkan sebab dalam ini tidak ada apa-apa prosiding yang berkaitan dengan syarikat. Yang ada adalah prosiding panel pelaburan. Akan tetapi ini sudah pun ditarik balik ekoran daripada Menteri Kewangan telah pun membentang iaitu penarikan balik kepada fasal 3, 5, 6 dan juga 8 tadi sedangkan fasal 8 ini saya kira bahawa sudah tentu asalnya ada kaitan dengan isu penubuhan syarikat itu sendiri untuk memantau bukan sahaja pelaburan-pelaburan yang akan dibuat di dalam mana-mana dana yang boleh memberikan keuntungan tetapi juga berkaitan dengan syarikat yang bakal ditubuhkan oleh pihak kerajaan khususnya LHDN.

Jadi adakah nanti jumlah dana itu hanya boleh ditentukan antara CEO dengan Menteri sahaja? Makna Menteri Kewangan seperti mana yang diperuntukkan kuasa untuk

menubuhkan syarikat ialah lembaga boleh dengan kelulusan Menteri menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1995 untuk berjalan dan bertanggungjawab pada atau terlibat dalam apa-apa projek skim atau perusahaan yang telah dirancang atau dijalankan oleh lembaga dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah akta ini. Jadi adakah menteri juga nanti akan menentukan bentuk dana, jumlah dana pelaburan yang akan digunakan daripada dana Lembaga Hasil Dalam Negeri? Faham itu Yang Berhormat Bagan Serai?

Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan macam saya fikir ada satu yang tergantung. Jadi jangan nanti kita buat cara cincai. Kita tarik balik cara cincai, kemudian ada tertinggal pula satu lagi yang masih menjadi satu persoalan dan akhirnya pelaksanaannya nanti juga cara cincai. Jadi, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang, sila.

### 3.17 ptg.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan D.R.9/2014 suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana telah peka kepada suara rakyat dan juga suara pihak pembangkang dan telah membuat keputusan untuk menarik balik dan membatalkan semua fasal yang berkaitan dengan panel pelaburan. Harapan saya ialah bahawa Menteri bukan sahaja Menteri Kewangan tetapi semua Menteri akan terus peka kepada kehendak dan juga suara rakyat dan terutamanya di sebelah pembangkang kerana kami mewakili 52% daripada pengundi. *[Tepuk]*

Sebenarnya saya ingin mengambil peluang ini untuk membuat sedikit penjelasan dan juga mendapatkan penjelasan daripada Menteri oleh kerana tadi saya rasa kawan saya dari Lenggong dan juga Tasek Gelugor telah membangkitkan beberapa perkara yang mungkin tidak berapa betul. Tadi sahabat saya dari Lenggong berkata bahawa sebenarnya jika panel pelaburan ini ditubuhkan, ia mesti akan dianggotai oleh pakar-pakar wakil dari Pejabat Peguam Negara, wakil daripada Perbendaharaan dan sebagainya.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Lenggong bahawa sekarang keanggotaan LHDN sedia ada sedang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan juga termasuk Peguam Negara ataupun wakilnya. Jadi sebab kenapa pihak pembangkang membantah penubuhan panel pelaburan ini bukan kerana anggota pelaburan panel ini. Akan tetapi apa yang lebih penting ialah *instrument* kewangan yang diluluskan sebagai panel pelaburan ini.

Saya hendak rujuk Tuan Yang di-Pertua kepada perkara yang telah dibatalkan sekarang, tetapi jikalau fasal 6 ini seksyen 28(1)(f) ini diluluskan, ia bermaksud bahawa apa bentuk pelaburan lain dengan kelulusan Menteri pun boleh dijadikan sebagai salah sebuah *instrument* kewangan yang boleh dilaburkan oleh panel pelaburan ini.



Ini adalah sesuatu yang baru dan saya rasa memberi banyak kuasa kepada Menteri untuk misalnya memberi dana dan memberi pelaburan ini kepada mana-mana pihak yang mungkin tidak ada *track record* yang baik. Saya rasa adalah wajar bahawa seksyen ini telah dibatalkan dan saya rasa ini adalah sesuatu yang patut disokong oleh semua orang termasuk di pihak pembangkang kerana matlamat LHDN ini bukan sebuah syarikat dengan izin, *sovereign wealth fund* untuk membuat keputusan untuk melabur dalam *stock market* ataupun syarikat-syarikat yang lain tetapi matlamat LHDN adalah untuk mengutip cukai. Pada masa yang sama, saya juga nak merujuk Menteri kepada Laporan Tahunan LHDN untuk tahun 2012 dan saya nak bangkitkan beberapa angka yang mungkin adalah relevan untuk perbincangan ini.

Daripada laporan tahunan ini, ekuiti LHDN adalah sejumlah RM1.59 bilion. Ini termasuk dana daripada Kumpulan Wang Pembangunan ataupun *Development Fund* sebanyak RM857 juta. Daripada Kumpulan Wang Amanah atau *Trust Fund* sejumlah RM3.8 juta, daripada Kumpulan Wang Lain ataupun *Other Fund* RM36 juta. Daripada Rizab Penilaian Aset ataupun *Valuation Reserve*, RM74 juta dan juga lebih terkumpul ataupun *accumulated reserve* sebanyak RM619 juta. Jadi jumlah dana ataupun ekuiti yang telah dikumpulkan oleh LHDN ini adalah memang banyak iaitu RM1.59 bilion. Saya rasa kalau Laporan Tahunan LHDN 2013 dibentangkan di Parlimen pada penggal ini, saya yakin bahawa ekuiti ini akan naik lebih daripada RM1.59 bilion.

Saya nak mengucapkan tahniah kepada pihak LHDN atas kejayaan mereka untuk meningkatkan ekuiti ke tahap yang kita ada sekarang kerana pada tahun 2000, ekuiti yang ada di bawah kawalan LHDN hanya RM135 juta sahaja. Sekarang telah naik kepada RM1.59 bilion. Jadi, tidak boleh dinafikan bahawa prestasi LHDN ini saya rasa cukup memuaskan. Soalan saya ialah kenapa pula kita perlu seksyen baru 28A yang sekarang ini akan memberikan kuasa kepada LHDN untuk menubuhkan syarikat untuk menjalankan tugas ataupun fungsi mereka. Sekarang saya rasa LHDN telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Tidak perlu lagi menambah kuasa supaya mereka boleh menubuhkan syarikat yang baru untuk menjalankan kuasa.

Tadi, Yang Berhormat Tasik Gelugor membangkitkan isu pendapatan yang mungkin diperlukan oleh LHDN untuk meningkatkan kebolehan mereka untuk mengutip cukai tetapi berdasarkan angka-angka yang saya petik daripada Laporan Tahunan LHDN 2012 tadi memang ketara dana banyak, lebih daripada RM1.59 bilion termasuk Dana Pembangunan atau *Development Fund* yang boleh digunakan oleh LHDN untuk mempertingkatkan lagi prestasi mereka untuk mengutip cukai. Tidak perlu lagi menubuhkan syarikat-syarikat yang lain untuk mendapatkan dana yang lebih kerana dana dah cukup.

Setiap tahun *accumulated reserve* sejak 2008 telah meningkat beberapa juta setiap tahun sejak tahun 2008 dan saya juga nak memberi sedikit maklumat kepada Yang Berhormat Lenggong yang tiada dalam Dewan yang mulia ini. Tadi Yang Berhormat Lenggong nak memberi satu contoh, Singapura. Singapura telah menubuhkan satu *tax academy* untuk melatih pakar tentang isu cukai dan juga meningkatkan lagi pengetahuan dalam isu cukai. Itu saya tak nafikan dan itu diberikan sebagai satu contoh di mana seksyen

28A ini memang diperlukan oleh LHDN untuk menubuhkan mungkin satu pusat latihan ataupun akademi latihan untuk percukaian.

Akan tetapi saya nak memberitahu kepada Yang Berhormat Lenggong, sebenarnya satu akademi percukaian telah ditubuhkan di Malaysia. Alamatnya adalah Persiaran Warisan di Bandar Baru Bangi, itu adalah di bawah kawasan saya. Jikalau Yang Berhormat Lenggong nak pergi lawat, saya pun boleh cuba aturkan dan yang lebih penting, akademi percukaian ini telah ditubuhkan sejak 1994, dah lama.

Jadi, saya rasa kalau Yang Berhormat Lenggong nak memberi contoh di Singapura, lebih baik tengok dalam negara sendiri dulu dan membuat kajian yang lebih terperinci. Jadi, jikalau LHDN boleh menubuhkan pusat latihan seperti akademi cukai ini di bawah akta yang sedia ada, kenapa kita perlu satu lagi seksyen yang baru yang membolehkan LHDN ini untuk menubuhkan apa-apa lagi syarikat? Saya rasa itu adalah sesuatu yang perlu dijelaskan oleh Menteri. Saya nak tambah lagi untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, sekarang di dalam Laporan Tahunan LHDN 2012, *tax academy* ataupun akademi percukaian ini dah cukup dana. *Accumulated reserved* itu lebih kurang RM3.75 juta, dah cukup untuk membuat apa-apa kegiatan dan aktiviti untuk membuat latihan cukai dan sebagainya. Jadi, saya harap jikalau Yang Berhormat Lenggong nak beri contoh pun, beri contoh yang lebih wajarlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga nak memberi satu lagi contoh yang relevan kerana mungkin ada orang selepas ini ada Yang Berhormat di pihak sana yang kata okey, sebenarnya LHDN perlukan syarikat-syarikat ini untuk mengutip cukai yang lain iaitu cukai selain daripada cukai langsung ataupun *direct tax*. Saya memberi satu contoh, sekarang LHDN bertindak sebagai ejen pemungut bagi pihak PTPTN sejak bulan Julai 1997. LHDN boleh menjalankan tugas seperti ini dengan tidak perlu menubuhkan syarikat yang baru ataupun anak syarikat dan saya rasa ini adalah contoh yang wajar yang sepatutnya Yang Berhormat Lenggong bangkitkan tadi kerana beliau adalah Pengerusi PTPTN dan sekarang memang mendapatkan perkhidmatan ini daripada LHDN dengan tidak wujudnya seksyen 28A ataupun mana-mana anak syarikat yang ditubuhkan oleh LHDN.

Jadi soalan pokok saya pada perbahasan saya ini adalah mengapa akta ini selepas menarik balik semua fasal-fasal yang berkaitan dengan tender pelaburan, masih ada lagi satu fasa yang saya rasa tak ada maksud, tak relevan, tak perlu kerana kalau kuasa LHDN perlu ditambah lagi, perlu dipertingkatkan lagi, kenapa tidak kemas kini undang-undang yang ada sekarang. Kenapa nak memperkenalkan satu fasal ataupun satu seksyen untuk memberikan satu kuasa untuk menubuhkan syarikat-syarikat yang baru oleh LHDN. Saya rasa ini adalah sesuatu yang Menteri perlu jawab.

Akhir sekali saya nak tanya Menteri, sama ada contoh ini ataupun cadangan ini ataupun pindaan ini telah diamalkan oleh mana-mana negara maju? Saya rasa kalau Menteri boleh memberi satu contoh ataupun memberi bukti bahawa satu kajian yang terperinci telah dibuat untuk mengkaji semua negara maju misalnya. Sama ada mereka ada satu sistem di mana pihak yang bertanggungjawab untuk mengutip cukai diberi kuasa untuk menubuhkan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat yang lain untuk menjalankan tugas mereka? Apakah tanggungjawab ataupun dana yang diberikan kepada anak-anak syarikat

ini? Pendapat saya Tuan Yang di-Pertua ialah pindaan ini tidak mengikut *best practices* di seluruh dunia dan sebenarnya seksyen baru 28A ini tidak diperlukan dan patut dibatalkan seperti fasal 3, 5, 6 dan 8. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

### 3.29 ptg.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan sedikit tentang Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2014. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang mana telah meletakkan bahawa seluruh kutipan diletakkan di bawah Kumpulan Wang Yang Disatukan *atau Consolidated Fund* di bawah Kerajaan Persekutuan.

#### ■1530

Kita lihat bahawa mengautonomikan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini seperti mana yang telah dibuat ketika Bajet 2006 untuk enam buah agensi iaitu KWSP, LTAT, LUTH, PERKESO, BSN dan KWAP telah melihatkan kejayaan-kejayaan di agensi-agensi yang terlibat. Saya melihatkan perkara ini dapat memperkasakan lagi LHDN yang mana kita lihat walaupun ditafsirkan dari sudut istilahnya syarikat-syarikat, mungkin ini merupakan satu mekanisme untuk memperkasakan pergerakan ataupun dalam kita menguruskan tentang percukaian di negara kita.

Kita lihat bahawa pindaan ini akan meletakkan LHDN ini sebagai sebuah badan yang lebih profesional dan lebih efisien. Kita harapkan supaya perkara ini tidak menjadi begitu robotik kerana di peringkat bawah kita lihat, khususnya dasar memang cantik. Akan tetapi apabila pelaksanaan, *the front liners* yang mana pegawai-pegawainya dilihat sebagai tidak melihat kepada aspek kemanusiaan, cuma melihat sebagai robot dalam kita menghadapi penilaian ataupun perkara-perkara yang melibatkan pembayaran hasil. Kita lihat perkara ini telah menjadi satu masalah di peringkat bawah dan juga andaian-andaian yang menyatakan bahawa adakah benar bahawa pegawai-pegawai LHDN ini diberikan insentif khusus ataupun diberi komisen ke atas kerja-kerja yang mereka buat. Itu satu persoalan yang perlu dijawab.

Tentang kaitan syarikat seperti mana yang telah saya sebutkan, fasal 7. Kita lihat bahawa pihak pembangkang banyak memikirkan tentang perkara ini secara negatif dan sempit. Perhatikan tentang kesangsian, tentang pintu belakang, *curiosity*, dengan izin, yang begitu negatif. Saya yakin dan percaya bahawa syarikat-syarikat ini yang akan ditubuhkan merupakan mekanisme-mekanisme yang tertentu untuk memperkukuhkan lagi perjalanan LHDN.

Tentang perkara yang mana apabila LHDN telah begitu efisien. Saya mohon supaya mungkin syarikat ini melihat kepada perkara-perkara yang R&D ataupun pembinaan lebih banyak akademik. Mungkin syarikat-syarikat ini digunakan ataupun akan digunakan untuk melihat kepada kaedah R&D contohnya. R&D di dalam *business* semasa, pegawai-pegawai baru yang tentang *internet banking*, *internet business*, perniagaan alam maya. Di

sana boleh kita lihat bahawa LHDN boleh melihat kepada perkara-perkara yang begitu dinamik dalam dunia perniagaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang *corporate tax*. Saya harap setelah kita efisien dan juga mendapat pulangan ataupun kutipan yang banyak, kita lihat supaya negara Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang mesra pelabur. Ini kerana kita bersaing dengan negara-negara jiran, khususnya Indonesia yang sedang membangun, India yang sedang membangun, yang sedang bangkit semula, Thailand dan Singapura. Adakah *corporate tax* ini menarik minat pelabur-pelabur untuk meletakkan ataupun melabur di negara kita ini. Juga bukan sahaja *corporate tax* tetapi *individual tax*.

Adalah harapan kita bahawa pada tahun 2020 negara kita maju, negara yang berpendapatan tinggi dan cukai korporat dan juga cukai individu yang rendah. Itulah harapan kita dan saya mohon pihak LHDN ataupun Kementerian Kewangan dapat melihat kepada perkara-perkara yang khusus untuk kita meletakkan supaya pendekatan kepada mekanisme yang ditafsirkan oleh pihak di sana tentang syarikat yang begitu negatif. Akan tetapi saya yakin bahawa pertubuhan ataupun akta fasal 7 ini dapat digunakan untuk kita mencapai Wawasan 2020 yang mana negara maju, rakyat berpendapatan tinggi dan cukai korporat dan cukai individu yang rendah. Terima kasih.

### **3.34 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta dalam perbahasan mengenai pindaan ke atas Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri ini. Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan mengingatkan bahawa peranan utama Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah untuk memungut cukai. Itu adalah ia punya fungsi utama. Saya rasa yang perlu difikirkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah bagaimanakah ia boleh menggunakan mekanisme-mekanisme yang terbaru, yang terkini untuk memastikan cukai dipungut.

Kemudiannya bagaimana wang itu digunakan. Saya rasa oleh sebab wang cukai, khususnya cukai pendapatan ini, dimasukkan ke dalam *fund* yang telah pun dikhususkan di dalam perlembagaan iaitu *consolidated fund*, wang yang disatukan. Di mana fungsi wang disatukan ini adalah apabila kerajaan memungut cukai daripada rakyat, wang yang dikutip itu dimasukkan ke dalam *fund* ini dengan tujuan untuk dikembalikan kepada rakyat. Jadi saya rasa, dengan izin, *the whole objective of* percukaian ini mestilah jelas supaya kalau kita memahami apakah peranan sebenar Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Apabila kita mula terlampau ghairah untuk mungkin hendak menjanakan wang yang dikutip itu bagi dilaburkan dan sebagainya, saya khuatir ia akan menyebabkan fungsi utama Lembaga Hasil Dalam Negeri itu mungkin dilupakan. Saya ulangi bahawa fungsi utamanya adalah bagaimana ia seharusnya menjadi agen kepada kerajaan untuk memungut cukai dan bagaimanakah ia dapat memungut cukai sebanyak yang boleh dan kemudiannya bagaimanakah wang yang dikutip itu dapat digunakan untuk manfaat rakyat. Itu tugas cukai itu. Akan tetapi kalau kita mula *deviate* daripada tujuan utama itu, apabila kita mula rasa bagaimana wang yang dapat itu untuk menjanakan lagi. Mungkin kita terfikir kalau kita-mungkin Lembaga Hasil Dalam Negeri melihat KWSP dibenarkan untuk melabur, badan-

badan tertentu dibenarkan melabur, kenapakah Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dibenarkan berbuat demikian.

Saya rasa kita harus bezakan sebab saya kata tadi wang yang dikutip itu dimasukkan dalam *fund* dan *fund* ini hendaklah dikembalikan kepada rakyat manfaatnya. Jadi, sebab itulah kita menentang dulu AES sebab apabila kita meletakkan sebuah syarikat swasta diberikan izin untuk memungut denda daripada rakyat, *fine* daripada rakyat dan wang itu sebahagian besarnya, sebahagian daripada wang yang dikutip itu disalurkan kepada orang ataupun pihak yang menerima imbuhan kerana mengutip saman itu. Bermakna sebahagian wang yang dikutip itu telah pergi kepada individu-individu tertentu yang mana individu-individu ini tidak mempunyai satu tanggungjawab untuk memastikan wang yang dia dapat itu ataupun imbuhan yang dia dapat itu untuk dikembalikan kepada rakyat.

Jadi sebab itulah, atas dasar itu saya berpendapat bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak sewajarnya. Pertama, tidak sewajarnya terlibat dalam apa-apa pelaburan, itu bukan peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri, itu yang pertama. Yang kedua, tidak perlu wujudkan mana-mana syarikat. Oleh sebab apabila kita wujudkan syarikat, bermakna sedikit sebanyak kita telah mula *deviate* daripada peranan asal Lembaga Hasil Dalam Negeri, ini yang dikhuatiri. Walaupun mungkin dikatakan bahawa, "*Oh tidak, tidak mungkin kita akan menyimpang daripada tujuan asal itu.*" Minta maaf, kita tidak percaya pada kerajaan ini sebab dia kata akan hapuskan Akta Hasutan tetapi kita lihatlah. Walaupun kata akan hapuskan, walaupun akan wujudkan satu akta baru, lepas pegang Perdana Menteri terus katakan kita akan tukar, kita akan hapuskan akta ini. Sampai sekarang bukan sahaja tidak tukar, malahan ramai termasuk pensyarah universiti, pensyarah undang-undang dibawa ke mahkamah. Ini janji bohong, palsu daripada Barisan Nasional.

Jadi, sebab itu janganlah bermain dengan kata-kata yang manis dalam undang-undang ini. "Oh, tujuannya adalah untuk melaksanakan apa-apa projek, skim atau perusahaan dalam melaksanakan fungsinya", memang manis tetapi yang buat ini mempunyai sejarah yang selalu menipu, selalu mungkir janji, tidak menepati apa yang dikatakan. Jadi, sebab itulah saya berpendapat bahawa syarikat ini tidak wajar ditubuhkan. Kalau kita tubuhkan, bermakna sebahagian wang yang dikutip itu akan pergi kepada syarikat dan kita kluatir ia akan mewujudkan satu *conflict of interest*.

#### ■1540

Sebab itulah kita pelik bagaimanakah dalam keadaan beberapa seksyen lain yang berkaitan dengan pelaburan telah pun dipadamkan, tiba-tiba yang ini satu ditinggalkan. Maknanya ada sesuatu yang mereka cuba buat ini. Jadi, kita merasakan bahawa kalau hendak padam, padam semua. Kembalikan kepada fungsi asal. Tadi dikatakan oleh rakan saya dari Serdang bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri juga terlibat dalam memungut wang-wang atau pun pinjaman-pinjaman daripada anak-anak kita yang terlibat dengan PTPTN.

Sebenarnya saya sendiri tidak bersetuju supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri itu terlibat dalam memungut wang daripada pelajar-pelajar ini sebab kita kena faham bahawa fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri ini berbeza, cara mereka bekerja pun berbeza. Jadi,

kalau kita berikan satu institusi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memungut wang-wang daripada pinjaman ini dengan gerak kerja mereka, sebab itulah kita lihat banyak kes di mana cara kutipan itu agak lebih agresif dibandingkan dengan cara-cara, kaedah yang lain.

Akan tetapi bagaimanapun saya hendak tegaskan bahawa syarikat ini tidak wajar ditubuhkan, tidak wajar dibenarkan untuk ditubuhkan kerana kita tidak mahu fungsi asal dan matlamat asal Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dilencongkan dengan wujudnya syarikat ini. Ini akan bertentangan dengan spirit perlembagaan di mana wang cukai hendaklah digunakan, hendaklah dikumpulkan seberapa banyak yang boleh dengan tujuan satu sahaja, untuk memberi manfaat kepada rakyat, untuk dikembalikan kepada rakyat. Bukan untuk kepentingan individu tertentu, bukan untuk mengaut keuntungan syarikat-syarikat tertentu. Sebab itu saya menentang dan saya mohon supaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan tambahan. Penjelasan, soalan tambahan pula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tengok Tuan Yang di-Pertua hari ini memang *steady*, kuat. Daripada pagi dia seorang *handle* mesyuarat. Ini lelaki contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Patut kena bagi penghormatan ini lelaki contoh yang tahan lama. *[Ketawa]* Saya pun hendak minta petua apa akar kayu makan daripada belah Pahang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas ini, lepas ini. Lepas ini kita minum teh lah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang sebab Yang Berhormat Sepang kata tidak bolehlah hendak melabur, tidak boleh tubuh syarikat, apa semua ini kerana berbalik kepada fungsi asal semuanya ini. Tidak kah Yang Berhormat Sepang terfikir bahawa kerajaan pun menghadapi masalah, duit tidak ada ini sebab itu minyak pun kena naik 2 kupang. Tidak kasihan kah kepada kerajaan, minyak pun kena naik 2 kupang. 2 kupang pun tidak boleh hendak cari dah. Jadi, hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sebelum jawab, tadi saya sudah tegur beberapa Ahli Yang Berhormat supaya kembali kepada tajuk yang asal. Isu GST, isu minyak tidak ada dalam rang undang-undang ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia memang tidak ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tengok Peraturan 36(1).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah jawab lah Pokok Sena, tidak payah jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak jawab cuma saya ingin mengembangkan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu isu itu, isu itu tidak perlu.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tumpu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu presiden dia pening.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya mengatakan bahawa...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Sepang, boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey silakan, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sudah tentu sebagai sebuah badan autonomi yang juga *self-sufficient* dengan izin, sudah tentu aktiviti untuk menguntungkan LHDN itu sendiri. Tak kan dia hendak rugi pula. Jadi, kita sudah tentu menguntungkan syarikat-syarikat dan juga menguntungkan badan atau pun agensi tersebut kerana dia sudah menjadi sebuah badan autonomi yang tidak ada kebergantungan kepada kerajaan dari sudut kewangan. Itulah salah satu daripada matlamatnya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah? Oh belum lagi.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Jadi keuntungan itu adalah utama lah, bukannya satu perkara yang tidak positif. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kuala Kangsar. Kita tidak menafikan apabila kerajaan menubuhkan syarikat ini atau pun Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dibenarkan untuk menubuhkan syarikat. Memang saya rasa memang tujuannya mulia, tujuannya untuk bagaimana supaya menjana wang-wang yang telah dikutip itu untuk menghasilkan keuntungan yang lebih besar lagi. Akan tetapi, bagi saya itu bukan fungsinya. Kita mesti dengan izin *stick* kepada fungsi yang asal sebab itulah peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sebab apabila kita hendak mula buka syarikat dan mula kita hendak berniaga dan sebagainya, kita khawatir. Walaupun saya katakan tadi memang benar janji-janji yang dikatakan itu memang nampak manis. Akan tetapi kami semua rakyat dekat Malaysia ini berhadapan dengan janji-janji manis ini dan akhirnya kami menderita. Sebab itulah kita merasakan bahawa...

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, siapa hendak bangun silakan. Yang Berhormat Lenggong hendak bangun? Hendak bangun kah? Tidak ada. Okey, bagi

saya kalau kita hendak perkasakan, perkasakan bagaimanakah LHDN ini boleh diberikan peranan yang lebih *sophisticated* bagaimana mereka boleh dapatkan cara-cara terbaru untuk mendapatkan wang cukai itu. Itu kita boleh setuju.

Akan tetapi apabila kita meletakkan satu syarikat, menubuhkan sebuah syarikat di mana antara peranan syarikat itu adalah melaksanakan apa-apa projek skim perusahaan. Kita tidak jelas apakah skim yang dimaksudkan atau perusahaan. Maknanya bagi saya sudah ada satu penyimpangan daripada matlamat asal. Yang ini yang kita khuatir. Apabila kita mula menyimpang daripada matlamat yang asal itu, nanti kalau ditakdirkan wang katakan lah buat syarikat digunakan untuk labur, tiba-tiba pelaburan ini kita tahu pelaburan apa-apa yang dinamakan pelaburan pun dia pasti akan terdedah dengan untung dan rugi. Tidak ada masalah lah kalau sentiasa untung. Adakah kita boleh beri jaminan apabila dilaburkan mesti sentiasa untung.

Apabila kita dalam bentuk perniagaan dia tidak terdedah daripada untung dan rugi. Jadi, kalau persoalannya rugi bagaimana nasib mereka yang membayar cukai. Sebab itulah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelebu bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oh Yang Berhormat Jelebu silakan Yang Berhormat Jelebu, kawan lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya tertarik dengan analogi yang diberikan oleh Yang Berhormat Sepang berkaitan dengan fungsi asal dan perubahan. Dia menekankan supaya LHDN ini jangan berubah-ubah. Kita cakup tidak berubah, kita menambah, membuat pembaharuan dan ini proses biasa sebagai satu organisasi yang dinamik.

Jadi, oleh kerana itu perubahan itu ialah untuk pengukuhan, fungsi asal tidak pernah berubah, malah diperkukuhkan. Jadi, ini tidak jauh bezanya. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Sepang kalau analogi itu kita kaitkan dengan pendirian parti PAS sendiri yang dahulunya tidak boleh dengan DAP tetapi sekarang dia boleh dengan DAP bekerja dan matlamatnya sudah berubah jauh. Jadi, analogi ini macam mana kalau kita hendak kaitkan dengan pendapat dan pandangan Yang Berhormat Sepang berkaitan dengan kenapa LHDN ini tidak boleh hendak buat pelaburan.

Saya fikir ini satu padan yang dinamik dan ini bagaimana Yang Berhormat Sepang melihat analogi dua perubahan ini? Apakah dia tidak dinamik atau pun dia mengemukakan suatu yang merugikan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini masalah bila kita bagi BN tanya soalan ini. Yang ini relevan tidak DAP dengan PAS ini? Macam Tuan Yang di-Pertua boleh jawab? Relevan? Relevan kah? Tuan Yang di-Pertua pun takut kah. *[Ketawa]* Tidak payah jawab lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang tidak boleh lah menuduh Tuan Yang di-Pertua takut.



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, okey saya tarik balik, saya tarik balik. Tuan Yang di-Pertua tidak takut. Okey, bagi saya tidak ada masalah untuk kita hendak buat perubahan. Dalam hidup ini memang ada benda yang kena berubah tetapi saya maksudkan kalau kita hendak ubah bukan kita mengubah, bukan kita letakkan beban itu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Bagi saya, Lembaga Hasil Dalam Negeri ini tugas dia itu, tetap, jangan kita ubah-ubah. Akan tetapi wang yang dia dapat itu, itu yang kerajaan kena fikir macam mana wang itu hendak di *diversify* dan sebagainya. Itu kita letakkan pada kerajaan, bukan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk kutip cukai. Peranannya itu sahaja, jangan lebih-lebih lagi.

Yang lain itu, ruang yang kita dapat daripada hasil daripada negeri itu yang kita masukkan dalam *consolidated fund* itu kita serahkan kepada kerajaan bagaimanakah cara kerajaan hendak gunakan wang itu untuk kepentingan rakyat. Sebab kalau kita letakkan juga badan pemungut cukai, dia juga terlibat dalam pelaburan kita khawatir dia akan menyebabkan bukan sahaja melencong daripada simpanan asal, dia akan mengakibatkan wang yang dikutip itu mungkin terdedah kepada risiko. Itu persoalannya. Bukan persoalan tidak boleh berubah-ubah. Hendak berubah, berubahlah, tidak ada masalah. Akan tetapi biarlah berubah itu jangan sampai kita meletakkan wang rakyat ini terdedah dengan risiko.

#### ■1550

Itu persoalannya. Ini kerana kita sudah banyak kes di Malaysia ini apabila institusi amanah ini kita berikan ruang untuk mereka melabur dan sebagainya, akhirnya sedikit sebanyak salah guna itu berlaku. KWSP sebagai contoh, berapa banyak kes di mana wang-wang itu digunakan untuk kepentingan pihak-pihak tertentu untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu. Ini yang kita tidak boleh terima sebab apabila kamu telah mengubah peranan asal itu, kamu sedikit sebanyak terpaksa mengakui bahawa wang itu akan terdedah kepada risiko. Itulah yang saya rasa kita khawatir.

Oleh sebab itulah kita minta supaya kerajaan...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Sepang, boleh celah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Saya tertarik tentang topik perubahan. Baru-baru ini LHDN tugasnya ialah mengumpulkan wang rakyat untuk manfaat rakyat. Akan tetapi mengikut rekod Barisan Nasional, apa bezanya 1MDB dahulu kata skim yang baik, sekarang rugi hampir RM40 bilion? Apakah komen Ahli Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Wangsa Maju. Inilah yang saya kata tadi kita khawatir. Memang janji memang manis selalu, janji memang manis. Sebelum pilihan raya takkan naikkan minyak, selepas PRU, berapa kali naik minyak dah. Kita pun rakyat sudah naik minyak ini. Sebab apa? Tidak tahan dengan azab yang kita tanggung.

Oleh sebab itulah seperti saya kata tadi, tidak cukup dengan kata-kata manis dalam undang-undang ini sebab LHDN ini bukan macam ceti. Ceti tidak risau. Ceti kutip wang dan selepas itu macam mana mereka hendak membelanjakan wang itu kita tidak perlu risau

sebab ceti antara individu dengan individu. Ini melibatkan rakyat, ini melibatkan wang yang bukan RM5,000 atau RM6,000. Ia melibatkan berbilion ringgit. Jadi kalau kita sudah mula meletakkan wang ini kepada risiko, inilah yang kita khuatir.

Jadi kes-kes seperti 1MDB, kes KWSP, kes Petronas dan banyaklah yang mana kita lihat institusi amanah ini walaupun melibatkan wang rakyat tetapi sering kali wang-wang yang dikutip itu terdedah kepada risiko-risiko. Ini yang kita minta kerajaan supaya peka, supaya kerajaan jangan tersilap langkah walaupun dengan tujuan yang mungkin baik, dengan tujuan...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Sepang, minta celah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, silakan.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tadi ada disebut tugas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya belum panggil lagi.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Silap sahaja setiap sekali, maaf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Sepang telah sentuh tentang peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia itu ialah untuk memungut hasil cukai dan tidak yang lain. Jadi saya ingin imbas kembali pada tahun 1980-an apabila berlakunya skandal Maminco-Makuwasa, sebanyak RM1.6 bilion, itu jumlah yang besar pada ketika itu tahun 1980-an, itu telah melibatkan peruntukan atau dana daripada EPF. Jadi EPF, lebih kurangnya itu caruman juga, caruman daripada pembayar cukai dan juga mereka yang mendapatkan hasil.

Jadi saya hendak imbas kembali Yang Berhormat Sepang, kalaulah teladan dahulu tahun 1980-an tidak dijadikan sempadan, apa yang akan terjadi kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri itu dibiarkan buat pelaburan menerusi syarikat-syarikat dua ringgit seperti Maminco-Makuwasa ini? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Jelutong ini, maknanya banyak insiden yang menunjukkan bahawa seolah-olah kerajaan ini memang kerajaan pelupa. Betullah Tun Dr. Mahathir mengatakan Melayu mudah lupa tetapi saya rasa yang lebih teruk lagi, memang kerajaan pelupa. Apabila kerajaan pelupa ini, kerajaan tidak kisah apa yang berlaku sebelum ini sebab kerajaan tidak ingat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sepatutnya kerajaan yang pelupa yang mungkin sudah sampai peringkat nyanyuk ini tidak payah jadi kerajaan lagilah sebab susah kerana apabila kita beritahu jangan buat begini, dia buat juga sebab ada kuasa majoriti, dia boleh buat apa sahaja.

Bagi kita, tolonglah, *please* lah, biarlah kutipan-kutipan yang dipungut ini biar kerajaan fikirkan cara lain dan bukan kita membebankan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menubuhkan syarikat dan menjalankan peranan yang bukan sepatutnya dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi saya rasa sekadar itu dapat saya sampaikan untuk berkaitan dengan perkara ini. Jadi saya minta supaya lagi sekali ditarik balik pindaan ke atas yang memasukkan seksyen 28A ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**3.55 ptg.**

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas mengenai pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995. Banyak rakan saya telah mengemukakan fakta-fakta. Saya cuma ada dua atau tiga perkara yang saya ingin berkongsi.

Seperti mana yang kita tahu bahawa tujuan kita mewujudkan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dengan mewujudkannya sebagai suatu perbadanan atau badan berkanun adalah kerana untuk kita memastikan bahawa kerja-kerja mengutip cukai ini akan bertambah efisien. Seperti mana yang kita tahu bahawa dasar percukaian ini bukanlah satu dasar yang *rigid*, maka ia sering berlaku perubahan dari semasa ke semasa.

Dengan adanya perubahan ini dan dengan ada badan berkanun seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, maka setiap dasar yang berubah ini dapat diimplementasikan dengan begitu cepat dan mudah. Kedua, saya percaya bahawa dengan adanya badan berkanun ini, kita dapat merekrut kakitangan-kakitangan yang lebih efisien dan *expertise* yang kita hendak untuk mengutip cukai dan juga mengendalikan program-program latihan.

Cuma saya ingin bertanya kepada pihak Menteri bahawa dengan kita mewujudkan badan berkanun ini, adakah kita selepas ini menetapkan KPI bagaimana badan ini dapat mengurangkan *black economy* kita? Bagaimana badan berkanun ini memainkan peranan untuk mengurangkan pelarian cukai? Ini kerana kalau kita ada badan yang autonomi tetapi buat benda yang sama sebelum kita menjadi badan autonomi, maka tidak guna kita mewujudkan perbadanan.

Kedua, dari segi penguatkuasaan. Saya percaya bahawa apabila kita bagi autonomi, maka penguatkuasaan itu perlulah tetap dijalankan untuk memastikan bahawa penghormatan orang dari segi pembayaran cukai ini terus dipertingkatkan. Saya hendak bertanya bahawa sekarang ini kalau kita lihat sistem kita menyiasat orang yang tidak bayar cukai ini ialah banyak menumpukan kepada mereka yang telah berdaftar sebagai pembayar cukai tetapi membayar cukai yang kurang atau *undeclared*. Kedua, mereka yang tidak menyiapkan laporan kewangan mereka dengan sempurna dan kita tidak mencukai mereka mengikut jangka tahunan atau kewangan mereka seperti mana yang perlu mereka bayar.

Jadi saya harap dengan adanya badan berkanun ini, kita dapat lebih menumpukan sistem *collection* cukai kita ini dengan lebih efisien dengan kita dapat menggunakan banyak *expertise* dalam bidang perakaunan dengan menggunakan firma-firma perakaunan untuk

mereka memberi kita *lead* untuk kita mengutip cukai-cukai kepada syarikat-syarikat yang tidak membayar cukai.

Kita juga kena mengambil maklum bahawa dari segi pembayaran cukai ini, kita juga berdepan dengan masalah di mana ramai daripada kita ini akan mencari sedaya-upaya untuk mencari jalan bagaimana tidak membayar cukai. Di sinilah kita memerlukan *expertise* untuk kita memastikan bahawa dengan wujud perbadanan ini, kita dapat melahirkan ramai *expertise* supaya kerajaan tidak terlepas daripada mengutip cukai.

■1600

Saya ada lagi satu soalan yang saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri.

Dalam pindaan ini, kita akan melantik sembilan anggota lembaga pengarah dalam perbadanan dan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif. Ada juga lembaga pengarah ini dilantik oleh pihak Menteri. Cuma saya hendak minta supaya kita jangan jadikan perbadanan ini dari segi pelantikan lembaga pengarah ini kalau boleh hendaklah kita ikut macam mana yang dibuat di peringkat Bank Negara. Maka mereka yang telah melalui proses yang begitu teliti untuk dipilih sebagai ahli lembaga perbadanan ini supaya kredibiliti institusi untuk kita mengutip cukai ini dilihat dari segi lembaga pengarahnya.

Akhir sekali mengenai seksyen 7 ini, kuasa untuk menubuhkan syarikat. Saya faham bahawa kita mewujudkan syarikat ini kerana kita hendak *ring fence* dari segi kita punya liabiliti terutama apabila kita membeli aset-aset pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun untuk beli perkakas-perkakas Lembaga Hasil Dalam Negeri. Akan tetapi saya kurang bersetuju kalau kita lihat dari segi kuasa untuk menubuhkan syarikat ini ialah untuk terlibat secara langsung dalam perusahaan. Saya ingat kalau dalam perusahaan ini, saya ingat Lembaga Hasil Dalam Negeri ini sepatutnya tidak terlibat dalam sebarang perusahaan.

Saya percaya bahawa kalau selagi syarikat ini diwujudkan semata-mata untuk melaksanakan fungsinya sebagai pengutip cukai iaitu kita perlu membeli bangunan-bangunan pejabat untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu kita beli melalui syarikat, saya rasa itu okey. Walaupun untuk kita membuat kursus-kursus tertentu untuk menghantar mereka ini di keluar negara dengan menggunakan bajet dalam syarikat, saya agak saya bersetuju. Akan tetapi kalau kita hendak bagi *clause* untuk syarikat ini terlibat secara perusahaan, saya ingat kita terpaksa melihat perkara ini lebih *detail* supaya kita tidak mahu nanti pada masa akan datang mereka yang diberi kuasa menggunakan *clause* ini untuk membuat pelaburan-pelaburan yang di luar bidang kuasa mengutip cukai.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, Yang Berhormat Titiwangsa? Yang Berhormat, saya pun melihat bahawa kuasa untuk menubuhkan syarikat iaitu bermakna akta ini menggalakkan lembaga-lembaga pengarah itu menubuhkan syarikat dan bersaing dengan syarikat-syarikat yang lain untuk sama ada projekkah, pembangunankah dan sebagainya. Jadi rasa saya ini tidak menjelaskan kedudukan mereka secara telus dan mungkin ada ketirisan sekiranya dibenarkan. Jadi oleh kerana itu saya rasa perlulah dikaji dan memberi kebenaran kepada ahli lembaga ini untuk berniaga, sebab biarlah mereka yang menjadi lembaga meneliti pemungut-pemungut cukai. Tidak

akan pula mereka yang berniaga. Jadi pada saya ini satu akta yang rasa saya ada *contradictingnya* antara satu sama lain. Ini kerana ahli lembaga berhak untuk berniaga, untuk berjual beli dan sebagainya. Menubuhkan syarikat. Jadi apa maknanya ahli lembaga itu diberi kebenaran. Biarlah orang lain menguruskan perniagaan mereka. Dilantik, maka mereka kena fokus dengan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya setuju. Tolong masukkan ucapannya dalam ucapan saya.

Saya bagi contoh. Contoh macam KWSP. KWSP ada anak syarikat MBSB. MBSB itu sebenarnya digunakan untuk memberi pinjaman perumahan. Akan tetapi oleh kerana MBSB juga mempunyai syarikat yang buat pembangunan (*development*), jadi pada satu ketika dia untung. Akan tetapi ada satu ketika apabila pengurusan tidak cekap, maka rugi. Itu yang MBSB pun terlibat dengan *restructuring*. Oleh sebab itu saya tidak mahu Lembaga Hasil Dalam Negeri ini apabila dia mempunyai syarikat yang memberi kuasa yang begitu luas iaitu terlibat dengan projek dan perusahaan, saya rasa kita kena lihat balik semula.

Akan tetapi saya bersetuju dengan kita menubuhkan syarikat ini semata-mata kerana kita *limitkan* bahawa syarikat ini adalah untuk kita membeli aset-aset pejabat-pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk diletak dalam syarikat tersebut, supaya kita boleh *ring fence* mana-mana *potential liability* yang wujud supaya tidak kena kepada perbadanan tersebut. Itu saya faham. Akan tetapi kalau mewujudkan perusahaan dengan projek-projek, saya takut skop ini kalau tidak kita jaga, suatu hari nanti ia akan boleh menyebabkan salah guna kuasa apabila kita mempunyai wang simpanan yang begitu banyak dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta mencelah sedikit. Bertanya soalan. Yang Berhormat Titiwangsa, tadi Yang Berhormat Titiwangsa sebut tentang *ring fence* supaya aset-aset LHDN tidak dikenakan liabiliti dan sebagainya. Sebenarnya saya rasa itu adalah aset kerajaan. Jadi dia tidak payah. Kalau liabiliti pun kerajaan akan tanggung. Jadi saya rasa itu tidak payah *create any company* untuk *pickup the asset*. Satu lagi, saya bukan selalu setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, tetapi kali ini kita setuju kerana menggunakan – ada *company* baru dia akan *compete* dengan *market* dan menyebabkan huru-hara atau kacau bilau dalam *market*. Ini kerana LHDN mempunyai *privilege knowledge* terhadap semua *filing* daripada *tax* dan mereka boleh ada strategi yang baru untuk monopoli *market*. Saya harap – ini adalah *by* partisan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kaji semula kerana ini adalah *by* partisan daripada pihak sini dan pihak sana. Semua setuju bahawa ada masalah. Memang ada masalah tentang wujudkan satu *clause* untuk *set up company*. Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat Titiwangsa. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya setuju, Yang Berhormat Bayan Baru. Apa Yang Berhormat Bayan Baru sebut ialah aset yang sedia ada. Akan tetapi apabila kita *progress* ke depan bahawa skop Lembaga Hasil Dalam Negeri ini akan bertambah. Jadi kemungkinan besar pada satu ketika akan datang, kita juga terpaksa membeli bangunan-bangunan baru untuk mengembangkan kita punya aktiviti mengutip cukai. Di sinilah terletaknya keperluan ada syarikat. Apabila kita mengenal pasti sesuatu

bangunan yang kita hendak beli, kita beli menggunakan syarikat supaya kalau ada masalah dari segi pembelian bangunan-bangunan baru yang akan datang untuk kegunaan Lembaga Hasil Dalam Negeri, maka dia boleh *ring fence*. Saya bukan bercerita soal yang ada sekarang ini tetapi yang akan datang. Sudah tentu kita memerlukan, supaya ia tidak mengganggu urusan kutipan yang berlaku di dalam perbadanan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi kerajaan pun boleh buat *on behalf of* LHDN kan?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Oleh kerana kita sudah beri dia *autonomous*, jadi kalau boleh kita jangan *link* dengan kerajaan. Kita *put the KPI to them, so that they will manage this* tetapi dengan *governance* yang begitu kontrol supaya kita tidak memberi sesuatu *power* yang begitu luas tanpa ada kita meletak definisi yang spesifik untuk tujuan mengutip cukai. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

#### 4.08 ptg.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu perkara yang ingin saya bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan fasal 7 dalam pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 7 membawa kepada seksyen 28A. Seksyen 28A sudah dihujah dengan panjang lebar oleh semua Ahli Yang Berhormat di sini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, boleh saya rujuk kepada apa yang disebut di situ. Dalam bahasa Inggeris. *The Power to Establish Companies, Tuan Yang di-Pertua.*

*“The Board may with the approval of the Minister, establish companies under the Companies Act to carry out and have the charge on or engage of in any project, scheme or enterprise which has been planned on undertaken by the Board in the performance of its functions or the exercise of its power under this act”.*

Jadi apa yang jelas ialah bahawa *company* yang diwujudkan di bawah seksyen ini, tugas mereka adalah untuk *to carry out and have the charge or engage of in any project planned or undertaken by the board*. Tuan Yang di-Pertua, ada masalah dengan peruntukan ini. Ini kerana kalau tidak kita lihat kepada akta asal, *the parent act*, terdapat di situ tiga peruntukan yang mungkin bercanggah dengan peruntukan ini.

#### ■1610

Pertama Tuan Yang di-Pertua, kami ada seksyen 13. Seksyen 13 di situ merujuk kepada apa yang dikenali sebagai *delegation of powers* di mana jelas dinyatakan bahawa *delegation of powers* hanya boleh diberikan kepada beberapa pihak. Di situ dinyatakan, *“The Board may delegate to any committee established under section 12 such of its functions as it may deem necessary or desirable.”* Jadi apa yang dinyatakan di situ adalah *delegation is only to committee* Tuan Yang di-Pertua dan ia tidak boleh di luar batasan komiti. Maknanya seksyen 28A ini bercanggah secara terus dengan seksyen 12 *because a company is not a committee as specified in section 12*. Itu pertama. Saya ada satu

penjelasan daripada Timbalan Menteri. Kenapa ada percanggahan di sini dan adakah seksyen 28A yang baru ini sah? Itu pertama.

Keduanya, saya rasa ini penting kepada semua penjawat awam. Kalau kita lihat kepada *the Parent Act again* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seksyen 21 di situ ada peruntukan yang berbunyi sedemikian *the protection from personal liability*. "*No suit or other legal proceedings shall lie personally against any member, officer or employee of the Board...*" Ini penting. "*...or any other person under the direction of the Board for anything which is done in good faith or intended to be done in the execution or purported execution of this act.*" Jadi, persoalan yang berbangkit adalah ini. Adakah perlindungan di bawah seksyen 21 mengikat seksyen 28A? *There are protections also given to a company?* Itu soalan kedua.

Soalan yang ketiga berkaitan dengan *public servant section 22*, adakah ia bermakna bahawa pengarah-pengarah yang di dalam syarikat-syarikat ini diberikan status sebagai *public servant*?

Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting kerana kita perlu ada kepastian sebelum satu undang-undang boleh diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Kalau tidak, bila kita ke mahkamah kemudian, ini ialah menjadi satu isu yang akan memberikan kesan. Saya rasa kalau satu syarikat ditubuhkan dan diberikan tugas besar iaitu untuk menguruskan dana rakyat, saya rasa kita perlu ada kepastian terhadap isu ini. *I will listen to the reply of the Minister asked question on that* Tuan Yang di-Pertua. Setakat itu sahaja saya hendak bantu. Saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu.

#### **4.12 ptg.**

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana dapat peluang mengambil bahagian di dalam membahaskan pindaan rang undang-undang berkaitan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memberikan autonomi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai yang merupakan agen kepada kutipan cukai langsung. Saya difahamkan semua kutipan yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ini akan dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Yang Disatukan. Jadi dalam perbahasan tadi, saya macam keliru sedikit berkaitan dengan penubuhan syarikat iaitu seksyen baru 28A itu. Ia seolah-olah menggambarkan bahawa apa yang akan dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai agen mengutip bagi pihak kerajaan itu akan boleh digunakan untuk pelaburan. Ini saya minta penjelasan daripada Menteri. Apa yang saya faham, kerajaan akan memberi fi kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri pada kadar yang kita pun tidak minta penjelasan daripada Menteri dan fi itulah untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri *survive* untuk menguruskan gaji, emolumen, pembangunan dan sebagainya untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri di bawah autonomi yang baru ini.

Jadi oleh sebab itu, pelaburan yang hendak dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri saya jangka adalah terhad kepada jumlah fi yang diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri hasil kutipan daripada cukai-cukai itu tadi, bukan dibenarkan. Saya tidak fikir

kerajaan akan membenarkan untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri melaburkan segala kutipan yang diperoleh daripada cukai itu, tetapi fi. Kalau tidak cukup fi ini, maknanya Lembaga Hasil Dalam Negeri berhutanglah untuk bayar gajinya. Itu yang saya faham. Ini saya perlu penjelasan daripada Menteri Kewangan supaya kita jangan terkeliru menggambarkan bagaimana EPF dalam *collection* caruman bulanan itu untuk pelaburan dan sebagainya.

Akan tetapi dalam konteks Lembaga Hasil Dalam Negeri, autonomi yang diberikan ini bukan terlampau ataupun bertujuan untuk membenarkan mereka melabur, tetapi ialah untuk membolehkan badan ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri ini mencapai satu tahap *efficiency*. Ini kerana sudah tentu autonomi yang diberi ini bersamaan dengan *responsibility* dan *authority*. Oleh sebab itu Lembaga Hasil Dalam Negeri akan boleh menstrukturkan dan menyusun tenaga kerjanya. Berapa banyak yang hendak dipakai, *qualification* yang bagaimana, bila, skim gaji dan sebagainya. Akan tetapi kalau dia tidak *migrate* kepada autonomi ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menghadapi masalah. Ini sudah banyak dibincangkan oleh rakan-rakan saya Yang Berhormat, masalah untuk mendapatkan dan menyusun urus tenaga kerja, pengurusan kewangan, pembangunan dan sebagainya.

Akan tetapi, dengan pindaan undang-undang atau akta ini membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadi efisien dalam menyusun gerak kerja, tenaga kerja, pembangunan dan juga kewangan mereka berdasarkan fi yang mereka terima daripada kerja mengutip cukai bagi pihak kerajaan itu. Ini yang saya faham. Oleh sebab itu kita harus menyokong dan tidak perlu susah hati dengan syarikat itu. Kalau dia hendak melabur pun, terhad kepada fi dan kewangan yang dia terima itu sahaja dan bukan keseluruhan daripada jumlah cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini yang saya faham. Mungkin saya silap dan saya minta nanti Menteri Kewangan menjelaskan lebih lanjut berkaitan perkara ini. Oleh sebab itulah ada kebimbangan kepada soal hendak melabur, tidak melabur sehinggakan menjadi polemik yang begitu membimbangkan. Jadi untuk sementara ini, tangguhkan dahulu soal pindaan-pindaan yang telah ditarik oleh kementerian itu tadi kerana masih lagi tidak dapat kefahaman yang sebenar.

Jadi tidak ada salah sebenarnya untuk membenarkan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini untuk melabur, tetapi pelaburannya ialah terhad kepada fi yang mereka terima. Ini yang mereka uruskan. Kalau mereka berupaya menguruskan pelaburan ini dan membawa keuntungan lebih baik, maka ia boleh memberi pulangan yang lebih baik kepada kakitangan mereka di masa akan datang. Itu yang saya faham berkaitan dengan mengapa kerajaan hendak cadangkan beberapa pindaan di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri khususnya yang berkaitan dengan elemen pelaburan dan syarikat itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana dengan pindaan ini, saya fikir dia akan boleh mengutip lebih banyak hasil. Ini kerana rekod kerja yang baik yang ditunjukkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam tempoh tahun 2010, mengutip cukai di antara RM109 bilion ke RM100 bilion setahun dan tahun ini dijangka meningkat kepada RM140 bilion. Bayangkanlah kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dapat mengutip sebanyak ini dan ini memberikan masalah kepada tunai kerajaan...



**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Tadi Yang Berhormat ada sebut satu ayat, "*Dengan pindaan ini, LHDN akan dapat meningkatkan lagi kutipan cukai.*" Saya pun tidak faham bagaimana pindaan ini boleh meningkatkan kutipan cukai, sedangkan pindaan ini bukan untuk kutipan. Pindaan ini asalnya untuk pelaburan, termasuklah dengan penubuhan syarikat itu untuk diniagakan. Jadi, bagaimana kutipan cukai? Kalau kata dengan pindaan ini boleh menambahkan pendapatan dan keuntungan kepada LHDN, itu ayat lainlah. Ayat perlu betul.

■1620

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Jadi, dia ada kaitan soalnya dia melihat daripada perspektif mana sahaja. Perubahan ini memberikan autonomi dan autonomi itu dia boleh menyusun keperluan tenaga kerja ataupun kepegawaian untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pendidikan, usaha-usaha untuk memastikan cukai dibayar oleh rakyat ataupun pihak-pihak yang kena cukai. Jadi dengan itu akan meningkatkan hasil menerusi cukai kerana tadi pun dibahaskan banyak perkara berkaitan orang lari cukai.

Mungkin nanti akan dijelaskan oleh Menteri macam mana bilionair-bilionair ini, berapa banyak cukai yang telah dibayar. Jadi kalau dengan keadaan itu saya menyeru dan memohon kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Jelebu...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Sekejap, saya habiskan ayat ini. Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya jangan lari daripada fungsi asal sebagai pengutip cukai kerajaan itu, tingkatkan profesionalisme dan berikan didikan. Pendidikan kepada rakyat sehingga rakyat merasakan bahawa pembayar cukai ini merupakan sesuatu yang menyeronokkan dan mesti dilakukan sebagai rakyat yang sayang kepada negara dia. Oleh sebab itu harus didik dan ini merupakan peranan dan cabaran besar yang harus dilakukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan autonomi yang Parlimen berikan hari ini. Sila Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi mula-mula dengar itu saya hendak sokong juga Yang Berhormat Jelebu bila dia kata Lembaga Hasil ini perlu tegas dengan fungsi dia. Akan tetapi akhirnya dia kata kalau tubuhkan syarikat pun, syarikat itu boleh melabur dalam kadar-kadar tertentu. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jelebu, setuju atau tidak sekiranya LHDN ini menubuhkan syarikat terlibat di dalam perusahaan dalam perniagaan dan sebagainya bermakna syarikat yang ditubuh ini mempunyai risiko untung rugi, risiko menyaman dan disaman. Dia boleh disaman di mahkamah dan apabila dia disaman di mahkamah syarikat ini bukan hanya syarikat itu sahaja yang mungkin terdedah kepada tindakan mahkamah tetapi juga bapanya sendiri iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Jelebu dalam perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Saya jawab dulu. Saya berpendapat tidak ada salahnya LHDN berniaga atau melabur menerusi syarikat yang dibenarkan untuk ditubuhkan ini. Akan tetapi hadnya ialah kepada kewangan yang diperoleh daripada fi yang mungkin yang akan ditetapkan dan diberikan oleh kerajaan dalam mereka menjalankan tugas sebagai pengutip cukai. Bukan semua yang dikutip itu diberikan kepada LHDN dan LHDN boleh melabur menerusi anak-anak syarikat dia. Jadi ini perlu dijelaskan oleh kementerian. Kalau sekiranya had dan tanggungannya sekadar fi dan kewangan yang diterima daripada proses tanggungjawab LHDN yang diberi oleh kerajaan pada kadar berapa peratus daripada kutipan dan sebagainya.

Kalau pada tahap itu tidak menjadi satu kesalahan pada pandangan saya dan tidak menyebabkan LHDN itu diheret sama. Kalau syarikat sendirian berhad tentulah Yang Berhormat Kota Bharu lebih tahu bahawa tanggungannya pada kadar syer dan juga tanggungan yang terhad kecuali badan induk memberikan gerenti nya. Jadi, ini satu perkara yang *detail* yang harus dilihat. Akan tetapi pada pendirian saya kalau setakat duit yang ada dan berlebih daripada fi yang diterima itu diurus untuk menambah pendapatan, menjana pendapatan bagi masa depan kakitangan dan pembangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri, pada pandangan saya ia tidaklah menjadi sesuatu yang membebankan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jelebu, saya dengar tadi saya amat setuju tadi bila Yang Berhormat sebut tentang peranan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini untuk mendidik dan mengubah falsafah syarikat-syarikat yang tidak ingin membayar cukai kerana menganggap keuntungan ini lebih penting daripada memberi sumbangan kepada negara untuk membangunkan negara dengan membayar cukai. Dengan mengurangkan konsep meletakkan keuntungan ini di atas segala-galanya. Itu peranan dia tetapi kalau kita tubuh syarikat pula, LHDN ini mendidik orang ramai jangan pentingkan keuntungan tetapi kakitangan lembaga pengutip cukai ini sekarang kena ambil peranan yang lebih tekun, lebih aktif kerana ada keuntungan di dalam poket apabila mereka kutip lebih, mereka akan dapat imbuhan yang lebih.

Adakah ini merupakan satu kontradiksi, kontradiksi yang kita suruh orang ramai, syarikat bayar cukai jangan pandang keuntungan tetapi pegawai sendiri menganggap keuntungan itu lebih penting, menjadi insentif mereka mengutip cukai. Itu satu. Kedua, saya ingin tahu kalau mereka sudah tubuh syarikat, siapa yang akan bertanggungjawab untuk memantau supaya mereka membayar cukai? Supaya mereka juga menyumbang dalam peranan membangunkan negara. Adakah mereka juga mengambil satu sikap seperti syarikat-syarikat yang lain, mereka pun juga hendak mengurangkan membayar cukai untuk menambahkan kebajikan kakitangan pengutip cukai.

Saya ingin dapat tahu bagaimana kita dapat menyelesaikan kontradiksi ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Ini boleh dihuraikan dari pelbagai perspektif. Saya tidaklah menjawab bagi pihak kerajaan khususnya Menteri kerana beliau lebih tahu dia punya falsafah, hasrat dan cita-cita di sebalik pindaan ini. Akan tetapi sebagai orang biasa, saya melihat tidak menjadi satu kesalahan kerana organisasi dan kepakaran yang ada dalam LHDN kalau tidak ada pun kita

boleh *source*. Bukan maknanya pegawai yang sama pergi mengutip, pegawai yang sama juga berniaga. Kita ada ramai tenaga profesional, pakar dalam negara ini, maknanya kalau fungsi asal itu sudah mantap dan tidak diabaikan dan ditambahbaikkkan dengan autonomi yang ada, kebebasan dan kuasa yang ada di bawah akta baru ini maka tenaga kerja atau pengurusan profesion lain untuk uruskan dana yang diperoleh daripada fi itu supaya tidak jadi ideal. Supaya boleh membawa keuntungan dan melabur pada bidang-bidang yang mungkin berisiko rendah dan sebagainya ini diurus oleh satu kumpulan lain. Bukan orang yang sama menguruskan perkara yang berbeza-beza itu maksudnya.

Jadi tidak ada jadi halangan dan pada pandangan saya tidak jadi sebab kenapa mereka ataupun LHDN tidak boleh melakukan usaha ini. Kalau sekiranya ia boleh membawa dan menjana keuntungan. Betul dia bermotifkan keuntungan tetapi dia mempunyai tanggungjawab juga supaya mungkin melabur di dalam bidang-bidang yang berisiko rendah walaupun pulangan tidak banyak tetapi *generate some income* daripada *source* pendapatan yang diperoleh itu. Akan tetapi kalau sekiranya segala kutipan cukai yang dikutip daripada rakyat dan ini dilabur dan diurus sebagai satu pelaburan lain ha itu saya tidak setuju.

Ini nanti besar dana ini hendak diurus tetapi setakat duit dia yang dapat daripada fi dia hendak urus dia boleh urus dan tidak ada pakar, memang dia boleh cari pakar. Oleh sebab itu kita nasihatkan jangan ada konflik *priority* atau keutamaan ialah memastikan kutipan dikutip dengan sebaik-baiknya dan memberikan pendapatan tunai kepada kerajaan setinggi mungkin. Kalau terpaksa tinggalkan perniagaan, tinggalkan perniagaan untuk memastikan ia berjalan, terlaksana dulu. Jadi LHDN, saya seru supaya mencari pendekatan bagaimana *efficiency* boleh ditingkatkan. Sehingga esok kalau LHDN ini sudah sampai satu ketikanya sudah boleh berdiri sendiri, *self-financing* mungkin fi yang dituntut atau diberikan kepada LHDN ini boleh dikurangkan ke peringkat yang paling minimum dan ini juga merupakan satu keuntungan juga kepada kerajaan di masa akan datang.

Jadi oleh sebab itu, saya cadangkan LHDN supaya mendekati rakyat, mendekati kumpulan peniaga supaya mereka dibimbing, diberi perasaan, diberi kesedaran, supaya sebahagian daripada perniagaan dan kehidupan kita di negara ini ialah untuk membayar cukai.

#### ■1630

Akan tetapi sekarang bukan hendak bayar cukai, malah mereka lari. Sebab itu kita membimbing mereka daripada sebelum. Akan tetapi soalnya kalau mereka sudah untung baru kita pergi cari, mereka mungkin rasa tidak berapa selesa. Akan tetapi kalau daripada awal kita lihat, kita dekati dan mereka memerlukan bimbingan, kita bimbing. Apabila mereka memperoleh keuntungan, saya fikir mereka tidak akan ragu-ragu untuk membuat pembayaran. Khususnya kalau sekiranya Kementerian Kewangan menurunkan lagi cukai pendapatan ini, makin ramai orang akan membayar cukai pada masa akan datang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahaja yang hendak saya sampaikan. Saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**4.31 ptg.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan LHDN. Peranan utama LHDN adalah untuk memungut cukai dengan baik dan efisien. Dengan tujuan LHDN juga untuk melibatkan diri secara aktif dan terus dalam perniagaan, kemampuan untuk LHDN memberi tumpuan khusus akan terjejas. Pada tahun lepas, kita tahu, kita telah melihat kekurangan kadar cukai pendapatan kepada syarikat-syarikat korporat walaupun mereka mempunyai keupayaan untuk membayar. Dalam masa yang sama juga peniaga sederhana kecil dibebani dan dibimbangi dengan prospek cukai baru termasuk juga GST pada tahun depan.

Dalam slogan kerajaan '*Rakyat didahulukan*', kita menjangka sudah tentu keutamaan diberi kepada rakyat-rakyat bawahan yang kurang mampu. Akan tetapi malangnya dengan dua contoh yang saya sebutkan tadi iaitu cukai korporat yang diturunkan dan GST yang akan membebani orang ramai, ini akan memudaratkan lagi orang ramai dan orang yang kurang mampu. Adalah difahamkan pihak peniaga-peniaga korporat besar mempunyai pengaruh besar di dalam polisi kerajaan dalam mengambil *approach* atau melobi, merangka struktur cukai pendapatan. Di mana beban kutipan akan dialihkan lebih kepada golongan yang lebih ramai walaupun mereka kurang berkemampuan.

Di manakah letaknya *social justice*, dengan izin, dalam konsep masyarakat penyayang kerajaan jika rakyat biasa tidak diberikan keutamaan dalam segi mengurangkan bebanan cukai kepada mereka. Dalam Islam pula, konsep cukai zakat dua setengah peratus adalah contoh keadilan yang tidak membebankan ramai rakyat biasa yang kurang berkemampuan. Mereka yang berada dan mampu, wajib membayar cukai zakat dan orang-orang kaya mempunyai kemampuan yang lebih digalakkan menderma kekayaan mereka. Inilah aspek-aspek *social justice* yang patut LHDN berikan tumpuan dan untuk kesejahteraan orang ramai.

Bukanlah hendak masuk dalam bidang perniagaan pula bersaing dengan mereka yang mereka cukai. Ini juga akan menimbulkan *conflict of interest*, dengan izin, yang tidak adil. Di mana mereka mempunyai maklumat rahsia berhubung persaingan dengan mereka yang mereka akan bersaing, dengan izin, *it is not the government's business to go into business*. Banyak masalah baru yang akan timbul daripada segi *accountability*, *impartiality* dan *conflict of interest*, dengan izin.

Soalnya, kenapa LHDN hendak melibatkan diri dalam perniagaan setelah banyak GLC dan badan-badan lain telah menunjukkan prestasi yang kurang baik. Apa yang disebutkan tadi tentang kerugian KWSP dalam isu Mamimco pada tahun 1985 iaitu RM1.6 bilion. Pada tahun 1985, RM1.6 bilion merupakan satu wang yang amat-amat banyak. Ini membayangkan keadaannya apabila sebuah syarikat melabur dengan wang yang bukan daripada hak titik peluh mereka tetapi wang orang banyak risiko yang diambil tanpa banyak fikiran yang mendalam. Kerajaan pada isu Mamimco tahun 1985 telah memakan begitu banyak masa untuk mengakui kesilapan dan juga kerugian yang akhirnya terpaksa

didedahkan. Ini juga merupakan zaman BMF dan Bank Bumi yang juga hari ini sudah tiada lagi.

Kita patut mengambil iktibar bahawasanya tidaklah menjadi satu sikap atau tindakan yang bijaksana untuk melibatkan terlalu banyak badan kerajaan untuk melibatkan diri dalam *corporate sector* yang besar. Sepatutnya LHDN menumpukan dalam bidang kutipan cukai yang baik tanpa menyusahkan rakyat sambil mencari cara untuk meringankan cara bayaran cukai bagi mereka yang kurang berkemampuan dan kurang modal pusingan dan perniagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat bersetuju tidak bahawa walaupun Yang Berhormat bawa tadi hujah KWSP dalam isu Mamimco kan? Akan tetapi itu satu yang agak berlainan dengan isu pelaburan yang awalnya dicadangkan hari ini masih ada lagi ruang-ruang pelaburan dalam akta ini melalui LHDN ini. Ini kerana KWSP— saya fikir bahawa memang wajar untuk dia melabur sebab dia bertanggungjawab untuk memulangkan keuntungan kepada caruman, pencarum-pencarum yang mencarum dalam KWSP, begitu juga dalam Tabung Haji.

Akan tetapi dalam LHDN ini, ia agensi pengutip cukai. Seharusnya dan sewajarnya cukai yang dikutip itu harus diberikan pulangan keuntungan itu kepada rakyat tanpa memberikan pelaburan dalam apa-apa bentuk pelaburan ataupun perniagaan. Ini kerana ia akan memberikan risiko yang tinggi kerana untung rugi akan menyebabkan akhirnya hilang begitu sahaja. Macam syarikat umpamanya MAS, Sistem Penerbangan Malaysia. Akibat daripada tidak ada kecekapan, kesilapan yang begitu besar, akhirnya tutup kedai. Tahun depan ada syarikat baru. Bermakna tutup kedai, syarikat lama tutup kedai. Habis, sudah tidak boleh hendak buat apa, tutup kedai. Jadi, kita tidak mahu nanti bahawa akhirnya akan terjadi kepada LHDN yang akan memakan wang rakyat, wang hasil cukai yang sepatutnya pulangannya itu terus kepada rakyat. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan tadi. Saya rasa apa yang merupakan kebimbangan besar kita adalah apabila sesuatu badan atau kumpulan peniaga berniaga dengan modal yang bukan daripada titik peluh usaha mereka sendiri tanpa latar belakang korporat yang sesuai, risikonya amat tinggi. RM1.6 bilion Mamimco pun pada hari ini merupakan satu jumlah wang yang besar. Akan tetapi hari ini, apa pula *exposure* kepada pelaburan yang mungkin akan dikenakan melalui LHDN yang mempunyai dana yang begitu besar dan amat lumayan.

Di situlah saya rasa letaknya bahaya dan *conflict of interest*. Di mana hari ini pun walaupun LDHN belum terlibat dalam *business* tetapi nampak cara dia merangka struktur *income tax*, cukai pendapatan tidak memberikan pertimbangan yang sepatutnya kepada mereka yang perlu *relief* atau perlu kelonggaran daripada segi membayar dalam waktu-waktu kewangan mereka yang amat sempit. Akan tetapi peniaga-peniaga besar, *billionaire* dan sebagainya seperti yang disebutkan pagi tadi seperti Tan Sri Syed Mokhtar dan

sebagainya ada pengaruh, ada *lobby power* dan sebagainya untuk meminta kelonggaran. Di situlah letaknya ketidakadilannya, *select of social justice*. Di mana hanya mereka yang berkuasa dan berwang mendapat kelonggaran. Di mana peniaga-peniaga kecil dan sederhana terus ditekan dengan kehidupan yang amat menyusahkan mereka.

Di situlah saya amat bimbang dan kita rasa kita perlu memikirkan balik. Kalau sekarang pun LHDN tidak memikirkan perkara-perkara macam ini, apatah lagi apabila mereka masuk dan berkecimpung dan berlagak seperti ahli-ahli korporat yang berniaga dengan wang yang bukan kepunyaan mereka tetapi kepunyaan orang ramai. Itulah yang menjadikan satu kebimbangan kita. Bukan kita tidak merestui sesebuah badan kerajaan untuk masuk dalam perniagaan tetapi LHDN ini ada tanggungjawab yang lebih besar, yang lebih sensitif terhadap masyarakat. Terutamanya kepada masyarakat yang memerlukan perlindungan dan *tax relief*, dengan izin, yang sepatutnya diberikan.

#### ■1640

Akhir sekali, ialah apa yang saya ingin katakan sebagai penghujungnya adalah LHDN adalah badan yang kritikal kepada kerajaan dan juga masyarakat dan perlu menumpukan sebaik-baiknya kepada tugas utama mereka. Bukan hanya untuk mengutip hasil tetapi di dalam waktu yang kita hadapi hari ini yang mana harga minyak dan sebagainya naik dan kos kehidupan yang tinggi dan kos *production* yang tinggi, ramai masyarakat memerlukan *tax relief* atau kelonggaran pembayaran balik dengan skim yang kita perlu bayar *tax* sebelum akhir tahun dan sebagainya, inilah patut diberi tumpuan. Bukan untuk menceburi satu bidang yang lain yang mana mereka tidak mempunyai pengalaman dan tidak mempunyai kepakaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Menteri. Tidak ada lagi? Tidak ada hendak bahas lagi? [Disampuk]

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Mana Menteri, mana Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Nerus hendak bahas? Ya sila Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tarik balik, tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak ada, tidak ada.

#### 4.41 ptg.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Batalkan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Nerus dahulu berbahas.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Speaker. Oleh kerana Menteri lambat masuk, saya berpeluang sedikitlah untuk berucap dan membahaskan Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan). Apabila dibahaskan isu pelaburan melibatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri, saya teringat perbahasan yang dibincangkan oleh

para alim ulama Islam berkaitan isu pelaburan zakat dan juga sebenarnya menjadi isu dalam kalangan banyak negeri-negeri Islam selain daripada Malaysia.

Pertama sekali yang dibahaskan ialah adakah zakat itu untuk dilaburkan atau untuk diagihkan? Itu persoalan pertama yang dibahaskan. Samalah juga dengan isu Lembaga Hasil Dalam Negeri yang kita bincang pada hari ini. Adakah fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri ini untuk kutip dan kemudian diberikan kepada kerajaan untuk digunakan sebagai hasil pendapatan negara atau untuk diniagakan. Ini persoalan yang sama yang perlu kita bincangkan. Majoriti ulama menyatakan zakat bukan untuk diniagakan. Zakat untuk diagihkan. Berilah kepada korporat-korporat, orang yang pandai berniaga untuk berniaga dan mereka bayar zakat dan zakat digunakan untuk diagihkan kepada rakyat.

Walaupun begitu, ada segelintir yang menyatakan boleh diniagakan tetapi dengan syarat yang sangat ketat. Syarat yang pertamanya ialah memang zakat itu telah diagihkan sepenuhnya kepada seluruh mereka yang berhak mendapatkan zakat, hingga berlaku lebih daripada harta zakat, barulah boleh diagihkan. Erti konsepnya, ada lebih. Isu kita hari ini, adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri yang dikatakan bakal mengumpul pada tahun ini sebanyak RM140 bilion, adakah jumlah itu adalah jumlah yang cukup untuk cover seluruh kos pengurusan negara? Jawapannya tidak. Maka, di kala tidak cukup dana yang ada itu untuk digunakan sebagai pendapatan negara, maka tentulah lebih aulā' tidak digunakan sebagai bahan pelaburan, itu yang pertama.

Kedua, syaratnya ialah kalau ada lebih, dilaburkan kepada perniagaan yang tidak ada risiko rugi. Persoalannya ialah, adakah di sana *business* yang tidak ada risiko rugi? Jawapannya, tidak ada. Apabila sebut *business*, mesti ia ada kebarangkalian untung dan ada kebarangkalian rugi. Rugi walaupun sedikit tidak ada dan rugi itu merisikokan wang rakyat. Oleh sebab itulah saya sangat tidak ada menyokong untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri dilibatkan untuk urusan perniagaan, apatah lagi kalau kita merujuk kepada satu kaedah al-Quran. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "Allah SWT tidak jadikan dalam hati seseorang itu dua hati". Dalam rongga seseorang itu dua hati.

Maksudnya, cerita fokus. Kalau LHDN fokusnya adalah mengutip, kerja mengutip sahajalah. Mesti fokus kerja mengutip tadi. Buatlah sehebat mana pun, buatlah kursus apa pun, macam-macam mana pun, untuk semaksimum boleh kutip, bukan kerja untuk berniaga. Apabila kita berikan kepada orang yang tidak layak, untuk buat kerja mereka tidak layak, maka rosaklah dunia. Inilah yang disebut oleh Nabi SAW. [*Membaca sepotong hadis*] "Apabila disandarkan satu urusan kepada orang yang bukan pakarnya, maka tunggulah kiamat". LHDN bukan kepakarannya berniaga. Maka, janganlah masuk bidang perniagaan, pelaburan dan sebagainya, ia akan merisikokan duit rakyat.

Itulah sedikit yang saya hendak sebut, harapannya mendapat perhatian kerajaan pada hari ini. *Wallahu Taala*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) atau LHDNM. Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Kuala Nerus, terima kasih. Saya tadi minum sebentar. Ingat panjang lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kutipan cukai, kita ada dua jenis. Satu cukai langsung, satu cukai tidak langsung. Cukai langsung ini dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cukai langsung terdiri daripada cukai pendapatan individu, cukai korporat, RPGT iaitu cukai Keuntungan Harta Tanah dan juga duti setem. Itu disebut sebagai cukai langsung dan ia dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cukai tidak langsung iaitu cukai SST yang ada sekarang ini, cukai jualan dan juga perkhidmatan. Duti eksais dan duti kastam adalah dikutip oleh kastam. Jadi kita ada dua cukai, cukai langsung dan juga tidak langsung.

Hasil cukai langsung yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sejak tahun 2000, yang saya ingin kongsi di sini. Pada tahun 2000, kutipan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ialah sebanyak RM29.1 bilion, pertumbuhan 7% pada tahun sebelumnya. Tahun 2001 adalah sebanyak RM40.21 bilion, 44% peningkatan. Tahun 2002, adalah sebanyak RM44.3 bilion, 5%. Tahun 2003 adalah sebanyak RM43.01 bilion, merosot 3%. Tahun 2004, meningkat 13%, RM48.7 bilion. Tahun 2005 adalah sebanyak RM53.5 bilion, 10% peningkatan. Tahun 2006 adalah sebanyak RM61.5 bilion, 15%. Tahun 2007 adalah sebanyak RM69.3 bilion, 13%. Tahun 2008 adalah sebanyak RM82.1 bilion, peningkatan sebanyak 18%. Tahun 2009, merosot 4.6% kepada RM 78.3 bilion tetapi kemudian meningkat 0.8%. Tahun 2010 adalah sebanyak RM79 bilion, tahun 2011 berjumlah RM102.2 bilion, peningkatan mendadak 29.4%, tahun 2012 berjumlah RM116.9 bilion, peningkatan 14.4%. Tahun 2013 berjumlah RM120.5 bilion, 3.1% meningkat dan anggaran pada tahun ini, RM133.1 bilion, peningkatan 10.5%.

Jadi, apabila kita melihat peningkatan yang begitu banyak mulai tahun 2011 - 29%, tahun 2012 -14%, tahun 2013 - 3.1%, tahun 2014 - 10.5%, pada pandangan kita adalah elok supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ini menjadi badan berkanun yang diberikan kuasa autonomi terhadap dua perkara. Kita telah maklumkan apakah dua perkara itu. Pertama ialah daripada segi pengambilan staf dan yang kedua melalui pengurusan kewangan.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, bagaimana pengalaman dalam mengutip cukai dan keberkesannya kepada rakyat. Apakah benar terdapat jutawan dapat menjalankan tanggungjawab dan tidak mendapat kelonggaran daripada membayar cukai. Lembaga Hasil mempunyai iltizam untuk menguatkuasakan seluruh perundangan cukai yang ditadbir tanpa memilih bulu secara sama rata meskipun melibatkan golongan yang terkaya di Malaysia.



**■1650**

Lembaga Hasil Dalam Negeri akan memastikan kesemua punca perniagaan yang dijalankan di Malaysia ditaksir dengan betul. Kesemua tanggungan cukai juga perlu dibayar dalam tempoh sepatutnya. Jika berlaku kelewatan, penalti lewat akan dikenakan. Bagaimanapun, sebagaimana layanan kepada seluruh pembayar cukai, tanggungan cukai boleh dibayar secara ansuran mengikut kemampuan kewangan sebenar mereka khususnya apabila melibatkan taksiran tambahan setelah aktiviti audit cukai dan siasatan cukai dilakukan.

Isu pengeluaran wang panas, *illicit fund* dengan izin, ditangani oleh Lembaga Hasil bersama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Bank Negara, kastam, Polis, SPRM yang terlibat dengan AMLATFA, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan yang telah pun kita pinda baru-baru ini. Jika ada bukti wujud aktiviti pelarian cukai, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Berhubung dengan pertanyaan jumlah cukai pendapatan yang dibayar oleh 20 orang individu terkaya di Malaysia, mengenai cukai syarikat mereka itu kita boleh dapati, itu mudah. Akan tetapi cukai individu itu, Lembaga Hasil sentiasa mengambil maklum peningkatan pendapatan yang dipaparkan di media massa dan membandingkannya dengan pelaporan pendapatan tahunan. Sebenarnya secara tidak langsung mereka juga adalah antara penyumbang cukai terbesar di negara kita.

Bagaimanapun, Lembaga Hasil terikat kepada peruntukan kerahsiaan maklumat percukaian individu di bawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan dan tidak boleh mendedahkan amaun cukai individu sebenar yang dibayar oleh mereka selaras dengan seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menyatakan dengan izin, "*Every classified person shall regard and deal every classified material as confidential.*" Jadi cukai pendapatan individu mereka yang terkaya itu kita tidak boleh dedahkan mengikut akta.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kementerian Timbalan Menteri umumkan *collection* 20 orang yang tertinggi? Kita tidak payah *go to specific* setiap orang tetapi jumlah daripada 20 orang tersebut. Kita mahu tengok adakah mereka benar-benar menyumbangkan kepada dana LHDN. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Pada saat dan ketika ini angkanya tidak ada. Kemudianlah kalau tidak melanggar akta ya.

Kemudiannya Yang Berhormat Bagan, kutipan cukai Lembaga Hasil dan Kastam mengikut negeri Pulau Pinang dari tahun 2009 sehingga sekarang. Ini kedua-dua cukai langsung dan cukai tidak langsung dari tahun 2009 untuk Pulau Pinang. Pada tahun 2009, kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung di Pulau Pinang adalah RM3.78 bilion; tahun 2010 – RM4.14 bilion; tahun 2011 – RM4.83 bilion; tahun 2012 – RM5.34 bilion; dan tahun 2013 – RM5.78 bilion.

Mengenai kenapa tiga peratus, kita perlu memaklumkan kepada Yang Berhormat Bagan bahawa sumbangan balik kepada kerajaan-kerajaan negeri ini bukan hanya yang

tiga peratus itu tetapi yang penting ialah pembangunan-pembangunan yang kita buat di negeri itu termasuklah di Pulau Pinang dan negeri-negeri lain. Kalau kita melihat jambatan sahaja sudah banyak bilion yang kita serah balik secara langsung, secara tidak langsung pada kerajaan negeri.

Kemudian perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan juga, dokumen selama enam tahun kenapa diperlukan untuk urusan siasatan. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Hasil menjalankan siasatan menurut SOP yang telah ditetapkan iaitu Rangka Kerja Siasatan dan Audit dengan izin, *Investigator and Audit Framework*. Pembayar juga sedia maklum mengenai rangka kerja tersebut yang boleh dimuat naik dalam laman web Lembaga Hasil.

Berhubung pertanyaan mengenai tempoh enam tahun bagi tempoh simpanan dokumen, ia dibuat menurut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tujuan memeriksa peningkatan aset modal berbanding pelaporan pendapatan agar tanggungan cukai pendapatan sebenar dapat ditentukan.

Kemudian Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain yang menimbulkan banyak tentang syarikat, peruntukan yang membolehkan Lembaga Hasil menubuhkan syarikat dalam fasal 7. Ini yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat.

Cadangan membolehkan Lembaga Hasil menubuhkan syarikat bertujuan memastikan kecekapan pengurusan Lembaga Hasil. Ia masih diperlukan dan berbeza dengan cadangan penubuhan panel pelaburan yang dibatalkan. Penubuhan syarikat akan membolehkan beberapa aktiviti tertentu dilaksanakan secara lebih berkesan menerusi entiti seperti aktiviti latihan percukaian, pembangunan teknologi maklumat serta pengurusan aset bangunan yang kini dimiliki oleh Lembaga Hasil. Tiga perkara ini ya.

Itu pun saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita memberikan peratusan yang tertentu sebagai fi kepada Lembaga Hasil. Keseluruhan RM133 bilion itu kita masukkan dalam akaun yang disatukan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sekejap. Masuk dalam akaun yang disatukan. Kemudian kita akan memberikan fi yang tertentu kepada Lembaga Hasil. Katalah 1.5%. Fi ini belum lagi diputuskan berapakah peratusannya. Daripada 1.5% itu, segala wang itu akan digunakan untuk membayar gaji 11,000 kakitangan Lembaga Hasil. Kemudian memberi bonus kepada kakitangan itu ya. Kemudian kos-kos pengurusan, OE yang lain yang diurus, yang diperlukan oleh Lembaga Hasil. Katalah sekitar RM2 bilion misalnya. Daripada RM2 bilion itu, apabila ditolak segalanya mungkin akan tinggal RM5 juta agaknya. RM5 juta daripada saat dan ketika ini kita masukkan dalam *fixed deposit*.

Mengapa kita pada asalnya, sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Pokok Sena, apakah tujuan pelaburan pada permulaan apabila kita membentangkan akta ini. Tujuannya adalah untuk yang RM5 juta itu misalnya yang baki daripada fi setelah ditolak sebagaimana kata Yang Berhormat Jelebu, ditolak segalanya itu, baki fi itu boleh dilabur seperti membeli bangunan baru untuk Lembaga Hasil. Akan tetapi sekarang ini tidak bolehlah. Sekarang ini mereka hanya boleh masuk dalam *fixed deposit* sahaja.

Mengapa kita beri penubuhan syarikat ini? Apakah tujuannya? Tujuan Lembaga Hasil sebagaimana ramai Ahli Yang Berhormat termasuk yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Nerus bahawa tujuannya tidak lain tidak bukan, banyak lagi Ahli Yang Berhormat yang menyebut, bahawa untuk mengutip hasil. Oleh kerana itu, pengurusan latihan untuk percukaian misalnya sekarang ini diuruskan oleh Akademi Percukaian, memang sudah ada ya, memang sudah ada saya tidak nafi. Memang sudah ada akademi itu saya pun sudah pergi beberapa kali di kawasan Serdang. Jadi Yang Berhormat Serdang ada menyebut, memang betul.

Akan tetapi kita tidak mahu kerja-kerja pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri ini menguruskan perkara-perkara seumpama itu. Mengurus bangunan, segala *IT system* dan sebagainya. Baik kita wujudkan misalnya tiga syarikat. Satu yang menjaga latihan percukaian. Biar syarikat dan anak syarikat itu yang menguruskan. Anak syarikat satu lagi ialah menguruskan bangunan yang begitu banyak di seluruh Malaysia ini. Biar anak syarikat itu yang menguruskan, bukan pegawai Lembaga Hasil. Memang pegawai Lembaga Hasil tujuannya untuk mengutip cukai. Itu sebab kita hendak wujudkan syarikat itu supaya yang mengutip cukai itu mengutip cukai sahaja kerjanya dan mengurus bangunan dan kemudian hendak memberi latihan, hendak membeli sistem IT yang begitu berubah dari semasa ke semasa, biar anak syarikat itu yang urus, bukan pegawai-pegawai yang mengurus. Jadi itu tujuan kenapa kita memasukkan satu fasal mengenai penubuhan anak syarikat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Hendak minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak rujuk kepada laporan tahunan bukan sahaja tahun 2012 tetapi juga tahun 2011 dan 2010. Sebenarnya keuntungan ataupun surplus yang dinikmati oleh LHDN bukan RM5 juta, bukan satu amaun yang kecil seperti itu. Mengikut Laporan Tahunan 2012, keuntungan LHDN adalah RM74.3 juta; keuntungan tahun 2011 – RM73 juta; dan keuntungan tahun 2010, surplus itu memang lebih daripada RM100 juta. Saya rasa sekarang *accumulated surplus* ataupun kumpulan terlebih itu telah mencecah lebih daripada RM600 juta.

Jadi saya rasa dari segi pelaburan itu lebih baik jikalau surplus ini bukan dilaburkan untuk beli bangunan dan sebagainya.

#### ■1700

Saya beri satu contoh seperti gudang LHDN di kawasan saya di Bangi, di Seksyen 7 yang dekat dengan Malaysian GreenTech, pejabat Malaysian GreenTech itu melaburkan dan menggunakan banyak duit termasuk tergendala untuk masa yang lama dan masuk ke dalam Laporan Ketua Audit Negara, *report* tahun 2012 juga. Jadi saya rasa kalau benar-benar hendak wujudkan anak syarikat janganlah melabur dalam bangunan dan sebagainya, kerana ada banyak kemungkinan *accumulated* selepas ini akan dibazirkan ataupun diselewengkan dalam projek-projek seperti ini. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Serdang, pegawai-pegawai belakang akan memberi maklumat sebentar lagi tentang apa yang

disebut oleh Yang Berhormat Serdang itu. Yang Berhormat Lenggong, apakah kutipan cukai terkini oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tadi saya sudah menyebut kutipan sebenar cukai langsung oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tahun 2013 dan juga pada tahun 2014. Tahun 2013 RM120 bilion, tahun 2014 anggaran RM133 bilion. Yang Berhormat Lenggong juga apakah tujuan sebenar autonomi tadbir urus kewangan dan sumber manusia. Salah satu hasrat Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi mendapatkan autonomi tadbir urus kewangan sumber manusia adalah bagi meningkatkan kepakaran percukaian pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri berikutan pelbagai cabaran isu serta perubahan yang berlaku dalam transaksi perniagaan rentas sempadan dan percukaian.

Ini boleh dicapai dengan memberi pendedahan meluas dalam bentuk latihan di dalam dan luar negeri kepada pegawai khususnya dengan kerjasama agensi percukaian antarabangsa seperti negara-negara OECD dan World Bank. Lembaga Hasil Dalam Negeri juga berhasrat untuk mampu membawa pakar percukaian dan juga industri khusus dari dalam dan luar sebagai sebahagian tenaga kerjanya bagi memastikan hak mencukai negara terus terpelihara dan pada masa yang sama meningkatkan pengetahuan pegawai dalaman yang sedia ada.

Yang Berhormat Kelana Jaya cadangan *capital gains tax* dan juga *inheritance tax* iaitu cukai keuntungan modal dan cukai warisan. Pada masa ini kerajaan telah melaksanakan cukai ke atas keuntungan modal separa iaitu ke atas hartanah dan saham dalam syarikat hartanah. Kerajaan akan mengkaji dari semasa ke semasa cadangan cukai ke atas keuntungan modal *capital gains tax* dan setelah kita mengambil kira sebagai faktor seperti kedudukan ekonomi dan daya saing negara. Sebarang kajian dasar percukaian semestinya akan melibatkan pihak berkepentingan bagi mendapatkan input dan pandangan bagi memastikan dasar cukai adalah adil dan tepat kepada kumpulan sasaran.

Mengenai *shadow economy* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa. Bagaimana kita boleh mengurangkan *shadow economy* ini dengan izin atau pun ekonomi terlindung yang dianggarkan saiznya sekitar 30% daripada KDNK. Setelah diberi autonomi kelak Lembaga Hasil Dalam Negeri memang berhasrat untuk memberi tumpuan bagi memastikan golongan yang terlibat dalam *shadow economy* dengan izin untuk turut tertakluk kepada jaringan cukai. *Shadow economy* ini maksudnya orang tipu cukai, orang tidak bayar cukai, orang yang lari cukai, orang yang bayar cukai sepatutnya RM10 juta tapi bayar cuma RM5 juta misalnya itu semua termasuk dalam *shadow economy*. Ini supaya mereka ini termasuk dalam jaringan cukai negara dan membayar tanggungan cukai masing-masing. Sebanyak 30% oleh KDNK ini adalah sangat besar dengan apa yang kita lakukan pada Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dan juga dengan GST. Harapan kita 30% boleh dikurangkan kepada 10% hingga 15%. Masih ada lagi yang lari cukai ini.

Akan tetapi negara-negara maju, negara-negara membangun hasil daripada kajian World Bank, Malaysia sebanyak 30% *shadow economy* yang lari cukai, yang tidak bayar cukai ini. Akan tetapi negara-negara maju 30% itu berkurangan separuh antara 10% hingga 15%. Antara sebabnya ialah kerana kecekapan pengutipan cukai dan satu lagi sebab ialah kerana GST. Pelaksanaan GST akan membuka ruang kerjasama dengan Kastam. Lembaga Hasil Dalam Negeri dan kastam telah menandatangani satu perjanjian, satu

persefahaman iaitu kerjasama audit dan perbandingan rekod antara dua agensi ini. Jadi tidak boleh hendak lari lah mulai 1 April tahun 2015, minta maaf lah ya.

Seterusnya aktiviti siasatan cukai tertumpu kepada yang terkurang lapor dan tiada rekod perniagaan yang lengkap. Ini yang disebut oleh Yang Berhormat Titiwangsa. Perlu tingkatkan kepakaran dalam pelbagai sektor perniagaan bagi memastikan percukaian berkesan dilaksanakan. Kita ucap terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa atas pandangan itu dan pemberian autonomi tidak diurus sumber manusia akan membolehkan Lembaga Hasil Dalam Negeri meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang. Sekarang ini semua kena rujuk kepada JPA Ahli-ahli Yang Berhormat ya? JPA ini pula ia kena *queue* lah kerana ada 28 kementerian dan ada berpuluh lagi agensi yang lain yang memohon tambahan perjawatan dan sebagainya. Itu Lembaga Hasil Dalam Negeri salah satu daripada yang berpuluh-puluh itu.

Akan tetapi kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh mengambil sendiri dan boleh *hired and fired* dengan izin *staff* mereka itu maka ia menjadi lebih cekap. Menerusi latihan yang meluas di samping menggajikan pakar-pakar dari luar yang mempunyai kepakaran. Ini sudah pasti dapat meningkatkan keberkesanan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang akan memastikan hasil cukai negara akan terpelihara dan meningkat. Kemudian Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bayan Baru penubuhan syarikat ini juga saya telah jawab tadi. Lembaga Hasil Dalam Negeri mesti mendapat kebenaran Menteri untuk mewujudkan dan menubuhkan syarikat itu.

Tata urus penubuhan syarikat ini mestilah konsisten dengan fungsinya seperti mana diisyaratkan oleh undang-undang iaitu sebagai agen kutipan langsung negara. Penubuhan syarikat bukannya bertujuan perusahaan, akan tetapi Lembaga Hasil Dalam Negeri dibenarkan untuk menubuhkan syarikat oleh Menteri untuk menjadikan Lembaga Hasil Dalam Negeri lebih cekap. Fokus kepada agen mengutip cukai manakala perkara lain seperti akademi, penyelenggaraan aset, bangunan dibuat oleh syarikat berkenaan. Ini saya sudah sebutkan tadi.

Kemudian Yang Berhormat Sepang, Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak sewajarnya terlibat dengan pelaburan. Kita sudah kata tiada sudah bab itu. Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak perlu menubuhkan syarikat, saya sudah jawab, tidak bersetuju Lembaga Hasil Dalam Negeri terlibat dengan kutipan pinjaman pelajaran PTPTN, lari dari fungsi sebenar Lembaga Hasil Dalam Negeri. Seramai 552,000 orang peminjam PTPTN langsung tidak membayar walau satu sen pun sejak PTPTN ditubuhkan. Seramai 552,000 ya Yang Berhormat Lenggong. Betul Yang Berhormat Lenggong? Betul ya pengerusi PTPTN. Kita kena berbuat sesuatu terhadap lebih setengah juta orang peminjam PTPTN ini.

Jadi Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu melibatkan diri untuk membantu supaya PTPTN boleh terus memberikan pinjaman kepada generasi yang akan datang, kepada pelajar yang akan datang. Kita harap seramai 552,000 itu bertaubatlah. Hutang wajib dibayar walau tidak dituntut, kepada orang Islam dan kepada orang bukan Islam yang tidak membayar balik hutang PTPTN itu. Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya kepada - Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri dilibatkan dalam memungut kembali wang pinjaman daripada pelajar-pelajar ini, apakah ia punya skim, apakah perjanjian? Adakah imbuhan berapa banyak yang akan diberikan kepada LHDN hasil daripada kutipan itu. Macam mana *arrangement*, satu. Dari segi kejayaan kutipan itu setelah mula ia mainkan peranan itu sampai sekarang? Berapakah ia punya peratus pencapaiannya. Tentang bertaubat itu saya rasa kerajaan pun bertaubatlah membazir banyak, zalim pada orang, ini pun kena bertaubat juga. Bertaubat ini bukan setakat suruh orang lain juga, kita pun bila janji hendak hapuskan Akta Hasutan lepas itu bohong, itu pun. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* “Tunaikan janji jangan bohong”. Itu pun kena bertaubat juga. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *[Ketawa]* Aduh. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Itu polemik politik. Kita mengharapkan agar pulangan daripada kutipan PTPTN itu akan meningkat dari semasa ke semasa. Saya memang lah tidak ada angka segala-galanya. Kemudianlah Yang Berhormat Sepang kita bagi angka itu ya. Kemudian Yang Berhormat Serdang. Yang Berhormat Shah Alam hendak bercakap? Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi berhubung dengan hendak berikan kuasa *hired* dan *fired* kepada LHDN dan alasan yang diberikan ialah kerana JPA itu terlalu sibuk dan tidak cukup cekap lah ya. Maka sekiranya diberikan kepada LHDN autonomi ini, kemampuan dan kuasa untuk *hired dan fired* maka dengan itu LHDN akan menjadi lebih cekap.

#### ■1710

Saya merasakan hujah itu merupakan satu hujah yang boleh dipakai oleh semua. Maka adakah pihak kerajaan bercadang untuk memberikan autonomi ini kepada semua badan yang lain kerana kiranya ia baik bagi LHDN untuk bertindak tanpa bergantung pada JPA, maka semestinya ia juga adalah baik kepada badan-badan yang lain.

Saya merasa bagi pihak JPA, agak kecewalah dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kerana seolah-olahnya menyalahkan JPA pula atas ketidakcekan LHDN. Adakah ini benar ataupun kementerian sendiri yang menyekat dan mengongkong pihak JPA? Lalu agak malanglah tidak ada pegawai JPA yang boleh bercakap untuk membela diri dan kita terpaksa menerima penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa kononnya JPA ini tidak cekap dan tidak ada penyelesaian selain daripada membebaskan LHDN dan selepas itu kemungkinan badan-badan kerajaan yang lain semuanya daripada JPA supaya hendak mendapatkan kecekapan yang diinginkan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih. Hendak cakap, sila bangun ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu memang kepakaran Yang Berhormat Shah Alamlah dia putar, spin.. *[Ketawa]* Kadang-kadang tak perlu hendak menjawab orang-orang macam Yang Berhormat Shah Alam ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tak *spin!* Saya menggunakan hujah Yang Berhormat Menteri. Mana ada *spinnya?* Yang Berhormat Menteri sendiri yang cakap..

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya tak ada...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** JPA banyak hendak jaga..

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Banyak kerja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, banyak kerja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya tak cagak mereka tak cekap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, kalau sudah kata terpaksa tunggu, lambat, menyebabkan semua tergendala, maka LHDN tak boleh cekap oleh sebab JPA lambat. Hanya hendak mendapatkan kecekapan, kena bebaskan daripada JPA. Bukan itu maksudnya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, terima kasih atas putar-belit Yang Berhormat Shah Alam. *[Ketawa]* Kadang-kadang ada yang patut dijawab, ada yang tak patut dijawab pun. *[Ketawa]* Lembaga berkanun ini memang banyak. Ada beberapa seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentera, KWSP, KWAP, kemudian PERKESO, Tabung Haji dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri. Yang lain itu semua mempunyai kuasa untuk *hire and fire* tadi. Sekarang ini kita hendak memberikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagaimana badan-badan berkanun yang lain mempunyai autonomi dalam pengambilan pekerja dan juga dalam pengurusan kewangan. Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya bersetuju kalau dalam usaha kita hendak jadikan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini sebagai satu badan yang hebat, maka antara ciri-ciri utama yang perlu diberikan penekanan adalah soal tadbir urus sumber manusianya. Sekarang ini memang sudah cukup bagus kalau ukuran yang saya sebutkan tadi berasaskan kepada pencapaian dan jumlah kutipan yang dibuat. Kalau itu ukuran dia, ia menunjukkan bahawa Lembaga Hasil ini memang sudah bagus. Cuma akta ini mahu membolehkan Lembaga Hasil lebih bagus lagi. Saya rasalah, kalau ia masih lagi bergantung pada JPA, maknanya, *queue* itu satu, tetapi ia tidak bolehlah melantik pegawai-pegawai lain daripada jabatan-jabatan yang ada. Maknanya ia kena samalah sebab skim yang sama. Jadi apakah betul bahawa Lembaga Hasil ini ia hendak skim sendiri supaya ia boleh buat urus tadbir yang baik sesuai dengan peranan dan tanggungjawabnya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Betul. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong dan saya ingin berkongsi dari segi perjawatan. Sebagai maklumat kita sahajalah ya. 11,049 perjawatan dalam Lembaga Hasil diisi 10,690, kekosongan 359 pada saat dan ketika ini. Memang betul sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi dan Yang Berhormat Lenggong sebagai Pengerusi PTPTN, saya ingin memaklumkan bahawa pada masa kini Lembaga Hasil tidak diberikan sebarang imbuhan atau bayaran ke atas melaksanakan fungsi kutipan PTPTN yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Serdang menyebut tentang surplus dan saya ingin memaklumkan surplus yang diperolehi oleh Lembaga Hasil pada tahun-tahun yang dinyatakan digunakan bagi menampung kos operasi dan pembangunan Lembaga Hasil yang tidak dapat ditampung melalui bajet kerajaan.

Antaranya adalah pemberian aset dan peralatan pejabat, pembangunan urus sistem komputer serta pembayaran gaji pegawai sambilan dan kontrak. Itu segala surplus yang ada itu untuk membayar perkara-perkara yang saya telah sebutkan. Kemudian, Yang

Berhormat Serdang juga meminta penjelasan mengenai syarikat. Saya sudah memaklumkan tadi.

Kemudian, tujuan Yang Berhormat Pokok Sena, tujuan asal penubuhan panel pelaburan dalam RUU Lembaga Hasil 2014. Tujuan asal panel pelaburan adalah semata-mata untuk membenarkan Lembaga Hasil menubuhkan panel pelaburan yang akan...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, minta sedikit penjelasan sahaja...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya habiskan *paragraph* ini. Tujuan asal panel pelaburan adalah semata-mata untuk membenarkan Lembaga Hasil menubuhkan panel pelaburan yang akan memantau aktiviti pelaburan bagi sebarang lebihan dari penjimatan dan bayaran fi agensi yang diterima setiap tahun agar dilakukan secara berhemah dan bijaksana. Ia bukan untuk melabur yang RM120 bilion itu, bukan untuk melabur RM133 bilion tahun itu. Ia hanya untuk melabur hasil lebihan itu sahaja. Ini yang saya ingin jelaskan di sini dan saya harap Yang Berhormat Pokok Sena puas hatilah tentang perkara itu. Yang Berhormat Pokok Sena puas hati?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bukan isu soal puas hati, tak puas hati. Yang saya tanya yang hari itu pun tak berapa pasti berapa?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Presiden pun jawab.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu sahaja. Maknanya hendak menunjukkan bahawa kita bercakap soal kecekapan. Yang hari itu *hang pa* bentang buat apa? Hari ini *gatai* tarik balik *pasai* apa? Jadi mana soal kecekapan dan sebagainya? Itu persoalan saya. Jadi, soal saya puas hati, tak puas hati, itu satu perkara yang kedua tetapi saya tanya soalnya ialah kenapa dulu bentang, hari ini tarik? Tak fikir panjangkah? Walaupun Yang Berhormat rendah tetapi akal mesti panjang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** [Ketawa] Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Peribadi ini, peribadi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, itu pun soalan saya tak perlu ulaslah. Yang Berhormat Sepang silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Lima suku.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Menteri kata, kalau saya faham tadi, maknanya wang syarikat ini akan dibenarkan untuk melabur juga iaitu dalam wang lebihan tadi. Ini bermakna wang lebihan itu juga adalah wang daripada kutipan cukai rakyat. Jadi bagaimanakah wang kutipan rakyat ini dibenarkan kepada syarikat untuk melabur? Jadi *the moment* kita melibatkan dalam pelaburan ini, ia adalah tertakluk kepada untung dan rugi. Itu yang persoalannya. Adakah kita membenarkan wang rakyat ini diletakkan kepada satu keadaan di mana risiko



akan berlaku? Kalau perniagaan ini kita boleh pasti sentiasa untung, tidak ada masalahlah. Akan tetapi adakah pelaburan ini memang bersifat begitu, sentiasa untung. Ini yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri memperjelaskan. Bolehkah dibenarkan begitu?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, begini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Lembaga Hasil Dalam Negeri ini diberikan fi yang tertentu. Fi itu mungkin 1.5% daripada kutipan. Kalau RM100 bilion, 1.5% RM1.5 bilion. Daripada RM1.5 bilion itu, yang lain itu semua diurus oleh Kementerian Kewangan dan kita adakan bajet tahunan dan kemudian kita bentangkan di sini dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membahar segala apa yang kita bentangkan. RM1.5 bilion itu akan diguna. RM1.5 bilion hingga RM2 bilion itu akan digunakan, pertama, hendak membayar gaji 11,000 staf Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kemudian, apa lagi yang hendak dibuat? Bayar bonus ya. Bonus satu, dua, tiga bulan, empat, lima bulan. Itu terpulang berdasarkan kepada keputusan Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia. Itu pengerusinya. Daripada sembilan ahli lembaga pengarah itu, lima adalah daripada kerajaan. Kemudian, lebih itu sahaja yang boleh, yang telah kita *set aside* dengan izin. Yang lain-lain itu semua digunakan untuk kebajikan rakyat kerana prinsip cukai itu sebagaimana Yang Berhormat tahu juga, Yang Berhormat maklumkan di sini, cukai dikutip oleh rakyat, diproses dalam Dewan ini.

#### ■1720

Cukai dikutip daripada rakyat, diproses dalam Dewan ini. Cukai dikutip daripada rakyat, diproses dalam Dewan Rakyat, dikembalikan kepada rakyat. Prinsipnya itu tidak berubah dan sama ada 1.5% atau 1.3% atau 1.4% atau 1.2% atau 2%, fi itu masih lagi belum diputuskan apabila kita meluluskan rang undang-undang ini. Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi diberitahu oleh Yang Berhormat, jumlah *surplus* itu bukan sedikit. Dia memakan juta juga. Maknanya bukan jumlah yang kecil. Itu persoalannya. Kita punya *concern* ialah apabila *the moment you* pergi kepada pelaburan, dia akan menyebabkan...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak bangun, bangunlah. Sila tanya.

**Seorang Ahli:** Sudahlah itu.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi, saya ingin tanyakan adakah kita telah ada satu peruntukan? Berapakah jumlah lebih itu? Berapa *percent, where's it stated?* Dekat mana?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat Serdang. Sebanyak 1.5% atau kurang atau lebih itu masih belum diputuskan lagi sehingga rang undang-undang ini diputuskan barulah kita akan memutuskan dan kita akan kira. Tadi Yang Berhormat Lenggong ada menyebut tentang KPI. KPI kita pada tahun ini misalnya 140 bilion dan mereka boleh mencapai mungkin 133 bilion, 134 bilion dan 6 bilion mereka tidak capai KPI

itu. Jadi, *negotiation* masih lagi dalam proses dan nanti kita akan buat satu perjanjian antara Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenai jumlah fi dan jumlah berapa banyak. Ia juga bergantung kepada KPI. Apabila kita meletakkan KPI yang tertentu, kita melihat setakat mana boleh dicapai atau tidak oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya sebenarnya sudah habis...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan]:** ...Menjawab segala perkara ini ya, sudah habis.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Cepat saja, cepat saja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat Serdang.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, dua soalan. Soalan pertama ialah tentang latihan percukaian. Jikalau LHDN mahu menubuhkan anak syarikat untuk membuat latihan, adakah ini bermakna bahawa Akademi Percukaian itu, matlamat itu sudah hilang dan tidak perlu lagi. Itu soalan pertama. Soalan yang kedua ialah jikalau anak syarikat ditubuhkan untuk membuat pelaburan, adakah anak syarikat ini masih tertakluk kepada syarat-syarat pelaburan yang sedia ada di bawah Akta LHDN seksyen 28 yang belum lagi dikemaskinikan ataupun diubah. Mungkin kerana ada syarat-syarat pelaburan di bawah seksyen 28 ini yang mengehadkan apa yang boleh, Lembaga itu boleh melabur dalamnya. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, syarat-syarat ini mesti bertujuan yang ada kaitan dengan fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kalau tidak ada kaitan dengan fungsi memang tidak boleh ya. Apakah yang berkaitan dengan fungsi? Satu, hendak menyelenggarakan bangunan mereka. Kita tubuhlah anak syarikat penyelenggaraan bangunan milik 100% Lembaga Hasil Dalam Negeri tetapi diurus secara syarikat dan Akademi Percukaian itu juga diurus dalam bentuk urusan syarikat kerana ia bersesuaian dengan tujuan. Satu lagi ialah mengenai segala perisian komputer. Sekarang ini kita tumpu kepada tiga itu sahaja dan kehendak kita pun tiga itu sahaja. Kalau kita wujudkan syarikat pun, itu sahaja tujuannya. Tidak boleh lebih daripada itu. Hendak beli apa entah pelaburan yang sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sebut itu, tidak adalah setakat ini yang kita telah di maklum. Segalanya itu memerlukan kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kita ada tatacara, tata urus yang berkesan melalui *board of director* atau lembaga pengarah yang kita ada dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Yang akhir, kita ini untuk tahun taksiran, tahun 2012, yang membayar cukai individu. Ini satu angka yang saya ingin kongsi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang membayar cukai di Malaysia ini. Cukai individu 2,235,46 juta orang daripada 13 juta yang bekerja di Malaysia, yang membayar cukai 2.235 juta. Daripada syarikat pula, angka yang ada pada saya 151,78 syarikat yang membayar cukai korporat. Ini dua profil cukai individu dan cukai syarikat. Mudah-mudahan angka-angka ini akan bertambah apabila kita memberikan autonomi sepenuhnya pada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.*

**[Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

### **Fasal 3 [Pindaan]-**

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa fasal 3 rang undang-undang dipinda dengan memotong fasal 3. Pindaan ini bertujuan memotong fasal 3 rang undang-undang untuk menggugurkan cadangan perwujudan Panel Pelaburan dan Lembaga yang sedia ada akan kekal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]**

### **Fasal 5 dan 6 [Pindaan]-**

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa fasal 5 dan 6 rang undang-undang dipinda dengan memotong fasal 5 dan 6. Pindaan ini bertujuan memotong fasal 5 rang undang-undang untuk menggugurkan cadangan memasukkan seksyen baru 27A bagi penubuhan suatu Panel Pelaburan. Fasal 6 rang undang-undang untuk menggugurkan cadangan memperluaskan skop pelaburan kumpulan wang yang boleh dibuat oleh Panel Pelaburan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik terima kasih Tuan Pengerusi. Fasal soalan saya dia tidak jawab pagi tadi. Saya hendak tanya *pasai* apa dulu tak fikir, sekarang baru fikir?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, benda *simple*. Seluruh jentera ada di belakang pegawai penasihat undang-undang kementerian, kemudian AG nya ada. Takkan tidak boleh fikir daripada awal kata, "*Eh, benda ini tidak perlulah*". Sekarang baru fikir.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu saya katakan bahawa pengurusan cincai ini tidak boleh diamalkan dalam kerajaan yang macam ini. Jadi, saya minta penjelasan, pasal apa dulu tak fikir, la baru fikir. Jadi, pasal apa lambat sampai ambil tempoh berapa bulan ya, baru kata ini tidak betul ini ataupun ini tidak perlu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Maran pening pasal ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kena mengekalkan lembaga...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Maran pening masa ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Kuasa lembaga. Jadi, saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Hasrat awal sebagaimana saya sebut tadi ialah hanya lebih daripada pengurusan itu sahaja yang dibenarkan untuk dilabur. Akan tetapi oleh kerana banyak kontroversi disebut sana sini, disebut oleh Yang Berhormat Serdang tadi dengan segala senarai, kita mendengarlah pandangan-pandangan itu. Ia bukan bermakna pengurusan cincai. Ia bukan bermakna pengurusan cincai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Serdang baru sebut hari ini tetapi Yang Berhormat letak kertas atas meja kami ini awal pagi, belum bacaan kali kedua lagi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, tunggu saya jawab lah. Sabarlah

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, itu saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kertas diletakkan, kertas cadangan pindaan diletak awal pagi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena duduk.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Sebelum bacaan kali kedua, sebelum Yang Berhormat Serdang bahas. Kata ada pinda. Maknanya kerajaan baru sedar. Jadi, kerajaan jenis tidak sedar diri ini. Ini kacau ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebenarnya kita mendengar segala pandangan-pandangan daripada pelbagai sudut. Walaupun pandangan-pandangan itu tidak semestinya tepat tetapi saya ingin mengesahkan bahawa segala wang RM120 bilion,

RM133 bilion itu terus dimasukkan pada Kumpulan Wang Disatukan. Hasrat kita begitu pada asalnya namun apabila ia diputar belit dan sebagainya, kita ingin mengelakkan daripada segala kontroversi itu dan terima kasih lah atas pandangan Yang Berhormat Pokok Sena. Jangan jadi kerajaan yang cincai, oleh kerana kami tidak mahu jadi kerajaan yang cincai maka kita menarik balik. Dengan niat yang suci murni kita tarik balik dan janganlah diputar belitlah segala niat yang baik ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri kata tadi tidak semestinya semua pandangan itu tepat. Jadi, kalau tidak tepat, pasal apa hendak tarik balik? Kalau tidak tepat pasal apa hendak tarik balik?

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, ini saya katakan pengurusan cincai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat... Pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 5 dan 6 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

#### **Fasal 8 [Pindaan]-**

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa fasal 8 rang undang-undang dipinda dengan memotong fasal 8. Pindaan ini bertujuan memotong fasal 8 rang undang-undang untuk menggugurkan cadangan memasukkan Jadual baru Keempat yang berhubung dengan perjalanan prosiding Panel Pelaburan yang disebut dalam subseksyen 27A(5).

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 8 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 8 Oktober 2014.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang]***